

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 24	Selasa	12 Jun 2012
----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012	(Halaman 35)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 115)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Tapak Pelupusan Sampah Bukit Bakri – <i>Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)</i>	(Halaman 115)
■ Fatwa Pengharaman Bersih 3.0 Bertentangan Dengan Konsep Amar Maaruf Nahi Mungkar – <i>Y.B. Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)</i>	(Halaman 118)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 12 Jun 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan menyatakan inisiatif yang dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai harta intelek di kalangan masyarakat umum.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dan menggalakkan pendaftaran harta intelek, kementerian menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia, MyIPO telah meneruskan kempen kesedaran secara intensif sepanjang tahun.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seminar, bengkel, latihan, pameran, temu ramah di televisyen dan radio, sisipan akhbar, *knock door approach* serta mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi IPT mengenai harta intelek. Kementerian telah melancarkan edisi *MyIP Buletin* iaitu yang memaparkan isu-isu harta intelek yang diterbitkan dua kali setahun dan diedarkan secara percuma sebagai Salah satu medium untuk meningkatkan kefahaman mengenai harta intelek.

Di samping tu pendekatan baru yang telah dilaksanakan oleh kementerian melalui MyIPO adalah penggunaan media sosial seperti *Facebook, Twitter, Youtube, SMS, Blog* membolehkan MyIPO berinteraksi secara lebih berkesan dengan setiap lapisan masyarakat bagi memupuk budaya menghormati hak harta intelek di kalangan rakyat Malaysia. Selain itu untuk mendekati masyarakat di luar Lembah Klang kementerian melalui MyIPO pada tahun 2011 telah membuka tiga pejabat cawangan di Zon Selatan, di Johor, Pantai Timur di Kuantan dan di Utara, di Pulau Pinang. Pembukaan ini dapat membantu MyIPO dalam usaha mendekati orang ramai selain memudahkan pendaftaran harta intelek. Kemuncak kepada inisiatif kementerian untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai harta intelek di kalangan masyarakat umum adalah sambutan Hari Harta Intelek Negara yang disambut pada setiap tahun pada 26 April. Sambutan Hari Harta Intelek Negara tahun 2011 telah diadakan di Johor Bahru, Johor dan sambutan pada tahun ini iaitu di Kuantan, di Pahang. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Kalau kita dengar tadi banyak inisiatif yang telah dijalankan. Namun saya rasa usaha ini perlu dijalankan dengan lebih banyak lagi untuk *outreach* dengan izin, kepada orang luar sana. Kalau kita lihat juga negara Singapura menuntut macam rambutan Malaysia ini didaftarkan sebagai laici Singapura. Begitu juga Kopitiam yang biasanya di Malaysia ini kita gunakan sebagai sebuah jenama generik sahaja tetapi di Indonesia ianya dibenarkan didaftarkan sebagai sebuah produk harta intelek.

Di Malaysia ini juga kalau kita perhatikan juga, kita sudah banyak mempunyai produk. Misalnya sari segi *traditional knowledge* dengan izin, yang melibatkan perubahan secara tradisional. Kalau kita lihat potensi-potensi produk-produk yang ada di Malaysia ini, kalau kita betul-betul dapat menyerap maklumat ini kepada masyarakat sebagai individu ataupun sebagai sebuah kawasan dengan izin, *geographical indicator* untuk sebuah-sebuah kawasan ataupun negeri. Mungkin kita dapat mendaftar sebanyak-banyaknya. Jadi, saya hendak melihat dari segi perancangan kementerian. Apakah posisi Malaysia ataupun apakah yang boleh Malaysia lakukan untuk menempatkan harta intelek ini sebagai satu produk ataupun ia boleh dijadikan satu produk komersial untuk individu dan juga untuk negeri-negeri pada masa-masa hadapan? Saya percaya kalau Malaysia menggalakkan, ianya akan menjadi satu produk yang boleh menghasilkan pendapatan untuk kita. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan ini. memang kita tidak dapat nafikan bahawa harta intelek ini sebenarnya boleh menjana pendapatan yang begitu banyak kepada seseorang individu ataupun syarikat dan negara kita. Dalam hal ini pihak kementerian melalui MyIPO sebenarnya telah pun membuat pelbagai inisiatif seperti strategi pengurusan harta intelek yang telah pun dilaksanakan bagi melonjakkan negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi iaitu dengan mengadakan pelbagai. Itu cadangan pindaan ke atas perundangan harta intelek seperti memperkenalkan... *monetization* di mana harta intelek boleh digunakan sebagai *collateral* kepada pihak institusi kewangan bagi empunya harta intelek untuk memperoleh sumbangan ataupun sumber kewangan dalam bentuk pinjaman.

Begitu juga iaitu kementerian, menerusi MyIPO juga serta beberapa agensi seperti *Multimedia Development Corporation* dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) sedang mengadakan kerjasama bagi mengenal pasti kaedah penilaian ke atas sesuatu harta intelek iaitu *IP valuation* untuk tujuan pengkormesialan.

■1010

Pihak MyIPO yang sedang khususnya seperti perubahan *traditional knowledge* contohnya supaya tidak diciplak oleh mana-mana negara asing telah pun berusaha untuk mencari dua kaedah di mana untuk membangunkan ataupun membangunkan satu pangkalan data kebangsaan *traditional knowledge* di mana iaitu kita hendak menghimpunkan semua

maklumat mengenai *traditional knowledge* dari Malaysia yang ditransformasikan dalam bentuk digital yang merangkumi pelbagai sumber iaitu daripada masyarakat Orang Asli di Semenanjung, masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak serta perubatan Melayu. Ini semuanya kita akan masukkan dalam bentuk digital dan pihak pegawai akan memantau dan semua rekod ini akan dimasukkan ke dalam data untuk memudahkan supaya semakan himpunan data ini.

Kementerian juga dalam proses kajian terperinci tentang kesesuaian dan keberkesanan undang-undang perlindungan melalui undang-undang perlindungan khususnya *traditional knowledge* yang tersendiri, supaya pihak MyIPO juga *Intellectual Property Organization* melindungi keperluan iaitu harta intelek ini di peringkat bukan sahaja di negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih di atas penjelasan yang diberikan.

Saya ingin tahu di Malaysia ini bahkan di dunia dalam ekonomi atau bidang perniagaan yang berasaskan kepada pengetahuan, isu harta intelek dan juga undang-undang yang mengawal harta intelek ini sangat penting bahkan ia boleh mempengaruhi pelaburan asing yang hendak masuk ke dalam negara kita.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan ke dalam Dewan yang mulia ini, di peringkat antarabangsa sehingga sekarang sudah berapa banyak jumlah paten yang difailkan atas nama negara kita di peringkat antarabangsa dan daripada jumlah yang telah dipatenkan itu harta intelek yang bersifat abstrak berapa banyak dan yang bersifat bukan abstrak berapa banyak pula? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Machang di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kalau kita lihat iaitu daripada tahun 2009 sehingga bulan Mei 2012 sebanyak 8,830 paten yang telah pun didaftarkan, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tentang abstrak dan tidak abstrak, saya tidak ada maklumat dan memohon untuk menjawab secara bertulis, terima kasih.

2. Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh] minta Perdana Menteri menyatakan status terkini cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (Royal Commission of Inquiry) bagi mengkaji masalah pendatang haram dalam negara terutamanya di negeri Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 28 Februari 2012. Berikutan daripada itu kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan, dengan izin *term of reference* suruhanjaya siasatan tersebut sekarang ini di peringkat akhir penggubalan. Bagi memastikan tujuan suruhanjaya ini ditubuhkan tercapai dengan

sepenuhnya, kerajaan perlu memastikan terma rujukan yang ditetapkan adalah menyeluruh supaya masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif.

Selain daripada itu, anggota suruhanjaya ini juga akan dipilih daripada kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman yang mendalam berhubung dengan masalah pendatang asing di Sabah untuk memastikan syor-syor yang dikemukakan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Soalan ini sebenarnya sudah lama tertangguh, *term of reference* itu tentunya penting kerana kita tidak mahu ia dianggap sesuatu yang menekan orang-orang yang berhak dan mengikut prosedur. Ada dua kategori yang harus kita jelaskan, yang menimbulkan keprihatinan dan kebimbangan ramai ialah jumlah yang dimaksudkan tanpa peraturan dan tanpa prosedur dan melibatkan unsur-unsur rasuah. Ini telah dibangkitkan dalam keputusan kehakiman, penghakiman di dalam kes pilihan raya di Likas beberapa tahun yang lalu. Di dalam jawapan bertulis Menteri Dalam Negeri kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu April 2012 melalui Program 5P di Sabah dan 6P di Semenanjung, jumlah pendatang asing berdaftar ialah 1.3 juta dan ini kebanyakannya di Sabah, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor.

Apakah jumlah ini dapat dipertahankan kerana dalam angka yang diberikan, Sabah hanya mempunyai 161,500, sedangkan laporan banci penduduk dan perumahan 2010 keluaran Unit Perancang Ekonomi mengumumkan bahawa 27% penduduk Sabah, 899,700 orang adalah terdiri daripada pendatang asing. Oleh sebab itu jawatankuasa, suruhanjaya yang dibentuk nanti dalam peraturannya itu harus mengambil kira jumlah yang sebenar dan kebimbangan. Malah Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak penegasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah suruhanjaya itu walaupun kita katakan menumpukan perhatian kebanyakannya di Sabah, kerana Sabah merupakan negeri yang paling banyak menghadapi masalah yang berkenaan, tetapi dari angka saya bacakan tadi, ia juga melibatkan Selangor, Kuala Lumpur dan Johor.

Oleh yang demikian, kita mahu supaya suruhanjaya ini walaupun memberikan tumpuan ke Sabah tetapi tidak hanya terhad kepada Sabah dan ada kesungguhan kita kerana ia juga melibatkan beberapa bukti dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus, Jabatan Perdana Menteri tentang unsur-unsur penipuan dalam senarai pengundi pilihan raya.

Jadi kedua-dua masalah ini harus disegerakan, kalau kerajaan sekadar memberikan *term of reference*, sengaja melengah-lengahkan supaya tidak nanti terkesan sebelum pilihan raya dan juga membiarkan perkara ini berlalu sehingga selepas pilihan raya maka kebimbangan ini akan terus menjadi masalah besar. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, daripada pihak kerajaan kita tidak ada masalah daripada segi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang berkenaan dengan keperluan *term of reference* ini mesti merangkumi semua perkara yang menjadi kebimbangan dan kerisauan di kalangan rakyat Malaysia. Saya rasa dengan izin *he is so anxious because* perkara ini berlaku pada tahun 80-an di mana beliau juga pada ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri. Jadi dia pun hendak *clear* nama dia juga, jadi kita akan pastikanlah supaya *term of reference* ini menyeluruh dan akan memberikan gambaran yang sebenarnya. Kedua Yang Berhormat, ini cuma untuk Sabah sahaja, ia tidak merangkumi mereka yang datang ke Semenanjung, hanya RCI untuk negeri Sabah sahaja.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat, bahaya kalau dihadkan hanya di Sabah sebab dengan izin kerana kemungkinan apabila perkara ini berlaku akan dipindahkan segera ke Selangor, Wilayah Persekutuan [*Dewan riu*] ini – sebab itu ia mesti merangkumi seluruh negara. Kalau tidak, ia menjadi satu sindiket. Tak masuk sahaja suruhanjaya, maka 200,000 pindah ke Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

■1020

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau dia pindah ke Kuala Lumpur, Selangor pun, dia tidak akan didaftarkan sebagai pengundi kerana dia tidak mempunyai kad pengenalan. [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat, ini memang khusus untuk negeri Sabah sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pertama sekali, selaku mewakili Sabah mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk mewujudkan suruhanjaya bagi penyiasatan pendatang tanpa izin. Saya ingin bertanya dan mencadangkan memang kita ada keyakinan bahawa terma rujukan ini harus diperhalusi sebab kalau tidak mungkin ada orang tempatan di Sabah yang masih belum beridentiti akan teraniaya. Ini disebabkan apabila dikategorikan pendatang ini, mereka yang tidak beridentiti, tidak berkad pengenalan, tidak mempunyai surat beranak. Jadi, di Kinabatangan sendiri termasuk Kalabakan pun memang masih ramai lagi belum memiliki identiti ini.

Jadi kalau boleh sebelum terma ini diputuskan, diberikan dahulu seluruh rakyat Sabah, rakyat Malaysia berada di Sabah yang betul-betul bumiputera yang lahir di situ, orang situ, identiti dahulu, barulah kita laksanakan suruhanjaya ini. Kalau tidak memang teraniayalah sebab suruhanjaya ini memikirkan "*Hah! Ini...*" sehingga pernah berlaku dua orang Kinabatangan dihantar ke *Philippines*, sebab tidak beridentiti, dia tidak mahu turun, bunuh pun bunuhlah. Dia kata "*Ini bukan negara saya. Saya orang Kinabatangan*". Jadi ini, kita tidak mahu perkara sebegini berlaku. Kita mahu kalau boleh Jabatan Pendaftaran Negara mendaftar dahulu semua rakyat Malaysia di Sabah untuk mendapatkan identiti masing-masing barulah kita laksanakan terma-terma tertentu ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Mengambil kira masalah dan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itulah yang menyebabkan kita makan masa sedikit untuk memastikan dengan izin, *terms and references* dan juga untuk menghalusi mereka yang layak untuk menjadi panel. Jadi, terima kasih di atas *intervention* Yang Berhormat kerana inilah sebenarnya yang menyebabkan kita sedikit terlambat untuk menamakan panel dan juga menentukan *terms and references*.

3. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas individu-individu yang menjadi penganjur perhimpunan Bersih pada April lepas yang telah menjadi suatu protes jalanan yang ganas dan mengancam keselamatan dan keamanan di Kuala Lumpur yang mana dengan jelas telah melanggar Akta Perhimpunan Aman 2011.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Kanowit pada hari ini; Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kota Raja pada 13 Jun; Yang Berhormat Klang pada 14 Jun; Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pada 18 Jun; Yang Berhormat Tanah Merah pada 19 Jun; Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Shah Alam pada 20 Jun; Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Klang pada 21 Jun; Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Pasir Salak pada 25 Jun; Yang Berhormat Bukit Bintang pada 26 Jun; Yang Berhormat Labuan pada 27 Jun; dan, Yang Berhormat Maran pada 28 Jun. Ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon masa sedikit untuk menjawab ini. Kerajaan memandang serius dan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang terbukti bersalah melanggar undang-undang negara sehingga menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Sehubungan dengan Perhimpunan Bersih 3.0 yang diadakan pada 28 April lalu, didapati tidak bersih kerana ia telah menjadi suatu protes jalanan yang ganas dan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Lantaran itu, pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap penunjuk perasaan, penganjur dan orang yang memulakan provokasi serta anggota pasukan yang bertugas. Pada hari kejadian, pihak polis telah menahan 512 individu yang terlibat dalam perhimpunan tersebut dan kesemuanya telah dibebaskan dengan ikat jamin polis selepas rakaman percakapan mereka dibuat. Selepas itu, tujuh orang penunjuk perasaan dan dua orang penjawat awam yang merupakan anggota polis yang bertugas telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

Berkaitan dengan individu yang cedera dalam perhimpunan itu, mengikut laporan polis yang diterima, seramai 24 orang telah dilaporkan cedera termasuk seramai 12 orang anggota polis yang bertugas pada ketika itu. Selain daripada tindakan di atas, kerajaan juga telah mengambil tindakan sivil menuntut ganti rugi berjumlah RM122,000 terhadap Datuk S. Ambiga dan sembilan lagi ahli jawatankuasa penganjur yang lain kerana gagal mengawal perhimpunan tersebut sehingga mengakibatkan keadaan huru-hara. Kos ganti rugi berjumlah RM122,000 adalah untuk kos pembaikan kenderaan polis, faedah, kos dan *relief* lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Berkaitan tindakan terhadap Datuk S. Ambiga dan sembilan orang yang lain yang bertanggungjawab sebagai penganjur perhimpunan kotor dan ganas ini, PDRM telah mengemukakan laporan siasatan kepada Jabatan Peguam Negara dan setakat ini belum menerima apa-apa maklum balas. Sehubungan dengan individu-individu lain yang dikenal pasti melanggar undang-undang semasa perhimpunan tersebut, PDRM telah pun membuat hebahan melalui media cetak, media elektronik dan media baru bagi mengesan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, insiden semasa perhimpunan pada 28 April lalu dapat dielakkan jika semua pihak mematuhi Akta Perhimpunan Aman 2012. Akta ini mampu melindungi rakyat Malaysia daripada ancaman keselamatan kesan protes jalanan termasuk badan-badan yang menguatkuasakan undang-undang. Pelaksanaan Akta Perhimpunan Aman 2012 berkuat kuasa pada 23 April 2012. Sejak dari tarikh berkenaan sehingga perhimpunan pada 28 April lalu dijalankan, tiada individu atau penganjur menghantar notis pemberitahuan kepada PDRM berkaitan perhimpunan berkenaan. PDRM telah menjalankan tugas-tugas seperti yang terkandung dalam seksyen 8 Akta Perhimpunan Aman 2012 di bawah tajuk Tanggungjawab Polis semasa perhimpunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Perhimpunan Aman 2012 dirangka sebegitu rupa dengan mengambil roh dan semangat yang terkandung dalam seksyen (1) subseksyen (a), (b), (c) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan, bercakap, berhimpun dan berpersatuan yang menyatakan setiap warganegara berhak pada kebebasan bercakap dan bersuara; berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata; dan semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan. Ini sekali gus telah menggariskan langkah-langkah pencegahan untuk menangani protes jalanan. Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan untuk berhimpun dan bersuara.

■1030

Walau bagaimanapun penyalahgunaan kebebasan berhimpun dan bersuara seperti mengadakan protes jalanan sehingga menggugat ketenteraman awam sewajarnya dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini berhubung dengan jumlah laporan polis berkaitan dengan perhimpunan berkenaan setakat ini PDRM telah menerima sebanyak 165 laporan dan kesemua laporan ini disiasat dengan teliti sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat insiden perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April yang lalu kerana tindakan untuk mendakwa individu-individu yang terlibat dalam perhimpunan tersebut telah pun dilaksanakan oleh Peguam Negara. Walau bagaimanapun kerajaan telah menubuhkan panel penasihat bebas yang tidak terikat dengan undang-undang untuk menyiasat dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai apa yang berlaku semasa perhimpunan tersebut.

Oleh yang demikian, kerajaan tidak memberikan peranan kepada SUHAKAM untuk menyiasat dakwaan keganasan yang berlaku seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini kerana apa yang lebih penting adalah untuk mencari kebenaran. Kementerian tidak mempunyai apa-apa halangan sekiranya SUHAKAM ingin menubuhkan panel siasatan awam berdasarkan bidang kuasa mereka yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam menghadapi perhimpunan yang diadakan pihak PDRM telah mengambil pendekatan berhemah secara *non engagement* dan mengambil tindakan 3RCE iaitu *restrain, restrain, restrain, caution* dan *enforcement* dengan izin selaras dengan roh dan matlamat Akta Perhimpunan 2012 itu. Pihak polis juga bertindak berlandaskan SOP yang telah disediakan bagi tujuan mengawal keadaan dari menjadi lebih ganas sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam semasa perhimpunan tersebut. Dalam masa yang sama juga PDRM perlu bertindak dengan cepat bagi memastikan keadaan dan keselamatan adalah terkawal.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan jumlah anggota polis yang bertugas pada perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April lalu, PDRM telah menggerakkan seramai 9,274 pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan di kawasan Lembah Klang. PDRM juga telah membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan makan, minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanjakan oleh PDRM menangani perhimpunan tersebut adalah sejumlah RM1.8 juta. Jumlah kerugian pula yang ditanggung oleh PDRM ialah sebanyak RM156,560.

Tuan Yang di-Pertua ingin saya jelaskan tiada peraturan yang membolehkan pihak polis bertindak kasar terhadap sesiapa sahaja termasuk pengamal media seperti mana yang

didakwa oleh sesetengah pihak yang berkepentingan. Ini kerana pihak polis bertindak berlandaskan SOP yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama juga polis harus bertindak cepat bagi memastikan keadaan terkawal. Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan dan perkara ini akan disiasat dengan lebih teliti melalui penubuhan jawatankuasa panel penasihat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Asas kepada soalan asal saya adalah mengenai prinsip Rukun Negara iaitu Kedaulatan Undang-undang dan Akta Perhimpunan Aman 2012 ini telah diluluskan dan menjadi sebahagian daripada undang-undang negara ini.

Jadinya seperti dalam jawapan Timbalan Menteri tadi, mereka yang terlibat dalam Perhimpunan Bersih 3.0 ini telah melanggar akta tersebut. Jadi soalan tambahan saya adalah dalam menghadapi perhimpunan yang dianjurkan oleh Datuk Ambiga dan rakan-rakan pada 28 April yang lalu, apakah persiapan dan sejauh manakah kementerian telah bersedia untuk menangani apa-apa kemungkinan yang berlaku pada perhimpunan tersebut? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Sehubungan dengan perhimpunan yang dianggap kotor ini dan ganas, pihak kementerian sentiasa bersiap sedia untuk memastikan keselamatan dan juga ketenteraman awam sentiasa di jaga. Justeru itu, apa jua yang berlaku keadaan pada perhimpunan itu pihak kementerian melalui pasukan Polis Diraja Malaysia telah bersiap sedia dengan sepenuhnya untuk mengatasi masalah-masalah apa jua yang berlaku.

Bagaimanapun dalam tindakan kita terutamanya apabila kita mengambil tindakan, kita seperti mana yang telah saya nyatakan bahawa pendekatan kita sudah tentu secara berhemah sekali dan secara *non engagement* berlandaskan kepada 3RCE iaitu *restrain, restrain, restrain, caution* dan *enforcement*. Apa yang kita melihat bahawa sebelum perhimpunan ini berlaku bahawa kita merasakan daripada maklumat-maklumat yang kita peroleh, kita akan menghadapi ancaman-ancaman daripada pihak peserta.

Oleh kerana apa yang kita peroleh sebelum hari perhimpunan berlaku pada 28 hari bulan tersebut bahawa dalam satu majlis *countdown* yang pada 26 dan 27 April yang lalu, pihak pembangkang dan NGO telah menghasut para hadirin di majlis tersebut yang difahamkan terdiri daripada lebih kurang 3,000 orang yang hadir supaya bertindak agresif yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam majlis tersebut di dapati pihak pembangkang juga telah mengapi-apikan dan membakar semangat peserta untuk mengambil tindakan antaranya jika Dataran hanya di kawal oleh polis, peserta akan rempuh masuk.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh, Oh.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Keduanya penubuhan unit pemantau yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Peguam..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berkecai tulang kita pertahankan Putrajaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:...bagi tindakan polis pada 28 April 2012.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Biar berkecai tulang kita pertahankan Putrajaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ketiganya, mereka telah mewujudkan unit amal PAS yang berbaju merah dan bere merah akan berada di semua tempat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Anak buah Yang Berhormat Pokok Senalah itu.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Berkaitan dengan Skwad Angkatan Tentera Pemuda Keadilan..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bulan depan kita pergi pula Putrajaya pula. *[Ketawa]*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Telah ditugaskan di Masjid India dan *DAP Action Team* (DAPAT) telah ditugaskan di Jalan Sultan dan juga memaklumkan walau apa yang berlaku mereka akan tetap berhimpun di Dataran Merdeka biar pun pihak polis dan pihak DBKL memasang kawat duri serta menghalang, tindakan memotong dan merempuh akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua dalam usaha untuk menggerakkan momentum di penghujung *countdown* tersebut, mereka telah menghasut para hadirin untuk bergerak ke Dataran Merdeka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi, kementerian telah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dengan membuat persiapan yang sewajarnya seperti mendapat bantuan keanggotaan yang secukupnya, penambahbaikan keperluan logistik dan persediaan fizikal dan mental berpaksikan kepada 3RCE sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi.

■1040

Bagi semua pegawai-pegawai dan anggota yang bertugas untuk menghadapi sebarang kemungkinan tindakan-tindakan seperti yang telah berlaku angkara peserta perhimpunan pada hari tersebut seperti membaling botol, topi keledar, batu, kayu serta memaki hamun dengan perkataan 'anjing', 'babi', 'binatang' dan sebagainya oleh pihak peserta.

Jadi, itulah yang berlaku Yang Berhormat dan itulah sebab kita bersiap sedia apa jua angkara yang akan berlaku.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri patutlah kata bahawa Bersih 3.0 ialah kotor dan ganas, patut

dikutuk dengan sekeras-kerasnya... [Tepuk] Oleh kerana ialah satu *demonization campaign* dan satu *insult* kepada beratus ribu rakyat tidak kira kaum, agama, kelas, umur, jantina yang keluar beramai-ramai secara aman, mereka bukan mahu menggulingkan kerajaan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mana ada aman, mana ada aman?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Aman apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Senjata mereka ialah...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Semua kotor, jijik, kotor. Mana ada aman? [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kata-kata Barisan Nasional begitu lembut, boleh digulingkan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ini rasis, rasis. DAP rasis.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Rasis 13 Mei siapa buat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah Yang Berhormat Menteri kata...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Ipoh Timur ini 13 Mei...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bahawa Bersih 3.0 bukan.....

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: 13 Mei apa *you* cakap Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Merupakan satu ancaman keselamatan...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Lawan macam anak jantan lah, jangan jadi anak bapak dan pondan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan kita bersetuju bahawa apa bentuk kekerasan patutlah dikutuk tidak kira bahawa mangsa ialah anggota polis, wakil *mass media* atau orang ramai, patut dikutuk. Akan tetapi ini apabila berlaku penggunaan kekerasan yang luar biasa, *excessive disproportionate* semacam apa yang berlaku pada hari itu...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Siapa yang mulakan? Siapa yang mulakan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kegunaan gas pemedih mata tiga kali ganda daripada Bersih 2.0 menunjukkan bahawa adalah kegunaan *force*, *excessive* dan *disproportionate* dan kita perlu siasat kenapa, *what went wrong*, *what went wrong* pada 28 April? Kita mahu satu siasatan yang bebas dan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana rakyat ada kepercayaan bahawa akan ada satu siasatan yang bebas dan adakah Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Rakyat percaya, pembangkang tidak percaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kerajaan rela untuk membubarkan *independent panel* dipengerusikan oleh Tun Hanif Omar oleh kerana beliau...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kota Raja diam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Adalah membuat kenyataan yang *prejudicial*, yang *bias* dan memberi sokongan yang kuat kepada *SUHAKAM Inquiry* supaya siasat *what went wrong* dan jangan datang di sini dengan *demonization campaign*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lidah bercabang dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan soalan yang ditimbulkan kononnya ramai yang keluar, ini merupakan tindak tanduk yang dilakukan oleh pihak pembangkang kerana apa yang saya telah nyatakan tadi, bukan sahaja pada 26 dan 27 pihak pembangkang telah mengadakan *countdown*, menghasut rakyat dengan pelbagai supaya melakukan keadaan yang agresif supaya menjejaskan ketenteraman dan keselamatan awam. Malahan sebelum daripada itu juga, Yang Berhormat pihak pembangkang telah pun juga menguar-uarkan dengan mengapi-apikan rakyat. Apa yang kita lihat, kita ada maklumat Yang Berhormat, ada gambar sini pun boleh bercakap Yang Berhormat... *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]* Gambar sini pun boleh bercakap Yang Berhormat. Gambar sini pun boleh bercakap apa yang tindak tanduk yang mengapi-apikan rakyat untuk melakukan keganasan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Pembangkang halal bagi mereka, haram bagi kita.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa itu gambar? Apa itu gambar? Tidak nampak.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Surat khabar pun penipulah. Penipulah surat khabar.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Surat khabar pembangkang baru betul, yang lain tidak betul.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Timur, 13 Mei *lu* mana pergi?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan untuk kegunaan awak sendiri. *Come on*, bawa sini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Janganlah Yang Berhormat berbangga dengan keadaan yang....

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hei, tunjuk dekat skrin ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Hadir itu kononnya merupakan mereka sukarela, sebaliknya adalah dihasut oleh pihak pembangkang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dihasut dan dibayar.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sukarela tidak dibayarliah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan macam UMNO.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dan apa yang berlaku ialah seperti mana yang saya telah nyatakan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Nik Aziz pun bagi duit minyak. Nik Aziz pun bagi duit minyak.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Nik Aziz kata syariat bagi duit minyak.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Nik Aziz pun mengaku dia bagi duit poket.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Pergerakan-pergerakan semasa perhimpunan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana video? Video mana?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Perjuangan Ambiga...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Video mana? Video, video, video. Cakap sahaja...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Maklumat yang kita telah dapat. Jadi inilah semua angkara yang dibuat oleh pihak pembangkang dengan ada tujuan yang tersirat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Video pun tidak ada. Mana video?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Video sudah tarik balik.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Untuk mengadakan perhimpunan tersebut.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Video sudah tarik balik.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: LGBT.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada video tidak percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat 24(3).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon dibenarkan satu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: 24(3) ya.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Dalam...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon diberi satu soalan tambahan kepada kami di sini sebab...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Dalam soal jawab tidak ada peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap, sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Ramai yang bertanya soalan ini ya. Saya pohon ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa dia Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada lebih kurang 30 soalan pagi ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: 24(3) ya.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Dalam soal jawab tidak ada peraturan mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dalam tajuk yang sama.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Sudah habis *ruling*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, haraplah boleh bagi lagi soalan tambahan 3 dan 4.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, salah seorang di antaranya ialah saya atau Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat sebentar. Apa dia Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon ya satu soalan tambahan sebab Dewan ini boleh peruntukkan tidak lebih daripada tiga soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah bagi Yang Berhormat Jempol.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat kuasa yang ada pada saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jempol tidak tanya. Dia tidak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya cuma boleh bagi tiga. Yang Berhormat Jempol.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi saya sudah bangun. Saya pohon ramai...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jempol tidak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon ramai yang bertanya soalan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami yang tanya ini.

Seorang Ahli: Hei, mahu ajar Speaker kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: P.M.24(3) ya Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Jempol.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payahlah macam ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, janganlah macam ini. Kami yang tanya soalan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Lebih kurang 30 soalan kami hendak tanya dan 20 nya dari pihak di sini.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Takutkah? Takutkah? Saya pun mahu tanya juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *None issue. None issue.* Tiada isu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa ini soalan tambahan ketiga bagi ke pihak sana? Ini tidak adil.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya pun ada soalan nombor 19, saya pun hendak tanya juga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi nanti?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bolehlah, bolehlah..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan tambahan keempat?*[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini peluang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak ada masalah. Kenapa ada masalah ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon kalau tiada masalah, saya pohon satu soalan tambahan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hendak minta tanya soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *No, we stick to the* peraturan mesyuarat. *You shouldn't be*, tidak sepatutnya mengemukakan soalan begini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat kata maksimum tiga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, betul.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, jadi boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maksimum tiga, kita bagilah sana sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua bagi Yang Berhormat Jempol, dia tidak keluarkan soalan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sama, tidak ada masalah. Ahli Parlimen Barisan Nasional pun ramai yang mengemukakan soalan yang sama.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, 30. Saya ada tanya, Yang Berhormat Batu Gajah pun ada tanya tetapi kami tidak diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak nampak sebarang masalah. Jika tidak...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masalah ini masalah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu buat macam ini Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Jempol.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Populariti Perdana Menteri menjunam selepas Bersih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masalah besar.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Speaker sudah panggil Yang Berhormat Jempol lah, apa lagi? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Speaker sudah panggil Yang Berhormat Jempol.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jempol tidak tanya pun.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Bahawa Bersih adalah kotor, tetapi populariti Perdana Menteri menjunam, merosot.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Jempol.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Polis telah pun mengumpulkan bukti-bukti bahawa pembangkang menghasut rakyat. Saya hendak bertanya kepada kerajaan... *[Dewan riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tanya, dia tuduh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan ganggu perjalanan mesyuarat Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Saya hendak bertanya kepada kerajaan..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan ganggu.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: ...Daripada bukti-bukti yang dikumpulkan oleh polis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan ganggu, dia tengah soalan tambahan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: ...Daripada bukti-bukti yang dikumpulkan oleh kerajaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi dia tidak soalan pun. Ini tidak adil ini.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: ...Adakah kerajaan akan mendakwa parti pembangkang yang menghasut rakyat? [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dakwalah, dakwalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Di bawah Akta Hasutan kerana jelas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap janganlah bagi Yang Berhormat Jempol....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, dia pun tidak ada soalan tambahan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia bagi tuduhan palsu sahaja, fitnah sahaja.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Jelas parti pembangkang melanggar undang-undang iaitu menghasut rakyat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Hei, Nik Aziz kata tidak melanggar undang-undang lah, syariat, ikut syariat. Mana ada melanggar undang-undang?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Adakah pihak kerajaan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, dia ulang-ulang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan ganggu. Yang Berhormat Bukit Mertajam jangan ganggu.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: ...Terutama sekali Akta Hasutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Please sit down.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi dia ulang-ulang apa yang telah dikata oleh Timbalan Menteri. Dia tidak tanya soalan tambahan pun.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Adakah pihak polis bercadang untuk mengheret parti pembangkang, ketua-ketuanya yang menghasut rakyat... *[Dewan riuh]* dalam peristiwa Bersih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, tengok, dia tidak ada soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol tidak ada soalan. Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ya, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, tuduhan yang sama sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Sit down.* Duduklah, duduk, saya mahu menjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Tuan Yang di-Pertua tolong. Boleh minta soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita ikut peraturan. Menteri hendak jawab ikut peraturan mesyuarat. Jangan ganggu perjalanan mesyuarat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak ada soalan, tetapi ada jawapan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas itu boleh soalan tambahan lagi? Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Jempol. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya yang panel bebas yang kita wujudkan yang dipengerusikan oleh Tun Hanif adalah untuk mencari kebenaran yang sebenar.

■1050

Jadi apa yang kita sudah buat... *[Dewan riuh]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua orang sudah letak jawatan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ada maklumat-maklumat dan bukti-bukti yang akan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua orang sudah letak jawatan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dikeluarkan semasa...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebab Nik Aziz kata syariat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Semasa dalam siasatan panel penyiasat ini bahawa kalau ada bukti kita akan juga...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua orang anggota panel pun telah letak jawatan. [*Dewan riuh*]

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Mengambil tindakan yang sewajarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Untuk tindakan-tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua orang ahli panel pun telah letak jawatan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jemput Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh soalan tambahan lagikah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, kita belum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta maaf. Peraturan mesyuarat tidak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: 30 soalan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maaf. Tidak ada 1, 2, 3, maksimum 3.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita *suspend* kan inilah, *standing order* lah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Peraturan mesyuarat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua ada kuasa berhentikan. Berhentikan peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor lima...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita boleh *suspend* peraturan mesyuarat dan memberi lagi soalan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor lima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat. Saya minta...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Because this is... 30 tahu, 30 soalan. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, soalan-soalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You're on question nombor 4 please.*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Barat! Tidak mahu soalan. Nombor lima terus Speaker!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan nombor lima... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu buat macam ini Yang Berhormat. Cukup, cukup! Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Batu Gajah minta duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa wanita tidak diberi peluang?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagilah! Tolonglah! Bagi peluang satu lagi. Kita *fix* kan satu masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Barat tidak mahu tanya. Soalan terus nombor lima.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh tanya mana video, video? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Barat tidak mahu tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Video, video itu...

Seorang Ahli: Haiya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong-tolong Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita *freeze* kan masa, gantungkan peraturan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Beri satu lagi soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan tambahan. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah 30 soalan tahu, tanya pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukup! *You show me which* peraturan mesyuarat *I can call... person?* Tidak boleh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya boleh. Saya boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, tidak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang ini, Yang Berhormat Ipoh Barat boleh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita boleh *suspend standing order*...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita tunjukkan, kita tunjukkan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *We can suspend standing order* dan membenarkan soalan dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan ganggu. Cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No! We can!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Are you calling for question number 4?* Yang Berhormat, *do not do that*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat *ask me under what* peraturan mesyuarat *I am telling* Yang Berhormat, boleh. *There must be ingenious way*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan kelirukan Dewan. Jangan kelirukan Dewan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *There must be way*. Bukan mengelirukan, mana ada?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita tunjukkan, kita tunjukkan macam mana boleh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia mengelirukan tanpa video. Mana video itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *What is this?*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan nombor lima, dia tidak mahu tanya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh *suspend* kan peraturan kah? Boleh atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu main-main macam ini Yang Berhormat. Cukup!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bolehlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu main, tidak perlu persendakan Dewan, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini soalan penting, saya tidak main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup. *I make up my decision*, kalau Yang Berhormat patuh kepada peraturan mesyuarat saya sudah katakan saya tidak ada kuasa. Saya panggil Yang Berhormat Ipoh Barat untuk kemukakan soalan. Sila duduk Yang Berhormat. *It's very simple. The Speaker has made up the decision, made the decision, you must follow that, please!*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Haiya! Speaker selalu adanya ini kuasa mutlak...
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Please!* Ya, *please* lah!

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat, tanya soalan Yang Berhormat Ipoh Barat! Kalau tidak mahu, kasi soalan nombor lima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada isu, tidak perlu kita bertegang macam ini, *for no reason*. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan tambahan atau soalan keempat? [Dewan riuh]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hoi!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau soalan tambahan, saya sudi untuk menanya kenapa video itu tidak dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sila kemukakan soalan nombor empat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan keempat, soalan empat setengah.
[Ketawa] Soalan saya. [Dewan riuh]

4. **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Perdana Menteri menyatakan proses terkini keanggotaan Malaysia ke Rome Statute Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*Rome Statute of the International Criminal Court*).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak perlu jawab, dia kata empat setengah. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Empat setengah tidak ada.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Empat setengah kah atau empat?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, nasib baik dia tidak sebut soalan tiga suku.

Seorang Ahli: Ada lagi...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kalau dia sebut soalan tiga suku, lagi teruk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa. Kita jawablah soalan nombor empat tiga suku sahaja. [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Rupanya yang jawab itu tiga suku kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Untuk Dewan yang mulia ini, menurut Perkara 125(3) dengan izin, "*Rome Statute of the International Criminal Court* atau apa yang disebut sebagai *Statute Rome* bagi maksud kesertaan dengan izin, *assertion* Malaysia terhadap *Statute Rome*. Malaysia hendaklah mendepositkan instrumen kesertaan dengan izin *instrument of the accession* dengan Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai *depository treaty* tersebut."

Walau bagaimanapun, sebelum Malaysia boleh berbuat demikian Malaysia hendak memastikan bahawa ianya terlebih dahulu berkebolehan melaksanakan dengan berkesan segala obligasi yang bakal ditanggung olehnya di bawah *Statute Rome* tersebut. Antara kaedah yang terbaik boleh diambil untuk memenuhi obligasi tersebut ialah dengan memastikan bahawa rangka perundangan negara dikemaskinikan untuk membolehkan pendakwaan dibuat mengikut prinsip undang-undang antarabangsa terhadap penjenayah yang melakukan jenayah antarabangsa serius sama ada dilakukan di dalam atau di luar sesuatu negara. Di samping membolehkan kerjasama diberikan kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Namun, terdapat beberapa peruntukan di dalam *Statute Rome* tersebut dan kuasa MJA yang menimbulkan keraguan atau kesulitan dari segi undang-undang. Antara peruntukan tersebut ialah Artikel 1 yang berhubung dengan prinsip *complementarity's*. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai *reservation* dengan izin, khususnya terhadap tafsiran dan kesamarataan pemakaian prinsip tersebut oleh MJA sendiri. Selain itu, Artikel 27 memperuntukkan bahawa kekebalan dengan izin *immunity* atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang semasa menyandang jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang MJA daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas orang sedemikian.

Hal ini perlu dikaji semula kerana ia menyentuh isu kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan pemerintah di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas dan nyata memperuntukkan bahawa tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja. Untuk makluman Dewan juga, walaupun Malaysia bukan negara pihak kepada *Statute Rome*, Malaysia masih boleh mempertimbangkan untuk membenarkan MJA melaksanakan bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan sekiranya ia berlaku di Malaysia.

Hal ini di peruntukkan dalam Artikel 4(2) *Statute Rome* yang membolehkan negara-negara bukan pihak menandatangani persetujuan khas dengan MJA bagi maksud tersebut. Oleh sebab kesertaan Malaysia kepada *Statute Rome* akan menyentuh perkara yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius seperti kedaulatan Malaysia dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja maka hal ini hendaklah dikaji secara mendalam dan selanjutnya tindakan susulan domestik sewajarnya perlu diambil sebelum kesertaan dapat dilaksanakan. Selain itu, perkembangan kes yang dibawa di hadapan MJA juga perlu dipantau dengan teliti untuk melihat keberkesanan dan ketelusan MJA dalam melaksanakan institusi dan kewajibannya dan khususnya dalam menghormati dalam melaksanakan prinsip *complementarities* dengan sewajarnya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dengan pendirian terkini oleh Kerajaan Malaysia. Ini kerana pada 18 Mac 2011, Kabinet telah membuat satu keputusan untuk menjadi anggota *Rome Statute of the International Criminal Court*. Nampaknya kita tidak konsisten, *flip-flops and total disasters policy* yang kita ada. Macam mana pendirian kita? Dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang telah mengatakan asas di mana perlu mengkaji sedalam-dalamnya. Saya boleh menjawab mengenai kedaulatan Malaysia. Yang Berhormat sebenarnya, dengan menjadi seorang anggota *Rome Statute of the International Criminal Court*, kita akan menegakkan lagi kedaulatan Malaysia.

Mengenai Raja-Raja Melayu, saya telah memberi pandangan saya dan jika Jordan satu *country full Islamic state principal country* boleh menjadi anggota. *Full* monarki di sana, apakah kesusahan Malaysia untuk menjadi anggota? Apakah pendirian sekarang berbeza dengan keputusan yang telah dibuat pada bulan Mac tahun yang lepas, di mana Kabinet telah memberi *unconditional approval* untuk menjadi anggota. Apakah *reservation* tersebut? Di sini Tuan Yang di-Pertua, pada 9 dan 10 Mac di Parlimen kita, kita telah menganjurkan satu *Asia-Pacific Parliamentary Consultation of the University of the Rome Statute of the International Criminal Court* di sini. Selepas itu Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberitahu, telah mengisytiharkan dan patut menjadi anggota *the hundred and seven*.

■1100

Sekarang lebih dari 121 negara telah menjadi anggota dan nampaknya *the flip-flop policy* tidak membawa satu keraguan bahawa ada sesuatu yang kita tidak ingin mengakui bahawa *international standards*. Kita tidak ingin menjadi anggota badan-badan seperti *International Criminal Court* kerana kita takut kita terpaksa mengikut undang-undang yang diterima pakai oleh badan-badan dunia. Kita nampaknya tidak serius dalam hal ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Dan menunjukkan bahawa pendirian Kabinet dan lepas itu di mana Peguam Negara...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini peguam tidak tahu peraturan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Saya telah mengakui Peguam Negara datang pada tahun dulu bulan Mac 10 hari bulan, *I said that's black hand perverting all this*. Adakah dia yang menjadi *stumbling block*? Yang Berhormat Menteri telah mengatakan kepada saya sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat soalan, habiskan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Dua bulan dulu bahawa *accession will take place* mungkin perkara itu akan didepositkan di *United Nation* dan seberapa segera yang boleh. Apakah ini *a set back two steps behind the need of international governance and governing international justice*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat jangan emosional, sabar. Saya sudah sebut iaitu bahawa kita telah membuat keputusan secara prinsipnya kita akan - **accede** to this *Statute of Rome*. Jadi dalam jawapan saya, saya kata walau bagaimanapun sebelum Malaysia boleh berbuat demikian, kita nak pastikan bahawa terlebih dahulu berkebolehan melaksanakan dengan berkesan segala obligasi yang bakal ditanggung oleh Malaysia di bawah *Statute of Rome* ini.

Jadi saya sebut di sini, antara kaedah terbaik yang boleh diambil untuk memenuhi obligasi tersebut iaitu dengan memastikan bahawa rangka perundangan negara dikemaskinikan untuk membolehkan pendakwaan dibuat mengikut prinsip undang-undang antarabangsa. Jadi kita hendak menyamakan dengan prinsip undang-undang antarabangsa, bukan kita kata kita tidak mengakui standard antarabangsa. Kita hendak memenuhi obligasi kita, kita terpaksa mengemaskinikan. Pada ketika itu Yang Berhormat masih ingat, pada bulan Februari tahun lepas *Emergency Ordinance* dan beberapa lagi undang-undang masih lagi wujud yang tidak konsisten dengan standard antarabangsa. Jadi ini kita kemas kini dah.

Kita telah pun merungkai *Emergency Ordinance* dan hanya yang tinggal di sini ialah berkenaan dengan imuniti, kekebalan Raja-Raja. Yang Berhormat sebut tentang Jordan. Betul, sebab itu – tetapi kita belum lagi berunding dengan mereka. Saya sebut di sini walaupun

Malaysia bukan negara pihak kepada *Statute of Rome*, Malaysia masih boleh mempertimbangkan untuk membenarkan MGA melaksana bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan sekiranya berlaku di Malaysia.

Sementara kita selesai soal imuniti ini dulu, bukan bermakna kita ICC tidak boleh datang. Boleh datang, kita mesti berurusan dengan mereka. Kita duduk dan berbincang untuk menandatangani persetujuan khas dengan MGA. Cuma tinggal satu sahaja lagi iaitu tentang imuniti dan ini perlu kita berunding terlebih dahulu dengan ICC supaya dia akan menyatakan iaitu bahawa diiktiraf tentang imuniti Raja-Raja dan selepas itu barulah kita boleh *accede to the Statute of Rome* kerana Jordan sebagai contoh ini yang kita akan gunakan iaitu bahawa *you cannot prosecute our King. If that can be done it's okay*. Jadi saya kira tinggal itu sahaja satu.

Saya telah berbincang dengan Peguam Negara tentang perkara ini dan kita dalam peringkat akhir...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, sebenarnya mengenai Jordan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Four years ago* saya telah beritahu *you can check the Hansard. [Dewan riuh]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Empat tahun dulu, saya sudah bagi tahu. Saya difahamkan *Ante Chamber* sedang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Sedang mengadakan *so many meetings* dari tahun 1998 sampai sekarang. *The delay cannot be explained. Cannot be accepted*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan emosional. Dia bukan hanya boleh berlaku dengan kita mengatakan Jordan ada, maka kita boleh. Kita kena duduk dan berbincang dengan mereka sebab urusan antarabangsa ini tidak boleh orang kata *assume* dan *take for granted*. Kita mesti duduk dan mendapat persetujuan sebenarnya daripada mereka.

Ya, kalau ICC kata kalau apa sekalipun berlaku mereka mengiktirafkan kekebalan Raja-Raja kita, okey tidak ada masalah. Memang saya tidak nafikan Yang Berhormat sebut perkara ini empat tahun dulu. Akan tetapi empat tahun dulu belum lagi buat keputusan untuk hendak *accede to Statute of Rome*. Sekarang kita sudah buat keputusan, tapi inilah rundingan berterusan daripada segi undang-undang di negara kita, kita *Alhamdulillah* selesai semua. Tinggal ini satu sahaja.

Jadi saya boleh bagi jaminan pada Yang Berhormat, sabar sikit. Tidak mengapa, yang penting kita akan akhirnya *accede to the Rome Statute*, itu lebih penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi persoalan yang timbul adalah bila? Apakah pihak

kerajaan ada menetapkan satu tempoh untuk memastikan bahawa penyertaan Malaysia dalam *Rome Statute* ini dapat dilengkapkan? Sebab sudah lebih setahun sejak diumumkan dan sekarang dalam Dewan yang mulia ini, Menteri pula menyatakan ada kekangannya kerana perlu memenuhi dua perkara yang lain.

Jadi apakah ada ditetapkan satu tempoh agar Malaysia satu petunjuk *role model* untuk negara yang lain bahawa kita mahu berada di standard hak asasi manusia antarabangsa yang tinggi? Saya pohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak menjawab iaitu bahawa keputusan kita buat. Selepas keputusan kita buat, maka kita berurusanlah. Bila kita hendak *accede*, kita kena pastikan kita mesti *comply* dengan izin, dengan perkara yang ditentukan oleh pihak ICC. Kalau ada perkara yang tidak kita boleh *comply*, kita berundinglah dengan mereka. Saya sudah sebut...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Menteri, isunya bukan sahaja rundingan, mesti jadi agenda utama.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh bagi tempoh, saya tidak boleh bagi tempoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tempohnya yang ditetapkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak boleh, tidak boleh. Kita tidak boleh...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan sekadar kata runding, runding.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak boleh...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Menteri tidak ada dalam Dewan ini Menteri yang lain tidak akan memberikan kepentingan kepada isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, tak, tak, tak...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mesti ada satu tempoh ditetapkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada tempoh, sebab kalau tempoh hanya kita menentukan, saya boleh bagi tempoh. Akan tetapi kalau kita ada pihak yang kedua yang juga terpaksa kita runding tentang perkara yang belum diputuskan lagi, mana boleh bagi tempoh. Tidak boleh bagi tempoh. Nanti kalau saya bagi tempoh, dalam tempoh yang saya beri itu tidak selesai bangkit lagi. Tak usah bagi tempoh, yang penting saya sebut sebentar lagi tinggal satu sahaja lagi iaitu isu kekebalan Raja kita. Kalau ini dapat diputuskan, saya rasa tidak ada masalah. Saya telah sebut kepada Yang Berhormat iaitu saya telah pun berbincang dengan Peguam Negara, saya rasa perkara ini dapat diselesaikan.

5. **Dato' Ismail bin Kasim [Arau]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah kajian yang dibuat terhadap kenaikan tarif pembedaan bagi memenuhi perbelanjaan operasi untuk urusan pengendalian dan pengurusan pembedaan di negara kita.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Noriah Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini industri perkhidmatan pembedaan negara beroperasi dalam keadaan defisit. Kos operasi operator-operator perkhidmatan pembedaan sama ada dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sendirian Berhad ataupun IWK ataupun pihak-pihak berkuasa pembedaan negeri jauh lebih tinggi berbanding perolehan pendapatannya.

Keadaan defisit ini berpunca daripada pelbagai masalah terutamanya kadar tarif perkhidmatan pembedaan yang terlalu rendah dan keengganan sesetengah pelanggan untuk membayar caj perkhidmatan pembedaan walaupun perkhidmatan yang baik telah diberikan. Kerajaan amat menyedari hakikat ini dan mengambil tanggungjawab menanggung kod perbezaan tersebut bagi membolehkan industri terus mampu beroperasi demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, situasi yang sekian lama membelenggu industri ini perlu diubah demi kelangsungannya pada masa yang akan datang. Kajian asas mengenai tarif pembedaan telah dibuat oleh juru perunding bebas sejak tahun 2008 lagi. Antara cadangan berikutan hasil penemuan kajian tersebut adalah memperkenalkan struktur tarif yang berpandukan jumlah penggunaan air ataupun *value metric*, dengan izin. Kerajaan pada 25 November 2011 turut bersetuju agar kadar tarif masa yang tidak pernah disemak sejak tahun 1994, perlu disemak semula.

Berikutan itu, kementerian telah meminta pihak IWK untuk mengemukakan cadangan struktur pelarasan tarif baharu berpandukan prinsip *volume metric*. Struktur baharu tersebut akan dikaji dan diteliti oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Sekiranya cadangan tersebut bersesuaian untuk dilaksanakan, satu proses konsultasi awam akan diadakan sebelum diangkat kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadar tarif yang kita kenakan sekarang iaitu pada sekitar RM8 bagi perumahan biasa dan lain-lain dan RM2 bagi perumahan awam di anggap di antara yang terendah sama ada di dalam dunia ini. Malah tidak ada kesedaran pun kerana air yang dicaj di akses keluar ini kalau tidak ada kesedaran tentang perkara ini ianya boleh menyebabkan air ini setengah-setengahnya seperti di kawasan Port Dickson dan lain-lain adalah terpaksa melalui keadaan-keadaan ini dan tidak ada lagi nilai-nilai estetika yang boleh kita buat *treatment*. Itu merupakan di antara NRE ataupun punca rawat air yang harus difikirkan oleh pihak kerajaan.

Kita sedar bahawa Capex dan Opex untuk mengendalikan yang terpaksa ditanggung oleh IWK dengan caj yang tidak dibayar begitu banyak di kalangan pengguna telah menyebabkan Kementerian terpaksa mengadakan beberapa kempen tertentu untuk membina kesedaran di kalangan pengguna-pengguna kerana kita sedar benda ini walaupun orang rasa sudah diurus baik oleh kerajaan orang tidak tahu kalau kita *stop* operasi boleh menyebabkan apa-apa yang terjadi Kuala Lumpur ini pun boleh tenggelam kalau ianya tidak diuruskan dan ditadbir dengan baik.

Cuma saya ingin bertanya pihak Kementerian dalam kempen-kempen kita untuk mengendalikan urusan pembetulan ini dengan baik kerajaan telah mengadakan satu kempen seperti kempen pengosongan *septic tank*. Apakah kempen ini telah mencapai kejayaan seperti yang diharapkan oleh kerajaan dan berapa negeri yang telah terlibat dalam kempen pengosongan *septic tank* bagi membina kesedaran rakyat terhadap pentingnya pembetulan dalam urusan kehidupan seharian kita.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Arau yang juga sangat prihatin kerana beliau sendiri sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Tuan Yang di-Pertua, memang sungguh bagai dikata bahawa tarif yang dikenakan untuk perkhidmatan pembetulan kita jauh lebih murah daripada perkhidmatan-perkhidmatan utiliti lain di negara kita ini umpamanya kalau hendak dibandingkan dengan elektrik.

Untuk pembetulan tadi dalam 20 sen sehari, RM8 sebulan untuk air RM1.33 sehari, untuk elektrik RM2.67 sehari, untuk telefon dalam lingkungan RM5 sehari dan untuk komunikasi dalam lingkungan RM1.67 sehari. Jelas dan nyata walaupun perkhidmatan pembetulan ini sebenarnya satu perkhidmatan yang sangat penting untuk memelihara kesihatan awam, memelihara alam sekitar, memelihara sumber air pada masa hadapan namun terlalu tinggi keengganan ataupun *failures* dengan izin daripada pihak pengguna ataupun pelanggan untuk menjelaskannya. Saya kira satu mungkin kurang kesedaran sebab itu kita buat kempen-kempen sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi dan juga mungkin di anggap bahawa kadar yang dikenakan ini terlalu rendah maka mengambil enteng untuk membayar dan mungkin juga kerana perkhidmatan pembetulan ini tidak kelihatan ataupun *unseen services*.

Tentang kempen-kempen pengosongan tangki najis yang kita jalankan Yang Berhormat Arau, Tuan Yang di-Pertua ianya kita laksanakan kerana menyedari kerana rendahnya kesedaran pengguna ataupun pemilik tangki-tangki khasnya ini tangki *septic* individu yang tidak bersambung dengan sistem pembetulan loji rawatan kumbahan awam. Kita sudah melaksanakan kempen-kempen ini ke serata negeri di peringkat negeri seperti di Johor, di Pahang, di Perak, di Selangor dan akan datang di Melaka pada hujung minggu ini dan kita baru sahaja balik berkempen daripada Kangar tempat Yang Berhormat sendiri di Kangar khasnya dan sambutan daripada pengguna sangat menggalakkan di mana pada hari kempen

pengosongan tangki *septic* ini kita memberi peluang untuk pengguna membuat bayaran perkhidmatan secara ansuran selama tiga tahun. Maksudnya dalam RM6 sebulan dan boleh dijelaskan secara ansuran sehingga tiga tahun di mana tiba tempoh untuk mengosongkan tangki lagi sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kementerian pernah mengadakan Kempen Cintai Sungai Kita, tetapi pernah dilaporkan sebahagian besar daripada pencemaran sungai kita adalah akibat daripada kegagalan IWK menjalankan tugasnya untuk membersihkan dan mempertingkatkan sistem pembetungan air. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi kecekapan IWK?

Persoalan kedua adalah kita semua setuju *no service, no charge* tetapi bagi IWK pada waktu dahulu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang telah diswastakan oleh kerana rugi teruk RM200 juta kerajaan terpaksa mengambil alih lagi dengan wang rakyat. Bagi kes-kes khususnya rumah-rumah Kampung Baru, rumah-rumah kampung tersusun yang mempunyai tangki najis individu bagaimana dan apakah asasnya kita semua setuju *no service, no charge* tetapi IWK semua caj. Tidak ada perkhidmatan pun dia kenakan juga. Inilah sebab utama pengguna tidak mahu bayar bukannya mereka gagal menjalankan tugas mereka. Kita hendak tanya setakat hari ini berapakah wang kerajaan telah pun dibelanjakan untuk mensubsidi atau membantu IWK. Dahulu rugi RM200 juta kita semua tanggung. Berapa sudah bayar sejak tahun 1994 sehingga kini? Ini soalan saya. Dua soalan. Pertama, apakah langkah kerajaan untuk mempertingkatkan kecekapan IWK memandangkan sebahagian besar daripada pencemaran sungai akibat daripada kegagalan IWK. Kedua, kita tahu prinsip *no service, no charge* tetapi yang tidak ada perkhidmatan pun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sungai JPSlah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Terpaksa dibayar dan yang ketiga berapakah wang rakyat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sungai di bawah JPS.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Telah pun dibayar untuk membantu Indah Water Konsortium. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat daripada Taiping. Tuan Yang di-Pertua, pertama Kempen Cintai Sungai kita bukan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Kedua, pencemaran sungai ini Tuan Yang di-Pertua mestilah semua pihak mainkan peranan. Bukan sahaja tugas IWK.

Tadi dinyatakan juga bahawa *no service no charge*. Betul Yang Berhormat. Kita tidak ada caj semua. Tangki *septic* individu yang individu yang tidak bersambung dengan loji kumbahan awam tidak di caj. Yang RM8 kita sebut tadi yang bersambung Yang Berhormat. Itu sebab kita kata *we take care of the unseen* dengan izin dan pelanggan ataupun pengguna

enggan membayar kadang-kadang kerana dia tidak nampak perkhidmatan yang sudah disambung ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat agak terkeliru kerana rumah-rumah kampung yang ada tangki *septic* individu *even* rumah-rumah taman lama yang mempunyai tangki *septic* individu yang tidak bersambung dengan loji kumbahan awam secara *centralize* tidak dikenakan Yang Berhormat. Cuma mereka dikenakan apabila memanggil IWK ataupun pemegang lesen untuk membuat perkhidmatan sedutan apabila sudah tersumbat biasanya. Itu sebab pengguna kita kurang sedar apabila sudah berbau, sudah melimpah, sudah tersumbat baru mencari untuk orang menyedut khasnya perkhidmatan yang diberikan oleh IWK. Tidak dikenakan Yang Berhormat. Boleh semak. Yang tidak bersambung tidak dikenakan caj dan Yang Berhormat...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong semak kes di mahkamah baru jawab di Parlimen.

Dato' Noriah binti Kasnon: Itu adalah dasar kita Yang Berhormat. Saya bercakap tentang dasar kita. Yang tidak bersambung. Mungkin Yang Berhormat terkeliru. Itu yang bersambung Yang Berhormat. Satu lagi Yang Berhormat tentang subsidi ataupun bantuan *financial support* dengan izin diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada IWK kerana IWK ini bukan menitikberatkan keuntungan dan oleh sebab itulah maka Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kewangan setiap tahun. Ini kerana ia untuk memastikan tarif yang tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1994 ini berterusan. Tidak pernah dinaikkan Tuan Yang di-Pertua sejak tahun 1994. Sebanyak 20 sen sehari ataupun 27 sen sehari sahaja untuk kegunaan domestik dan itu pun ramai juga yang tidak bayar. Itu sebab kita buat kempen-kempen Tuan Yang di-Pertua dan kita mengharapkan pemimpin-pemimpin di akar umbi seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Ahli Parlimen pembangkang untuk membantu kita menyedarkan pengguna supaya membayar.

■1120

Untuk makluman Yang Berhormat juga bantuan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kepada IWK untuk memastikan takrif ini tidak naik, sampai setakat ini adalah sebanyak RM1.2 bilion.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Wah...

Dato' Noriah Kasnon: Jangan cakap wah Yang Berhormat. Ini kerana kita tidak naikkan takrif Yang Berhormat berbanding dengan utiliti yang lain. Jadi kalau lepas ini kita buat penstrukturan semula industri ini kalau kita naikkan, *insya-Allah* mungkin Kerajaan Persekutuan akan mengurangkan bantuan dan bantuan itu bukan dapat ke IWK, *direct* kepada rakyat semula melalui takrif yang rendah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dahulu sebahagian cukai pintu Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

6. Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan semula supaya kita mempunyai ahli-ahli majlis yang dipilih oleh penduduk setempat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah pun mengemukakan soalan pada pagi ini dan izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras bertarikh 21 Jun 2012 Khamis sebab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras adalah sama dengan soalan yang dikemukakan pada pagi ini iaitu Pilihan raya Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan masih berpegang terhadap pendirian kerajaan sejak 1969 iaitu pilihan raya kerajaan tempatan tidak perlu dilaksanakan kerana kerajaan percaya langkah ini boleh menyebabkan pembaziran sumber-sumber kewangan manusia dan juga pendapatan PBT yang terhad. Oleh yang demikian Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun dikenali sebagai Akta 171 telah dipinda dan pilihan raya kerajaan tempatan telah dihentikan melalui seksyen 15 akta tersebut. Langkah ini bertujuan untuk membolehkan PBT menumpukan segala usaha mereka terhadap penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat dalam kawasan tadbiran mereka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan tidak mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang berbunyi "*bahawa walau apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis semua peruntukan berhubungan dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa ataupun mempunyai kesan.*"

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun meluluskan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 2012, namun setelah merujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara, didapati bahawa enakmen tersebut adalah tidak sah dari segi undang-undang kerana seksyen 15 Akta 171 mengatasi Akta Pilihan raya Kerajaan Tempatan 1960 di mana ianya secara jelas memperuntukkan bahawa undang-undang berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan adalah terbatal atau *cease to have false or effect*. Selain daripada itu selaras dengan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan, ianya memperuntukkan jika mana-mana undang-undang negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang negeri dan undang-undang negeri adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang bercanggah dengan peruntukan seksyen 15 Akta 171 adalah tidak sah. Tambahan pula tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang meluluskan

enakmen tersebut tanpa berunding dengan Majlis Negara bagi kerajaan tempatan jelas bertentangan dengan Perkara 95A(6) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kewajipan kerajaan negeri untuk berunding MNKT berkenaan dengan apa-apa perundangan yang dicadangkan mengenai kerajaan tempatan untuk pertimbangan dan persetujuan sebelumnya dapat dilaksanakan agar wujud keseragaman.

Dengan kata-kata lain walaupun kerajaan tempatan terletak dalam bidang kuasa negeri masing-masing adalah apa-apa perkara yang melibatkan dasar dan perundangan mengenai adalah tertakluk kepada kelulusan MNKT. Kerajaan negeri dan PBT tidak boleh membuat apa-apa perubahan dasar mahupun undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan secara bersendirian tanpa melalui MNKT.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ahli Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Cheras benar-benar mendahulukan rakyat maka perkara pokok yang harus diberikan perhatian adalah keberkesanan sistem penyampaian PBT dan juga keupayaan dan kecekapan PBT mengendalikan sumber pendapatan dengan berkesan. Pilihan raya peringkat kerajaan tempatan bukanlah penentu ukur kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

Antara faktor yang penting adalah kecekapan PBT termasuklah aspek kepimpinan yang dinamik, keanggotaan tenaga kerja yang berkemahiran dan terlatih, prosedur kerja yang mudah, perancangan bandar yang mampan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek yang berkesan, pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang telus dan pelbagai inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan juga kementerian dari semasa ke semasa.

Meskipun sistem pilihan raya tidak lagi diadakan di PBT, namun di bawah seksyen 10, Akta 171 ahli majlis diwujudkan sebagai badan penggubal, perancang, pelaksana dasar sesebuah PBT. Seksyen tersebut telah pun menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi pelantikan ahli majlis. Antara syarat utama adalah pemastautin tetap di kawasan PBT, mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan, telah mencapai kejayaan membanggakan dalam sesuatu profesion ataupun mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan sesuatu kelompok dalam kawasan PBT. Dengan syarat-syarat yang telah pun ditetapkan ini maka ahli-ahli majlis dapat memainkan peranannya dengan berkesan bagi membantu PBT. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerajaan Persekutuan telah secara konsisten menolak untuk memperkenalkan semula pilihan raya tempatan sejak tahun 1966. Walau bagaimanapun, saya hormati keputusan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan, *if only the government* juga menghormati rakyat dan membolehkan mereka membuat keputusan masa hadapan bandar mereka sendiri. Walaupun Yang Berhormat Menteri berkata pindaan undang-undang daripada Pulau Pinang tidak sah,

tetapi kerajaan Pulau Pinang cuba untuk bertemu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi membincangkan mengenai pilihan raya majlis tempatan tetapi telah diabaikan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat temu janji untuk pihak yang berminat untuk bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membincangkan tentang bagaimana melaksanakan pilihan raya tempatan kerana adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata Rakyat dahulukan. Saya harap pilihan rakyat juga boleh didahulukan.

Soalan kedua saya adalah jikalau SPR enggan untuk menjalankan tugas mereka akhirnya pilihan ahli majlis masih dalam kuasa Kerajaan Negeri. Jikalau salah satu kerajaan negeri memutuskan untuk menghormati kehendak rakyat dan melaksanakan pilihan raya tempatan, sebagai contoh pemilihan ketua kampung yang dilaksanakan oleh negeri Selangor di mana orang yang mempunyai kad pengenalan yang menunjukkan alamat tempatan dibenarkan untuk mengundi. Adakah Kerajaan Persekutuan membenarkan dengan keputusan kerajaan negeri dan rakyat juga selain daripada pemilihan ahli majlis secara pilihan raya tempatan apakah pendirian kerajaan pada Datuk Bandar juga dipilih secara pilihan raya tempatan? Terima kasih. [Tepuk]

■1130

Dato' Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Memang terdapat dua soalan tambahan. Pertama, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga untuk makluman Yang Berhormat Kelana Jayalah, mesyuarat ataupun sidang MNKT yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada setiap tahun, dua ataupun tiga kali, sekurang-kurangnya dua kali.

Dalam sidang MNKT ini, semua wakil dari negeri-negeri, tidak kira sama ada negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional ataupun pentadbiran Pakatan juga menjadi ahli MNKT. Jika ada apa-apa yang patut dibincang, Yang Berhormat Menteri Besar ataupun Ketua Menteri berkenaan boleh membawa usul ataupun masalah itu kepada MNKT supaya mendapat suatu ketetapan. Tidak perlu saya buat *appointment* untuk sesiapa. Mana-mana ahli mesyuarat MNKT boleh membangkitkan apa sahaja yang mengenai kerajaan tempatan.

Kedua, memang SPR tidak diberikan kuasa untuk menjalankan pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan. Kalau kita hendak mengadakan pilihan raya, maka kita harus membuat pindaan kepada perundangan yang sedia ada.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, tidak semestinya bahawa ahli-ahli majlis yang dilantik ataupun dipilih melalui pilihan raya baru mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Tidak kira sama ada mereka ini dipilih ataupun dilantik, mereka sama juga boleh mampu ataupun mampu menjalankan tugas sebagai ahli majlis.

Mengenai pilihan raya di Selangor iaitu mengenai kampung-kampung itu yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, saya rasa Yang Berhormat pun tahu bahawa selepas sekali diadakan di Selangor, maka kerajaan negeri mendapati bahawa memang susah dan payah

hendak kawal satu-satu pilihan raya. Oleh sebab itulah selepas buat di satu dua tempat, tiba-tiba ia dah berhenti dah. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, setakat itulah sesi pertanyaan jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[11 Jun 2012]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.
11.33 pg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada Lembah Pantai untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976.

Saya sebenarnya telah membuat sedikit carian selepas semalam agak panas menyatakan tidak adanya satu *roadmap*, persediaan oleh mana-mana pihak daripada kerajaan mahupun daripada Majlis Peguam untuk mengawal selia mana-mana usaha meliberalisasi sektor guaman di Malaysia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri kerana sekurang-kurangnya telah banyak bekerjasama dan memberi ruang sepenuhnya kepada Majlis Peguam untuk mewujudkan pindaan-pindaan yang kita lihat seperti hari ini.

Kalau boleh saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri mengkhabarkan sedikit *track record*, sedikit sejarah tentang perbincangan yang diadakan oleh Majlis Peguam, *The Attorney General Chambers*, Pejabat Peguam Negara dan juga MITI bersama MATRADE termasuklah Bank Negara Malaysia. Semua ini telah dibincangkan dengan rapat, dengan baik dan di sinilah saya fikir pentingnya peranan Majlis

Peguam untuk memberikan satu khidmat yang terbaik sebelum kita melakar aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh semua peguam di Malaysia.

Saya membawa kepada satu isu di mana bila bercakap tentang pendirian Majlis Peguam, Majlis Peguam ini sekarang ini dikritik sebagai Majlis yang hanya berpihak kepada pembangkang, hanya mengutarakan isu-isu berkait dengan isu politik. Saya fikir di sini agak mengecewakan kerana langsung tidak didedahkan kepada umum kerjasama yang erat antara Majlis Peguam dan juga Pejabat Peguam Negara daripada tahun 2004 lagi untuk membincangkan liberalisasi dalam sektor guaman di Malaysia.

Saya rasa ini adalah perkara yang penting kerana daripada pengamatan, jelas bahawa sejak tahun 2001 lagi, sebuah jawatankuasa *General Agreement on Trade in Services* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bawah Majlis Peguam, *Bar Council*, telah mengadakan mesyuarat. Sebenarnya mesyuarat ini dianjurkan oleh MITI di mana MITI mendapatkan maklum balas dan input daripada pelbagai kumpulan termasuklah Majlis Peguam. Pada tahun 2002, *GATS Committee* ini di bawah Majlis Peguam telah memberi draf dengan izin, *rules on admission of foreign lawyers*. Sempailah tahun 2004, akhirnya Majlis peguam telah memberikan satu memorandum kepada kerajaan khusus kepada Pejabat Peguam Negara tentang usaha mereka mempromosi dan bersetuju dengan gerakan liberalisasi dalam sektor guaman.

Saya fikir ini penting kerana *Bar Council*, Majlis Peguam berkali-kali membuat *poling*, mendapatkan maklum balas daripada para peguam, pejabat-pejabat firma guaman di Malaysia untuk mengetahui setakat mana sokongan mereka.

Jadi pada saya kita ada pindaan ini di mana menguatkuasakan satu jawatankuasa pemilihan yang dikawal selia, dipengerusikan bersama oleh Peguam Negara dan Pengerusi Majlis Peguam. Ini penting. Kerana apa? *Blueprint*, segala persediaan untuk meliberalisasi sektor guaman yang tidak boleh kita adakan serta-merta – saya setuju, kerana impaknya boleh menjadi negatif kalau tidak dikawal selia, tidak dirancang dengan baik. Daripada perancangan Majlis Peguam, saya fikir elok juga diperincikan.

Saya mahu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab, apakah yang akan dibuat oleh kerajaan selepas pindaan ini? Adakah kerajaan akan mengikuti segala pindaan, *blueprint-blueprint* yang dicadangkan oleh Majlis Peguam Malaysia?

Saya nyatakan di sini, yang disebutkan oleh Majlis Peguam Malaysia ini, pertamanya, Majlis Peguam telah mewujudkan definisi dengan izin, *of permitted practices areas*. Jadi ada garis panduan untuk mereka yang mahu bergiat aktif dalam sektor guaman di Malaysia. *Permitted practice* di bawah seliaan undang-undang Malaysia dan juga satu lagi undang-undang nasional adalah transaksi yang hanya merujuk kepada perkara-perkara berikut Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah ini akan diikuti oleh kerajaan?

Satu, *Islamic finance or syariah based, syariah compliance transaction*, transaksi berkait dengan sektor kewangan Islam; kedua, hutang *international* dan juga *equity capital market*; ketiga, *asset securitization*; keempat, *derivatives and structured products*; kelima, *corporate banking and corporate transactions*; keenam, *arbitration and mediation*; dan ketujuh, *other areas of practice* dengan izin *as may from time to time be prescribed by the Bar Council*, tetapi tidak akan termasuk dua perkara, ini penting, iaitu pertama, *real property transaction*, transaksi yang melibatkan hartanah; dan kedua, *litigation and representation which includes the preparation of any writ, summons or pleadings for the purposes of any suit or proceedings in any of the court or administrative tribunal in Malaysia*.

Jadi saya rasa bila melihat kepada semua perancangan yang dibuat oleh Majlis Peguam, saya juga mahu tahu maklum balas atau persediaan daripada kerajaan khusus apakah yang akan berlaku selepas ini. Dilihat daripada apa yang diberikan oleh Majlis Peguam – yang dipersetujui adalah apa dia? Tajuknya adalah '*Roadmap for Liberalisation of The Legal Services Sector in Malaysia*', Tuan Yang di-Pertua.

■1140

Tahun 2009 permulaan, kalau pun mahu berikan adalah menerusi dipanggil *joint law ventures* di mana syarikat firma asing bukan individu akan memiliki satu gabungan kerjasama di mana peratusannya adalah 70% untuk *local* dan 30% asing. Ini juga boleh dirubah kepada 60%, 40% jikalau kerajaan mahukan *percentage* atau peratusan lebih tinggi dan menjelang 2012, akan berlaku liberalisasi yang lebih. Maksudnya tiga tahun sejak pengenalan pindaan ini supaya mana-mana syarikat firma asing ini boleh membesarkan pegangan saham dengan hanya 30% pegangan oleh syarikat dalam Malaysia, syarikat domestik sehinggalah 2015 maksudnya melihat ke depan. Akhirnya syarikat-syarikat firma asing ini yang selama lima tahun dia bertapak di Malaysia, dia menyatakan kesediaan dan kesungguhan akhirnya dapat beroperasi di Malaysia secara perseorangan dan tidak memerlukan gabungan ataupun peratusan daripada firma-firma dalam negara.

Saya fikir ini penting kerana akhirnya kita memberikan insentif khusus kepada firma asing yang benar-benar serius untuk bertapak di Malaysia ini, ada insentif akhirnya selepas lima tahun boleh berdiri sendiri. Tentunya ada undang-undang dan juga pengecualian lain difikirkan perlu untuk memastikan tidak terkesan syarikat-syarikat ataupun firma dalam negara.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pengalaman di Singapura kerana Singapura sebenarnya memulakan *Joint Law Ventures* sejak tahun 2000 tetapi kerajaan Singapura memulakan penubuhan *Joint Law Ventures* di akhir tahun 1990-an. Pada mulanya lebih kurang daripada tahun 2000 hingga 2009, hampir 12 *Joint Law Ventures* yang diwujudkan dengan gabungan syarikat ataupun firma asing dan firma warga Singapura.

Akhirnya apabila kita melihat, mempelajari daripada pengalaman mereka, hanya segelintir sahaja yang berjaya dan alasan yang dibangkitkan dalam temu ramah seorang

profesor undang-undang daripada Indiana University, Jayanth Krishnan tidak ada kejayaan dengan izin *“and the basic reasons was that there was too little trust and too little development of strong ties and strong relationship between both sides. The foreign lawyers for example often saw their Singapore and partners as sub-par, territorial with local client and unappreciative of the foreign firm prestige and reputational boost while the Singaporean lawyers viewed the foreign firm as arrogant, unwilling to share best-practices, precedent documents and international client and contracts. Plus many of these Singaporean and resented the unequal pay scales between them and their foreign partners...”*

Jadi ada juga dijawab bila tidak ada kepercayaan antara syarikat firma asing dan syarikat firma Singapura, akhirnya tidak berhasil dan is-isu ini, faktor-faktor ini perlu kita ambil serius dan kita cuba selesaikan untuk pastikan ia tidak berulang dalam konteks Malaysia. Seterusnya dijawab oleh Mr. Jayanth ini bagaimana Singapura menyelesaikan masalah ini kerana saya tahu liberalisasi ini juga mengangkat contoh Singapura sebelum kita laksanakan pindaan pada hari ini dan semalam.

Jadi, di Singapura ini setelah diwujudkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Hakim Rajah ketika itu untuk mewujudkan atau untuk menghasilkan laporan, memperbaiki masalah-masalah yang wujud tetapi jawatankuasa masih lagi mahu kekal dengan proses *Joint Law Venture* ini dan diberi rekomendasi-rekomendasi berikut. Antaranya, perlu juga memberi kuasa kepada *Joint Law Ventures* dalam sektor *international commercial arbitration*. Jadi, ini penting kerana saya fikir insentif itu juga perlu memenuhi apa yang dimahukan oleh firma asing selagi tidak menggugat kepentingan firma-firma dalam negara dan komiti atau jawatankuasa ini juga memberi rumusan akhirnya perkongsian hasil antara semua *Joint Law Ventures* ini perlulah setimpal ataupun adil pada kedua-dua firma kerana akhirnya ini akan memastikan kejayaan integrasi dalam mana-mana pentadbiran dan juga penyelenggaraan oleh *Joint Law Ventures*.

Jadi pada saya, ini wajib diambil kira kerana kita apa pun apabila merancang sesuatu pindaan, kebimbangan saya kalau tidak mengikuti satu *blueprint*, perancangan yang jelas walaupun ada beberapa pihak cuba mencemarkan nama Majlis Peguam tidak buat kerja dan sebagainya, jelas di sini sudah ada *blueprint* dan yang kita mahu adalah maklum balas apakah yang akan dibuat oleh kerajaan, oleh kementerian untuk memastikan peringkat mula pindaan, kemudiannya apa yang lagi kita perlu laksana. Saya ingin menyebut di sini kebimbangan oleh Majlis Peguam daripada *feedback* atau maklum balas yang mereka terima daripada peguam-peguam, firma-firma dalam negara. Apa dia?

Mereka takut, bimbang apabila ada kemasukan pelbagai firma terkemuka daripada luar negara walaupun kita ada ramai peguam yang baik dalam negara kita tetapi ini kemungkinan akan mendahulukan penggunaan firma asing. Jadi, elok juga kalau kerajaan dapat melaksanakan sehaluan, seiring dengan pindaan hari ini iaitu kita buat polisi *‘Malaysian firm*

first' dengan izin, mendahulukan penggunaan firma Malaysia untuk semua hal kecualilah perkara itu melibatkan undang-undang asing, *international law* atau di mana firma undang-undang Malaysia tidak punyai kepakaran dalaman, barulah kita menggunakan khidmat firma lain.

Jadi, saya fikir ini perlu diambil, diangkat oleh kerajaan kerana sekurang-kurangnya kita memberi mesej yang jelas. Ada juga dukungan dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan untuk memastikan apa pun *transfer of knowledge* itu berlaku Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, kerajaan sebelumnya memberikan geran menerusi PEMANDU kepada Majlis Peguam Malaysia bagi pembinaan prasarana di mana wang ini diguna pakai untuk membiayai bengkel dengan pakar asing yang dibawa masuk ke Malaysia untuk melatih peguam tempatan.

Saya fikir perlu lebih lagi, satu pengkhususan geran yang diberikan oleh kerajaan untuk memastikan insentif fiskal, potongan dua kali bagi perbelanjaan, pengecualian cukai perkhidmatan untuk mengeksport perkhidmatan undang-undang-undang. Semalam pun disebut banyak firma-firma yang berjaya tetapi kita mesti ingat satu perkara, semua insentif ini harus wajib diberikan kepada Majlis Peguam Malaysia kerana daripada contoh yang terbaru iaitu ada satu perbincangan meja bulat antara Malaysia dan Australia sejurus sebelum MAFTA itu ditandatangani. Ini kerana apabila MAFTA atau *Malaysia-Australia Free Trade Agreement* dimeterai, mahu tidak mahu liberalisasi sektor guaman itu juga turut terkesan, kita tidak boleh lari.

Makanya wajib kerajaan bagi dukungan sepenuhnya kepada apa-apa kerjasama yang berlaku khusus untuk memindahkan kepakaran luar ini kepada dalam negara. Pada 24 Februari 2009, saya rujuk kepada perbincangan yang dianjurkan oleh Law *Council* Tuan Yang di-Pertua, *legal services round-table in* Kuala Lumpur yang dianjurkan juga bersama Majlis Peguam. Di situlah barulah didapati beberapa perkara diperhalusi termasuklah perbincangan persediaan Malaysia untuk meliberalisasi sektor guaman. Jadi, ini tidak boleh diambil mudah. Saya harap kerajaan tidak ada pilihan, buat pindaan tetapi wajib juga beri peruntukan yang lebih besar.

Kita perlu ingat satu fakta ingat satu fakta Tuan Yang di-Pertua. Sebelum 1988, firma undang-undang tempatan di Malaysia ini jauh lebih besar daripada firma undang-undang di Singapura, sebelum 1988. Akan tetapi kini, lima firma undang-undang tertinggi terbesar di Singapura itu daripada saiz kesan serantau dia mengalahkan firma-firma kita. Lebih besar daripada bilangan peguam ZICO. Jadi kita perlu memikirkan. Ya, liberalisasi itu penting tetapi untuk memindahkan kepakaran asing kepada kepakaran tempatan. Jangan sampai semua firma tempatan ini dianaktirikan dan dimangsakan daripada apa yang berlaku.

Jadi sekali lagi saya pinta, kerajaan harus memberikan sepenuh perhatian melaksanakan kesemua liberalisasi ini secara berperingkat, sehaluan dengan apa yang telah digariskan dalam *roadmap* oleh Majlis Peguam, *liberalization of legal services sector*, itu satu.

Keduanya, saya juga di sini ingin menyatakan di sinilah wujudnya peranan kementerian. Kementerian juga bukan sahaja perlu beri dokongan kepada Majlis Peguam tetapi juga memberikan mesej yang jelas, apa pun bentuk keganasan, apa pun bentuk penindasan. Ini kerana sekarang ini kita berhadapan pasca gerakan Bersih 3.0, kekasaran yang dianjurkan oleh kerajaan. Apa maksud saya? Kalau bahasa Inggeris *it is called state sponsored terrorism*.

Jadi kerana itu apabila kita bangkitkan isu keganasan polis dalam Laporan Majlis Peguam ini penting. Ya, kita boleh dakwa mereka yang buat kesalahan tetapi Laporan Majlis Peguam bila mereka jadi pemerhati, anggota mereka pun dipukul oleh polis. Inilah yang seharusnya disuarakan oleh kerajaan. Bila ada begitu barulah ada satu tindak balas yang setimpal oleh warga Malaysia. Ini kerajaan pun tidak kisah gunakan medan Parlimen, gunakan media arus perdana untuk *demonize*, serang pembangkang, serang Pakatan Rakyat. Tidak adalah sedikit hikmah, sedikit rendah diri untuk berikan peluang. Kita hendak *condemn* kita juga mesti melihat sampai bukti-bukti video-video polis, 10 orang polis memukul peserta. Bagaimana saya tidak dengar kenyataan daripada pihak kementerian.

Jadi pada saya ini penting. Bila bercakap tentang pertahankan Majlis Peguam, pada saya tugas kementerian juga untuk pertahankan. Ini penting. Kalau kami ini bila diserang dan sebagainya, kita juga rujuk kepada apa? Polis Diraja Malaysia. Kita rujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini kerana apa? *Those are institution* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang sepatutnya memberikan perlindungan kepada semua. Dia bukan untuk melindungi Barisan Nasional sahaja dia melindungi semua rakyat Malaysia.

Jadi pada saya, saya minta samalah untuk mengikuti *blueprint* tetapi perlu juga penegasan daripada Timbalan Menteri dan Menteri untuk apa. Untuk memberi dokongan sepenuhnya kepada SUHAKAM. SUHAKAM sekarang buat *inquiry* mencari keganasan tetapi boleh pula kita buat, kerajaan buat keputusan hendak wujudkan panel siasatan bebas yang tidak punyai mana-mana kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang Malaysia. Makanya Tun Hanif yang memang sudah katalah semua gerakan penganjur Bersih semua komunis *sympathizers*. Akan tetapi apa pun Majlis Peguam masih lagi bersedia untuk berjumpa dengan mereka. Apa yang saya minta di sini, beri kekuasaan sepenuhnya, sokongan sepenuhnya kepada SUHAKAM. Ini kerana mereka di bawah seliaan Akta SUHAKAM 1999.

Kalau kerajaan, kalau kementerian sendiri tidak ikut undang-undang macam mana hendak harapkan rakyat biasa mengikuti undang-undang. Jadi pada saya ini model yang terbaik yang kita pinta. Akhirnya, saya berharap apa pun agar Menteri dan Timbalan Menteri benar-benar memperhalusi. Tolonglah ikutlah *blueprint* ini kerana saya juga bimbang. Kita tidak mahu *impact* nanti bila tidak bersedia sedangkan Singapura pun alami masalah, kita juga perlu bersedia belajar daripada kesilapan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tangga Batu.

11.55 pg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk terlibat sama dalam perbahasa pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya buat pengisytiharan yang saya seorang jurutera dan apa yang bakal saya bahaskan ini adalah lebih melibatkan kepada kaitan di antara sebuah institusi yang juga peraturan serta undang-undangnya digubal di bawah Parlimen ini dan bagaimana boleh kita kaitkan dengan undang-undang yang bakal kita guna untuk melindungi pengamal-pengamal undang-undang di negara kita. Satu kaedah liberalisasi amalan guaman yang perlu kita lihat kita dengar Yang Berhormat Lembah Pantai pun mengambil contoh negara Singapura sebentar tadi.

Saya ingin mengambil satu kaedah yang telah diambil oleh Kerajaan Singapura apabila mereka meletakkan *expectancy* harapan serta kehendak kepada pelanggan-pelanggan amalan guaman ini terhadap kes-kes yang melibatkan kaedah kejuruteraan. Sebab apa yang berlaku Kerajaan Singapura dalam kaedah liberalisasi ini telah menghantar 10 orang pengamal undang-undang termasuk peguam-peguam dan juga hakim-hakim mereka untuk mempelajari kejuruteraan di luar negara. Pada masa yang sama, menghantar jurutera-jurutera mereka untuk mempelajari ilmu undang-undang di luar negara. Jadi keputusannya saya tengok Tuan Yang di-Pertua pun senyum, dia tahu apa keputusannya ialah pengamal-pengamal undang-undang di negara Singapura tidak boleh menghayati kaedah-kaedah kejuruteraan.

Sebaliknya jurutera-jurutera mereka belajar di luar negara mengamalkan undang-undang kemudian balik menukar karier mereka, kerjaya mereka daripada seorang jurutera kepada seorang peguam dan juga kepada seorang hakim. Jadi apa berlaku di sana Tuan Yang di-Pertua ialah satu pendekatan yang begitu praktikal. Tidak hanya *theoretical* yang dibawa oleh Kerajaan Singapura untuk memberi satu pendedahan kepada pengamal undang-undang betapa pentingnya penghayatan kepada proses-proses suatu kerja untuk menepati kehendak dan keperluan kepada pelanggan-pelanggan amalan guaman ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengaitkan peristiwa ini kepada apa yang sedang kita perbahaskan. Umpamanya hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menyebut tentang 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Hari ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Mengapakah Akta Profesion Undang-undang kita masih lagi tidak dipanjangkan ke Borneo ke negeri Sabah dan Sarawak? Mengapakah kita masih lagi mengamalkan dua sistem? Bukankah apabila dilihat undang-undang mempunyai dua sistem undang-undang yang kepimpinan satu negara kerajaannya di bawah satu negara yang telah lama menghayati persamaan, mencari persamaan, mengecilkan perbezaan dengan semangat perpaduan, semangat integrasi yang akhirnya akan menjadi satu - mungkin bahan

jenaka kepada pihak-pihak yang melihat kita sebagai orang yang ingin melaksanakan sesuatu berniat dengan baik tetapi pengamalannya menampakkan berbagai-bagai aspek kelemahan.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Tuan Yang di-Pertua kita juga adalah pengamal, bekas kepada pengamal undang-undang yang hari ini menampakkan ada suatu *kind of opportunity loss*. Dalam bahasa yang lebih mudah kehilangan peluang kepada pengamal undang-undang di kedua pihak. Sekarang kita membuka pintu ini seluas-luasnya walaupun kita akan mengenakan berbagai-bagai syarat. Umpamanya, ada rakan saya menyebut tentang kita selesaikan dahulu masalah kedahagaan peguam-peguam kita. Kita gunakan mereka dahulu kemudian baru kita buka pintu kepada pengamal-pengamal guaman luar negara ini.

■1200

Akan tetapi, hari ini tajuk saya adakah kita telah selesai menggunakan semua kaedah untuk mengambil kira bagaimana *communalities*, persamaan, kesamaan, kesaksamaan undang-undang ini dapat dihayati sama ada oleh pelanggan-pelanggan amalan guaman di Semenanjung atau pun di Sabah dan Sarawak.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam amalan ini kita perlu mempunyai satu kaedah yang sistematik. Umpamanya Majlis Peguam yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan mengapa kita tidak memasukkan Sabah dan Sarawak di dalam *Council* ini. Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak hanya mempunyai persatuan yang tidak mempunyai kuasa undang-undang memandangkan tiada peruntukan undang-undang yang memberikan hak dan kuasa kepada mereka. Mengapa ini berlaku?

Bolehkah tidak kita mengambil ruang untuk melihat secara komprehensif bagaimana kita boleh meminda Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Sabah dan Sarawak di mana Majlis Peguam kita pada hari ini bakal mempunyai dua sayap. Satu untuk Semenanjung Malaysia dan satu lagi untuk rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak.

Rasionalnya Tuan Yang di-Pertua adalah kerana kita mempunyai dua sistem Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan juga Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Mereka juga mempunyai dua bidang kuasa. Tuan Yang di-Pertua, kemasukan peguam yang dilakukan pada masa ini adalah berasaskan kepada bidang kuasa dua mahkamah ini. Dalam hal ini peguam di Sabah dan Sarawak yang telah tamat *chambering* umpamanya hanya boleh diterima di Mahkamah Tinggi Malaya tetapi sebaliknya bagi mereka yang tamat *chambering* di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaya tidak boleh diterima masuk di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak melainkan jika mereka hanya dapat membuktikan ada kaitan kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, cuba semak boleh tidak yang telah diterima Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah itu mengamalkan undang-undang di Semenanjung. Pengetahuan saya tidak boleh. Jadi, yang terkini saya tidak tahu. Terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya punya pengetahuan sama dengan Tuan Yang di-Pertua. Terkini kita tunggu jawapan daripada menteri. Saya terima satu nota daripada kawan-kawan saya Tuan Yang di-Pertua yang menyatakan kelemahan ini sebenarnya akan berlaku kepada sistem amalan guaman di negara kita.

Umpamanya kita mempunyai lambakan graduan-graduan yang keluar daripada universiti-universiti di negara, tempatan dan luar yang cuba berjinak-jinak untuk mengupayakan mereka di dalam kaedah ini. Akan tetapi apabila pintu ini dibuka kepada orang luar, di peringkat ini bolehlah kita mengatakan orang luar. Kekhuatiran kita adalah peguam-peguam kita yang ada di dalam negara pada hari ini akan dianggap seperti *trivial many*. Manakala beberapa kumpulan besar yang bakal berkunjung ke negara kita nanti akan dianggap sebagai *the vital few* yang mempunyai jenama mereka yang mempunyai kepakaran mereka, yang mempunyai pengalaman mereka. Kita khuatir *the trivial many* tadi akan tinggal ke belakang dan akan tidak membawa manfaat kepada negara kita.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sila.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Tangga Batu. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan seksyen 41 dalam Akta Profesional Undang-undang 1956 ini. Pertama sekali saya ingin bertanya ada di kalangan ahli-ahli kerana dalam seksyen 41 telah jelas menyatakan bahawa peguam bela atau peguam cara yang diterima masuk sebagai peguam cara dan peguam bela ini adalah menjadi ahli secara automatik dalam Majlis Peguam Malaysia. Mereka hendaklah menjadi ahli selagi mereka memiliki sijil amalan atau pun praktis yang sah dalam profesion mereka.

Jadi, dalam hal ini ada di kalangan ahli yang tidak berpuas hati. Mereka tidak boleh lepas atau pun keluar atau pun bebas daripada lari daripada Majlis Peguam dan mereka tidak dapat mengkritik kalau andai kata berlaku *laundering* dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang berlaku dalam Majlis ini. Terutamanya kita mahu melihat majlis ini sebagai majlis yang bebas dan benar menjalankan dan terikat dgn etika undang-undang. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Tangga Batu? Adakah perkara ini wajar atau kita boleh memikirkan kaedah lain seperti penubuhan akademi undang-undang dan sebagainya satu alternatif kepada Majlis Peguam yang sedia ada di negara kita?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini satu soalan yang saya kira berada di persimpangan Tuan Yang di-Pertua apabila kita melihat sesuatu itu di peringkat teori atau pun praktikal. Saya yakin dan percaya jika masing-masing memahami terma dan syarat, *term of reference*, terma dan rujukan organisasi masing-masing mereka akan mengetahui peranan dan tanggungjawab. Kegiatan-kegiatan seperti dalam satu tangan kita

bercakap mematuhi undang-undang dan dalam tangan yang lain kita melanggarinya adalah sesuatu yang menjadi cabaran kepada sama ada *Bar Council* atau pun apa juga badan.

Saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri boleh jawab bolehkah kita menubuhkan apa-apa badan atau pun akademi seperti yang saya sebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi bagi memainkan peranan yang mempunyai terma dan rujukan yang sama seperti Majlis Peguam bagi menampakkan sebenarnya *there are always two sides of a coin* Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin boleh menjawab selepas ini apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi.

Seperkara lagi yang saya ingin bawa kepada Dewan yang mulia pada hari ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu perkara yang cukup asas yang saya kira akan membawa akibat kepada keterbukaan kita selepas ini iaitu apakah sebenar-benarnya bahasa rasmi yang kita gunakan bagi mahkamah-mahkamah di Malaysia ini. Apa sebenarnya bahasa rasmi? Kalau mengikut dari pengamatan saya di akhbar-akhbar, media elektronik, di media sosial yang lain, saya tidak dapat satu kesimpulan apakah sebenarnya bahasa rasmi yang digunakan di mahkamah-mahkamah di negara kita pada hari ini.

Itu sebab dalam satu tangan kita bercakap tentang menghormati, menghayati, menghargai Perlembagaan Negara dalam satu tangan yang lain kita seolah-olah menidakkannya apabila kita dapati walaupun pada awal tahun 80-an, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ketika itu begitu bersungguh-sungguh untuk melihat bahasa kebangsaan, bahasa Malaysia untuk menjadi bahasa mahkamah. Walaupun ia pada peringkat awal di lakukan secara objektif, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mengajar subjek-subjek berkaitan perundangan ini menggunakan bahasa Kebangsaan, bahasa Malaysia walaupun perkataan-perkataan tertentu itu mereka menggunakan perkataan bahasa Inggeris.

Ada ketikanya perkataan Inggeris diMalayanisekan, diMelayukan. Ada juga perkataan-perkataan bahasa kebangsaan yang diInggeris kan yang menjadi satu kecelaruan dan akhirnya menjadikan peguam-peguam kita tidak hebat mana bahasa Inggerisnya dan tidak bagus mana bahasa kebangsaannya. Sentiasa macam teratai. Pucuk tidak sampai ke langit, akar tidak sampai ke dasar. Saya khawatir perkara ini sebenarnya telah menjadi satu igauan kepada amalan guaman di negara kita yang beberapa perkataan. Saya pernah ingat, Tuan Yang di-Pertua pun pernah menyebut perkataan *subjudice*. Sama ada ia "*subjudice*"kah. Mana satu perkataan yang betul.

■1210

Di sinilah duduknya Tuan Yang di-Pertua. Ketika itu Yang Berhormat Santubong berdiskusi bersama dengan Tuan Yang di-Pertua hendak menyebut perkataan yang betul. Prima facie kah? Perkataan-perkataan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini Yang Berhormat perkataan *subjudice* ini adalah bukan bahasa Inggeris asli. Jadi kadang-kadang

Profesor di universiti kadang-kadang pun di England sekalipun cara membuat sebutan itu berlainan. Saya mengikut profesor saya. Profesor saya bernama *Clifford Hall* adalah pelajar utama dan *Triple 1st Class* dari Cambridge, *student* kepada *Glenville William*. Boleh kata *the most brilliant mind* dalam undang-undang negara moden. Jadi dia *pronoun subjudice*, jadi saya mengikut *pronoun* dia. Sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu satu peristiwa, ada peristiwa lain yang Yang Berhormat Speaker pun boleh kongsi dengan kita perkataan, *Boss, Yes Boss* jangan pakai. Itu cerita lain Yang Berhormat Speaker.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini tidak mendapat masalah bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia sebagai penggunaan di mahkamah-mahkamah ini tidak mendapat sambutan yang baik kerana peguam dan hakim kita pada ketika itu, telah dilatih ataupun kebanyakan majoriti daripada mereka adalah lepasan ataupun lulusan daripada luar negara terutamanya dari United Kingdom, New Zealand dan Australia.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [*Bangun*] Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hah ini doktor pula. Doktor pun ada undang-undang yang hendak digubal di dalam Dewan ini. Sila.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Lebih kurang, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tangga Batu, setujukah Yang Berhormat Tangga Batu bahawasanya penggunaan bahasa baik di dalam perubatan ataupun undang-undang ini, kita sebenarnya penggunaan Bahasa Malaysia itu sendiri pun terutama di dalam bidang undang-undang ini pening kita hendak melihat ayat-ayat yang disusun.

Contohnya macam rang undang-undang yang dipinda ini kadang-kadang dua-tiga kali kita baca dalam Bahasa Malaysia itu sendiri pun kita rasa sukar untuk kita fahami. Kenapakah pada pandangan Yang Berhormat Tangga Batu perkara ini boleh berlakulah. Adakah kerana kita menterjemah betul-betul terjemahan daripada bahasa Inggeris ataupun kita tidak mempunyai istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kita ini untuk digunakan dalam bahasa mahkamah ataupun dalam bidang perundangan kita ini. Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya kira ini masalah yang konsisten sama ada di bidang perubatan, di bidang kejuruteraan, dan juga di bidang guaman. Ada se perkataan itu, satu-satu perkataan itu yang kita tidak boleh terjemahkan di dalam bahasa ibunda bahkan kita terpaksa menggunakan bahasa Inggeris untuk beri lebih penghayatan kepada pendengar-pendengar dan saya yakin akibat daripada itulah maka mahkamah rendah kah, mahkamah seksyen kah, mana-mana pun hari ini keselesaan untuk berbahasa Inggeris itu terdapat kepada pengamal-pengamal undang-undang ini.

Bila mereka menggunakan bahasa Malaysia umpamanya bahasa kebangsaan, yang akhirnya terpaksa diulang di dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua. Bila ulang dalam bahasa Inggeris itu bila kita lihat termasuk pemerhati-pemerhati di dalam mahkamah akan mengangguk. Masa dia sebut dalam bahasa Malaysia mereka nampak berkerut kepala, dahi itu, bukan kepala berkerut tetapi dahi berkerut. Akan tetapi bila dia sebut dalam Bahasa Inggeris baru dia mengangguk. Maknanya ada satu persetujuan secara maya ataupun secara mental di antara pengamal undang-undang di dalam mahkamah bahawa lebih baik kita meneruskan perbincangan ini ataupun prosiding itu di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya di mana kesudahannya? Di mana kesudahannya? Lebih-lebih lagi hari ini kita akan buka pintu kepada pengamal-pengamal guaman antarabangsa yang saya yakin dan percaya apa yang kita hasratkan untuk melihat amalan guaman ini kalau dari spiritnya, semangatnya adalah supaya rakan-rakan kita di luar bandar dalam bahasa mudah, orang-orang kampung untuk berasa tidak canggung berada di dalam mahkamah-mahkamah kita. Negara kita Malaysia yang bebas merdeka yang mempunyai bahasa rasmi, bahasa kebangsaannya sendiri.

Di mana kesudahannya, jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jawapan supaya akhirnya persoalan ini akan menjadi suatu yang secara objektif menepati kehendak dan aspirasi Perdana Menteri kita. Saya yakin dia boleh dimasukkan di dalam salah satu daripada pencapaian kita untuk merealisasikan hasrat kerajaan supaya sistem perundangan di negara kita ini dapat dihayati dan dihargai oleh semua pihak yang berkaitan dengannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya kira cukuplah dua perkara yang saya bawa pada hari ini, terima kasih di atas pandangan dan pendapat Tuan Yang di-Pertua secara lisan ataupun bertulis. Saya yakin dan percaya itulah antaranya yang merangsang saya untuk berdiri dan bersama-sama berkongsi pengetahuan pada pagi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau.

12.16 tgh

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih kerana memberi peluang Balik Pulau untuk membahaskan cadangan meminda Akta Profesion Undang-undang 1976. Saya melihat cadangan rang undang-undang ini ialah satu cadangan yang sebenarnya menunjukkan gambaran dasar kerajaan kita pada hari ini di dalam menyantuni kerangka undang-undang antarabangsa contohnya WTO kerana *guard* itu saya rasa satu tuntutan. Akan tetapi di sini ialah satu keputusan yang saya rasa yang amat penting kerana ia tidak akan memberi ruang kepada kita untuk menoleh ke belakang. Dengan izin, *it is a reversible* kalau keputusan hari ini kita memandang remeh.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah seingat saya ialah diskusi mengenai liberalisasi perkhidmatan ini adalah satu tuntutan *guard* yang saya rasa seawal, saya ingat mungkin 10 tahun yang lalu. Namun barang diingat kerana isu undang-undang yang kita sama-sama faham seperti yang ditimbulkan semalam oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Puchong ada isu yang amat dekat dengan sanubari rakyat Malaysia contohnya macam isu semalam ditimbulkan kenapa tidak diliberalisasikan di antara pengamal undang-undang di Semenanjung dan juga pengamal undang-undang di Sabah dan Sarawak.

Itu saya rasa satu isu yang sebenarnya perlukan satu jawapan kerajaan hari ini dan saya rasa perkara ini juga bukan perkara baru tetapi saya mahu Yang Berhormat Menteri memberi jawapan di Dewan ini di mana perkara ini telah berganjak ke tahap mana sekarang? Adakah masih lagi diskusinya isu *sovereignty* atau isu kedaulatan? Adakah isunya masih lagi isu pengurusan ataupun adakah isunya masih lagi isu yang sebenarnya isu keadilan iaitu *ratio* penduduk Malaysia sekian-sekian banyak keperluan peguam untuk menangani permasalahan rakyat *rationya* sepatutnya sebegini ataupun lebih penting ialah di sini ialah isu kepakaran.

Kepakaran saya rasa mudah untuk kita bahaskan di sini kerana seperti yang saya katakan secara khusus isu perbankan Islam tetapi seingat saya Malaysia adalah peneraju perbankan Islam bukan negeri lain seingat saya. *Islamic debt security*, sukuk dan sebagainya kita peneraju tetapi di sini mengapa diandaikan kalau boleh sebut beberapa nama firma guaman yang lain King & Spalding, DLA Piper dan sebagainya untuk datang sini yang boleh saya andaikan sekiranya fakta itu betul.

Kononnya mempunyai kepakaran yang lebih daripada pengamal undang-undang kita di sini. Seingat saya di sini banyak produk-produk perbankan Islam dicipta oleh pengamal undang-undang kita di sini tetapi kemungkinan di atas dasar rejim WTO itu yang membuatkan kita seolah-olah kurang kekuatan untuk mengatakan kita boleh berdiri sama tinggi dengan firma-firma guaman yang besar. Ini kerana saya katakan di sini, saya yakin perkara ini secara fakta, kemungkinan apabila mereka ke sini mereka mungkin memerlukan kepakaran kita juga. Contohnya mungkin pengamal undang-undang daripada firma guaman kita yang di sini tetapi apa yang diminta satu perkara saya rasa perlu dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu seksyen 40G(8) secara khusus Yang Berhormat Menteri kerana ini dikatakan iaitu bagi saya bersifat diskriminasi di sini.

■1220

“Seorang peguam Malaysia yang diguna khidmat di dalam suatu khidmat guaman asing berkeelayakan hilang kelayakan daripada mendapat sijil amalan di Bahagian III”. Bagi saya kenapa dia boleh hilang kelayakan? Apa salahnya kalau dia seorang rakyat Malaysia, dia punya sama kepakarannya, kompeten, boleh berkhidmat di firma guaman asing, atas apa segala namanya, *joint venture*, *offshore*, *law firm* dan sebagainya, tetapi kenapa dia perlu hilang

kelayakan daripada mendapat sijil amalan di bawah Bahagian III? Saya perlukan jawapan Menteri secara khusus.

Tadi saya timbulkan, saya rasa sukar bagi kerajaan mempertahankan isu pertama yang saya katakan tadi apabila dia menggamit firma guaman luar untuk datang, kerana WTO itu antara perkara pokoknya ialah *compromise your sovereignty not at all aspect* tetapi dalam banyak aspek kerana isu *protectionism* kepada ruang urusan muamalat dalaman itu telah diangkat. Contohnya Yang Berhormat Menteri, dalam WTO juga ada *TRIPS Intellectual Property Right* yang mana warga-warga luar memohon dengan izin, *national treatment*, memohon apa sahaja yang mereka dapat di negara mereka itu perlu mendapat layanan yang sama di sini.

Di sini saya mengandaikan apabila kita membuka pasaran kepada firma guaman asing, saya tidak mengatakan saya tidak bersetuju, tetapi saya mahu Menteri memberi jawapan di sini bahawa, adakah kita berada di satu tahap yang mana perkara itu perlu sehinggakan suatu akta seperti ini hendak diluluskan di Dewan? Yang Berhormat Menteri, Menteri tahu kerana – bayangkan kenapa tidak perkara yang semudah VK Liew and Co, Yusmadi and Co, Semenanjung bercantum dahulu daripada Sabah dengan Kuala Lumpur – itu tidak boleh berlaku tetapi kita mengandaikan seperti dalam ini kononnya firma guaman Malaysia dan firma guaman asing boleh melakukan itu.

Jadi di mana kita hendak – di sana kita boleh beri jawapan, keperluannya kepakaran, keperluannya pelbagai. Saya mengatakan – saya tahu ramai rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak pun ramai peguam yang hebat dan saya rasa di sini pun ada peguam yang boleh memberi, saya panggil *value add*, tidak kepada sesuatu yang *redundant*, tetapi ia tidak menampakkan komitmen kerajaan. Adakah ia atas dasar politik? Kerana itu saya mengatakan Yang Berhormat Menteri, kita boleh melihat naskhah undang-undang ini dari segi dua sisi secara dasarnya.

Secara dasarnya ialah kita boleh tengok dari segi *economic*, keperluan negara, itu saya boleh terima, tetapi dari segi sisi politiknya, kita lemah, tidak ada kekuatan, maksudnya dari segi politik itulah kita tidak boleh mengatakan sebuah negara yang 28 juta rakyatnya lebih kurang, pengamal undang-undang dianggarkan lebih kurang 14,000 ke 15,000 tidak boleh bersatu untuk memastikan khidmat guaman undang-undang Malaysia ini sama hebat dan malah kita pada hari ini, saya mengucapkan tahniah kepada beberapa firma guaman Malaysia hari ini yang juga membuka firma guamannya di Singapura ada, kebetulan baru ini saya terserempak kawan lama di firma guaman lama yang mahu membuka firma guaman di *Cambodia* dan buka firma guaman di Indonesia.

Jadi saya rasa kepakaran itu ada, dan yang ingin saya tekankan di sini Menteri, ialah kepakaran perbankan Islam. Ada rakan-rakan saya di Malaysia ini yang, ya graduan universiti tempatan tetapi kerja dengan Northern Rose di UK untuk perbankan Islam. Terutama sekali

yang saya katakan di sini, kita akan hilang keyakinan kita apabila kita belum apa-apa lagi telah mengatakan mereka itu lebih hebat daripada kita dan kita perlu membuka.

Saya rasa satu model yang perlu dipertimbangkan Yang Berhormat Menteri, dengan kaveat, maksudnya – di Indonesia, firma guaman asing ada, tetapi kemasukannya dalam kerangka berbeza, bukan seperti di Singapura. Contohnya kalau boleh saya sebut, Baker & McKenzie, dipakai hanyalah BBM Consultant, tetapi mesti berurusan dengan firma guaman tempatan. Akan tetapi di sini Yang Berhormat Menteri, Menteri pun tahu, firma guaman yang saya sebutkan nama salah satunya tadi itu, ada juga di Malaysia, tetapi datang secara *back door*, kita tahu untuk urusan-urusan tertentu dengan contohnya *power project*, contohnya *telco* yang juga menggunakan firma-firma guaman yang kebanyakannya berpangkalan di Singapura.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah keputusan ini akan menguntungkan pengamal undang-undang Malaysia yang mana yang kita akan nampak selepas membenarkan mereka datang ke sini, mereka akan memberi peluang pekerjaan, mereka akan membawa mungkin dari segi cukai dan sebagainya kepada negara? Kalau itu alasannya, saya mahu Menteri menjelaskan kepada saya, berapa andaian keuntungan dari segi ekonomi kepada Malaysia? Contohnya apa yang dikatakan transaksi perbankan Islam yang rakan-rakan peguam Malaysia tidak boleh uruskan?

Apa yang saya tahu, sekarang ini yang menjadi ketua kepada HSBC Islamic, Ketua ABN Amro, kebetulan baru ini di Doha, Ketua Perbankan Islam Maybank dan sebagainya, semua anak-anak Malaysia dan kebanyakan mereka ini ada yang graduan universiti Islam, *first degree* universiti Islam, kemudian ke Harvard. Bagi saya sebenarnya inilah sebenarnya satu kekuatan yang saya jangkakan dengan sokongan kerajaan, apabila contohnya Perdana Menteri ke Amerika, kita mungkin ada MoU, membuka firma guaman Malaysia di Washington, di New York, anak Malaysia di situ. Bukannya digambarkan di sini, mereka datang ambil kita, dan kita pula bekerja dengan nama mereka dan nama mereka yang naik.

Persoalan saya di sini Yang Berhormat Menteri, satu pengalaman sebelum akta ini ialah seingat saya pada tahun 1998, satu firma guaman Malaysia secara ghairah berurusan dengan satu *audit firm* yang kebetulan *audit firm* itu ialah *audit firm* yang menggunakan strategi baru, menggunakan *tax department*nya itu untuk merekrut banyak firma guaman. Saya boleh sebut firma guaman itu ialah firma guaman terbesar di Malaysia sekarang ini. Ketika itu, sebahagian daripada Andersen Legal Network, saya kebetulan di situ, tetapi persoalan di situ, ada perkara yang berlaku di luar akan menghantui kita, berlakunya Enron. Jadi timbullah isu bagaimana sebenarnya Andersen ini yang juga penasihat undang-undang, penasihat *tax* kepada Enron ini merupakan satu badan institusi profesion yang tidak beretika. Jadi secara automatik di asosiasikanlah syarikat guaman Malaysia ini dengan Andersen ini, tetapi kesilapan ini kita perlu belajar.

Contohnya, kalau Yang Berhormat Menteri tengok di Indonesia, ada syarikat guaman yang terbesar di Indonesia, saya tidak mahu sebut nama, mula-mula dengan syarikat guaman ini, kemudian tidak ada sefahaman, kemudian tukar lagi, seolah-olah jadi bukan macam kita katakan Baker & Mckenzie tetapi jadi macam Baker & McChicken, jadi macam *franchising*. Jadi saya rasa urusan pentadbiran hal ehwal undang-undang ini, saya rasa bukan urusan seperti *franchise* dan sebagainya, ia lebih daripada itu.

Ini saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri di dalam saya punya kerisauan terhadap undang-undang ini ialah, Yang Berhormat Menteri, amalan guaman undang-undang sekarang ini bergerak kepada satu tahap yang berbeza. Saya bagi contoh, buat pertama kali dalam sejarah seingat saya, DLA Piper, satu firma guaman antara paling besar di dunia, bukan sahaja melakukan kerja-kerja guaman, tetapi melakukan kerja-kerja dengan izin, *development work*, kerja-kerja pembangunan. Ia juga cuba menyelesaikan permasalahan di *Myanmar* sehingga mendapatkan dana daripada *United Nation*.

Apa yang ingin saya tekankan kepada Yang Berhormat Menteri di sini, saya mahu kalau boleh firma guaman yang besar-besar ini datang ke Malaysia bukan datang untuk mengambil kerja-kerja komersial sahaja, di mana tanggungjawab sosial mereka? Saya tahu ketika berlakunya Tsunami di Aceh, banyak firma guaman datang ke sana melakukan kerja-kerja pembangunan. Di dalam kerangka perundangan di luar, firma guaman ini juga dituntut untuk melakukan kerja-kerja *legal aid* contohnya, kerja-kerja *pro bono*, tetapi Yang Berhormat Menteri, firma guaman besar dari Amerika dan sebagainya ini, bila datang ke Malaysia, dia bawa yang komersial *outfit* sahaja, yang *pro bono*nya tidak bawa.

Saya mahu kerajaan menekankan kepada firma guaman ini, memandangkan kamu ialah satu syarikat yang besar, seperti *multinational company*, apabila datang ke Malaysia, bukan sahaja mahu mengambil kerja-kerja *big fat legal fees*, tetapi mesti juga melakukan kerja-kerja sosial. Contohnya kerajaan menubuhkan Yayasan Biro Bantuan Guaman, *Legal Aid Foundation*, mereka tidak boleh mengamalkan secara langsung tetapi saya mahu dana mereka itu masuk bantu kerajaan untuk menjayakan agenda-agenda bantuan guaman seperti yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Padang Rengas.

Jadi di sini, ketika mana amalan guaman bergerak kepada satu tahap yang lebih holistik, kita masih lagi melihat bahawa amalan guaman perlu dibuka ke Malaysia hanya melalui sisi ekonomi, keuntungan ekonomi. Saya rasa itu boleh kerana Yang Berhormat Menteri tahu *this is about justice business*, ini bukan *just another business*. Maksudnya, kalau seperti yang dibahaskan oleh rakan bijaksana saya semalam, kenapa peguam-peguam hak asasi manusia datang ke sini tidak dialu-alukan, tetapi yang dialu-alukan peguam-peguam komersial, bagi saya, undang-undang itu seiringan. Ada yang *non commercial* isunya, hak asasinya, *civil liberty*nya penting kerana bagi saya suatu ketika negara ini mendapat peluang diwakili oleh

peguam-peguam daripada UK, Queen's Counsel, contohnya di dalam kes Stephen Kalong Ningkan, Dingle Foot dan sebagainya, Michael Beloff datang ke sini.

■1230

Akan tetapi maksud saya ketika itu kita perlu belajar dengan mereka sehinggakan sekarang kita punya peguam ternama dan kita boleh berdiri sendiri untuk kes-kes dalaman kita. Akan tetapi yang ingin saya tekankan di sini ialah di dalam membenarkan syarikat guaman ini datang, kerajaan perlu memberi satu dasar yang jelas bukan sahaja mengenai seperti yang dituntut oleh Yang Berhormat Rembau iaitu contohnya kes kalau di *Singapore* pada awalnya dikatakan *offshore matters* ataupun dikatakan di sini hanyalah *Islamic finance*, hanyalah *Telco*. Saya tidak mahu begitu.

Saya mahu kerajaan kalau boleh mencadangkan bahawa firma guaman besar ini apabila datang ke sini di mana, berapa ramai peguam Malaysia yang hendak diambil? *Transfer technology* nya di mana? Ini kerana di Singapura telah berlaku *adjustment*. Apabila dibenarkan syarikat guaman ini datang, tidak berlakunya apa yang dipanggil sebagai *transfer technology* itu sehinggakan dibentuk satu lagi kerangka undang-undang yang mana dituntut bahawa mesti berlakunya *transfer technology* itu. Tadi Yang Berhormat Menteri, dalam ucapan pembukaan Yang Berhormat Menteri mengandaikan bahawa...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Balik Pulau, tanya sedikit.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Beri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya oleh kerana tidak berapa memahami dan mendalami aspek-aspek ini, cuma ada satu yang barangkali boleh Yang Berhormat Balik Pulau kembangkan atas *concern* berkenaan dengan kerjasama rentas sempadan. Kita ada banyak aspek yang menyentuh tentang perkara-perkara yang merentasi sempadan terutama apabila menyentuh tentang soal perundangan, soal melanggar undang-undang, perlakuan-perlakuan yang mengelak dari segi pengenaan ataupun peraturan undang-undang dan sebagainya. Ini sedang berlaku dan akan menjadi isu yang *significant* untuk masa akan datang. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Balik Pulau. Adakah munasabah ataupun dianggap mustahak untuk kita fikir, pengamal-pengamal undang-undang atau firma-firma yang melaksanakan pentadbiran undang-undang dalam negara kita ini perlu diberi satu *rating* kedudukan.

Sebagai contoh, ada satu kumpulan satu. Kelas dua, tiga, empat, lima dan seterusnya untuk memberi gambaran kerjasama dengan syarikat-syarikat guaman luar itu menjalin satu perkara yang agak seimbang dari segi keuntungan dan dari segi reputasi mereka di antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih rakan saya daripada Indera Mahkota. Yang Berhormat Menteri, ini satu cadangan yang baik dan sebenarnya di Singapura telah dibuat. Apabila diangkat dan diiktiraf pengamal-pengamal undang-undang

tertentu sehinggakan dipanggil sebagai *Senior Council* dan dikatakan sama taraf dengan *Queen Council*. Jadi, apabila kita mengangkat dan mengiktiraf peguam-peguam kita sendiri, secara tidak langsung apabila datangnya peguam luar sehebat mana pun, kita ada peguam kita yang sama hebat. Kalau tidak ia seolah-olah kita ke meja perundingan, *legal fee* nya ialah katakan *Clifford Chance, Freshfields, Linklaters* dan sebagainya itu, kita satu *legal fee Ahmad and Co.* dan kita pun tahu ini secara komersialnya sesuatu *deal* itu memerlukan nama-nama besar. Contohnya untuk IPO. Kita tahu kadang-kadang ia diperlukan nama-nama besar itu untuk orang kata tujuan-tujuan rating, tujuan *confidants* kerana ada yang dikatakan nama-nama kecil yang terlibat dalam satu-satu *deal* itu, *transaction* itu kurang.

Contohnya macam mungkin kita mengandaikan mungkin satu hari *Facebook Malaysia* akan ada. Mungkin diperlukan satu nama firma guaman yang besar. Oleh sebab itu sekiranya Yang Berhormat Menteri semalam mengandaikan bahawa apabila datangnya firma guaman ini ke Malaysia, mereka akan berkongsi kita panggil *client* mereka, saya rasa perkara itu tidak akan berlaku. Saya rasa *American companies* lebih selesa dengan *America law firm*. Jadi saya khuatir, perkahwinannya di sini ialah *marriage of convenience*. Bukan tidak seperti yang diandaikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa akan berlaku satu hari bahawa anak-anak Malaysia dengan bekerja di syarikat itu akan sama-sama naik dan sama-sama akan diberi pendedahan dan sebagainya.

Yang lebih penting dari segi perkongsian ekonomi. Oleh sebab itu saya bersetuju semalam apabila ditekankan itu bagaimana dengan perkongsian. Kita panggil ekuiti di syarikat guaman tersebut. Ini perlu lebih *detail* dan yang saya rasa yang perlu saya tegaskan di sini Yang Berhormat Menteri ialah mengenai isu apa sebenarnya masalah amalan guaman di Malaysia ini. Adakah kita hendak menjawab persoalan dengan izin kompetensi. Semalam dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang. *Independency, confident* atau keyakinan orang terhadap amalan guaman kita ini dengan menjawab bawa orang luar datang. Saya rasa ada lagi isu-isu yang fundamental. Contohnya apakah hari ini Yang Berhormat Menteri memandangkan Menteri Hal Ehwal Undang-undang gembira atau berpuas hati dengan tahap dengan izin, pendidikan perundangan di Malaysia. Saya rasa kalau ini yang disusun oleh Kabinet, saya rasa pada masa yang sama kita kena pastikan sekolah-sekolah undang-undang di Malaysia ini juga berurusan dengan sekolah undang-undang yang hebat di dunia.

Contohnya kalau di Singapura itu, saya rujuk Singapura kerana dekat. Kebetulan perundangannya sama, *common law*. Di sana kita tahu NUS itu sekarang berurusan dengan *Stanford University*. Berurusan dengan *New York University* (NYU) yang mempunyai rekod-rekod sekolah undang-undang yang hebat. Kita pun tahu di Malaysia kalau itu tidak dibuat, saya rasa output yang kita andaikan ialah satu output yang baik. Akan tetapi inputnya masih lagi sama. Yang saya maksudkan di sini kita perlu secepat mungkin supaya ia seimbang bahawa persediaan pelajar-pelajar undang-undang kita ini, latihannya mungkin yang saya rasa

latihan berterusan. *Continuing legal education* nya itu ialah satu perkara yang *sophisticated* sifatnya.

Maksud saya ialah mereka juga perlu diberi ruang untuk berurusan dengan *the best law school in the world*, masuk supaya profesor-profesornya itu menyediakan pelajar kita yang saya rasa boleh dinaikkan tahap kualitinya agar mereka ini akhirnya sekali yang menguntungkan negara mereka ialah anak watan Malaysia yang mana akhirnya sekali akan menjadi pengamal undang-undang dan tuan punya firma. Bukan seperti yang diandaikan oleh Yang Berhormat Rembau semalam. Saya rasa banyak berlaku. Yang dia datang ialah kita panggil buka satu cabang guaman, dia hantar *junior lawyer*. *Senior lawyer* datang masa hari pertama sahaja. *Shake hand*, akan tetapi bil yang dihantar esok ialah bil *senior lawyer* tetapi kerja yang dibuat oleh *junior lawyer*.

Jadi Yang Berhormat Menteri, perkara ini kita tahu kebanyakannya firma guaman ini datang melalui Singapura dan seperti yang dikatakan oleh rakan saya daripada Indera Mahkota tadi, setakat ini ada wujud direktori-direktori yang menyusun firma guaman ini *first tear*, *second tear*, *third tear*. Ada melalui *Euro money*, *publication* dan sebagainya. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, itu ialah satu rujukan komersial. *It serve it own purpose*. Akan tetapi yang lebih penting dari segi kawalan kualiti, saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri juga mencadangkan kepada kerajaan agar kita juga sudah mula dengan izin, mengiktiraf peguam-peguam kita yang punya kepakaran tertentu.

Saya rasa itu akan memberi satu *balance negotiation power* apabila firma guaman luar datang. Ini saya katakan Yang Berhormat Menteri, di Malaysia saya kata kalau firma guaman yang paling besar mungkin *130 lawyers*, *140 lawyers*. Saya tidak pasti. Mungkin Zul Rafique & Partners, mungkin Zaid Ibrahim & Co., Shearn Delamore, Skrine & Co. dan sebagainya. Akan tetapi yang saya katakan di sini Yang Berhormat Menteri, lebih daripada itu lagi ialah peguam-peguam kanan kita ini mestilah yuran guaman mereka juga setaraf dengan yuran guaman yang akan dikenakan oleh syarikat guaman yang akan datang itu.

Point yang seterusnya Yang Berhormat Menteri ialah saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri, secara strategiknya ialah kita tahu *Islamic finance* atau perbankan Islam ini ialah peluang untuk Malaysia menjadi peneraju dunia dari segi perkhidmatan bukan sahaja guaman, perbankan, kewangan dan sebagainya. Soalan saya ialah kerajaan Malaysia di dalam menggamit kedatangan firma-firma guaman luar ini perlu juga mengatakan bahawa – saya bukan mencadangkan satu yang dipanggil *protectionism*. Bukan! Saya mencadangkan bahawa agar kes-kes tertentu yang mana peguam Malaysia sendiri boleh melakukan dan saya yakin mereka melakukan, tidak membenarkan peguam-peguam daripada luar buat. Ini kerana di Singapura bermula hanya kes-kes yang bersifat dengan izin '*offshore matters*' sahaja yang boleh dibuat oleh peguam-peguam luar.

Di sini saya mengatakan dengan penuh yakin, saya tidak bersetuju di atas nama perbankan Islam, kita buat perguaman luar. Ini kerana kalau saya hendak sebut di sini, ramai anak-anak Malaysia yang boleh dan untuk meyakinkan perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri boleh *check*, ramai juga profesor-profesor Malaysia yang sebenarnya menjadi penasihat-penasihat perbankan Islam di *Dow Jones*, di *World Bank*. Saya sebut nama sebab saya yakin nama ini patut disebut, Profesor Daud Bakar.

■ 1240

Itu satu graduan yang asli bagi saya, belajar dari Kuwait dengan *Islamic* teorinya, sekarang ini belajar *common law* membentuk produk-produk baru dan yang paling penting ialah Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada mereka untuk dengan izin, *to deal with a new case* dan di situ kita membina kepakaran dan saya ingin mengatakan suatu ketika, produk-produk kita panggil hutang Islam iaitu *Islamic debt security* yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia, walaupun Tuan Yang di-Pertua, kurang mendapat sambutan di Timur Tengah, saya kebetulan baru ini di Doha, forum dalam *Enriching Economic Forum*. Firma guaman macam-macam datang, Gibson Dunn, Triford Chan semua ada di situ tetapi isunya di sini Yang Berhormat Menteri ialah, bagaimana mereka mahu memahami muamalat perbankan Islam.

Yang ingin saya tekan kepada Yang Berhormat Menteri ialah wujudnya dengan izin *Islamic economy* bukan untuk tujuan komersial semata-mata. Tujuannya ialah untuk membezakan bahawa amalan ekonomi muamalat Islam itu berbeza sifatnya daripada segi amanahnya, daripada segi etikanya bukan semata-mata di atas nama komersial dan saya ingin mengatakan di sini, saya merasa terkilan satu ketika satu guaman di Malaysia secara ghairah mahu mengaut satu keuntungan daripada perbankan Islam. Ya betul, islamik bonnya memang yuran guamannya tinggi tetapi daripada segi etika peguamnya dan sebagainya saya rasa tidak menggambarkan dengan izin *the spirit of Islamic economy* itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Ya, please.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh? Terima kasih. Saya cuma hendak berkongsi sedikit barangkali Yang Berhormat Balik Pulau berhasrat untuk menyebut itu. Cuma angka yang saya dapat daripada perbincangan yang lalu, yang disebut dan diberi peringatan oleh Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan saiz pasaran modal terutama yang bergantung bawah saiz islamik produk tadi. Disebut berpotensi untuk menjana sehingga RM18 trilion dalam masa lima tahun akan datang. Ini diletakkan dalam lingkungan pentadbiran, di bawah undang-undang ataupun di bawah peraturan yang kena mengena dengan *Islamic package* atau *Islamic product*.

Jadi sesuai dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang harus diberi pertimbangan yang khas, yang wajar untuk kita melihat bukan sahaja pindaan ini dibawa untuk menunjukkan ada cadangan pindaan terhadap

amalan guaman ataupun firma itu semata-mata tetapi juga kepentingannya daripada segi saiz dan juga kualiti dana yang menyentuh tentang kedudukan *Islamic product* itu sendiri dalam bentuk perbankan dan kewangan, dipakej atau dilihat sekali di dalam masa kita membuat pindaan untuk memasukkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan orang kata, memberi faedah yang lebih baik kepada siapa yang mungkin menyertai bidang ini dalam negara kita khususnya. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Itulah sebenarnya yang patut dibangunkan. Saya bagi contoh Malaysia punya peluang satu lagi ruang, *Islamic arbitration*. Kita mungkin daripada segi arbitrase, *conventional construction arbitration* untuk kita bersaing dengan Singapura dan Hong Kong, di atas sebab-sebab tertentu kita kalah tetapi saya rasa dengan ada mantan, saya tahu contohnya mantan-mantan hakim mahkamah persekutuan yang sekarang ini saya rasa banyak juga disebabkan dinamika-dinamika dalaman terpaksa berdepan dengan isu bersifat *conflict of law, Islamic law and commercial law*.

Jadi maksudnya pengalaman itu ada dan kebetulan pula dasar kerajaan memang mengalu-alukan mana-mana projek infrastruktur terutama 90an ke atas itu semuanya menggunakan dengan izin, perbankan Islam dan saya rasa perkara ini kalau kita yang bangunkan dengan didukung dengan izin, *support system* atau sistem sokongan universiti Islam yang memberi ruang kepada pelajar belajar dua, dengan izin, *common law, Islamic law* dan saya rasa perkara ini sebenarnya akan member sinergi atau satu tenaga baru kepada sistem perundangan Malaysia yang akan berdiri dengan secara tinggi dan dengan secara uniknya dan kemungkinan akan menjadi jaguh dunia dan saya rasa dalam hal ini, kerajaan perlu lebih *detail* siapa mereka ini akan datang ke Malaysia ini, adakah mungkin atas kepakaran tertentu contohnya percukaian.

Saya rasa percukaian kalau daripada segi percukaian Islam, saya rasa pakarnya ada di sini. Contohnya kalau saya kata kalau *the first Islamic bon*, sukuk, itu dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak ketika menjadi CEO Guthrie. Saya ingat lagi, RM1.2 bilion kah saya ingat. Masa itu kebetulan sama-sama di Singapura, kita membentangkan kertas kerja kepada semua *offshore* bank di Singapura. Kepakarannya semua dari Malaysia. Jadi di sini saya yakin dengan ada agenda, dengan izin, saya tahu di *Security Commission* adanya *Islamic capital market*, unit. Adanya pakar-pakar di situ, kekuatan dasar kerajaan pun ada.

Non legal expert, wujud dan universiti Islam dan saya rasa di sini juga sekarang ini bentuk juga kita panggil dengan izin, *fund manager* dan sebagainya yang punya kepakaran-kepakaran daripada segi *Islamic finance* dan saya rasa di sini Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Hal Ehwal Undang-undang, menteri perlu juga sebelum kita sama-sama meluluskan ataupun berbahas lebih lanjut mengenai rang undang-undang ini, menteri perlu memberi dengan kita lebih yakin *what is the blueprint* strategi kerajaan di dalam membenarkan firma

guaman ini datang kerana pengalaman yang ada di Singapura, hatta di Singapura itu sendiri mereka terpaksa melakukan *adjustment* tapi adakah kita mengambil pendekatan mereka iaitu *try and error*.

Maksudnya kita buat dulu, panggil tengok dan saya rasa yang perlu ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri juga di dalam pasaran, saya tengok ada perkembangan yang baik yang perlu digalakkan Yang Berhormat Menteri. Penulisan-penulisan mengenai perbankan Islam, dulu kebanyakan di dalam bahasa Arab, sekarang ini sudah banyak di dalam bahasa-bahasa Inggeris yang boleh dibaca oleh pengamal-pengamal undang-undang yang tidak punya latihan di dalam dengan izin, muamalat Islam.

Jadi itu yang sebenarnya dipastikan bahawa strategi membuka pintu masuk ini menunjukkan bahawa pengamal undang-undang Malaysia bersedia daripada segi pendidikannya, daripada segi pengamalannya, industrinya saya rasa memang bersedia tetapi Yang Berhormat Menteri, kalau boleh jelaskan di Dewan yang mulia ini, saya tahu secara fakta banyak kita panggil facility perbankan Islam yang dulu kita luluskan kebanyakannya *default* dan kebetulan baru-baru ini banyak untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, keputusan-keputusan mahkamah tinggi kita contohnya yang hari itu oleh Datuk Wahab Patel mendapat tarikan mengenai kesahan ataupun ketidaksahan sesuatu produk perundangan perbankan Islam.

Tapi yang menarik perhatiannya menteri, ialah ini menjadi rujukan kepada rakan di luar. Dulu ketika peringkat awal, ketika ingat saya di universiti yang kita kalau melihat isu-isu kes muamalat Islam dalam perbankan kita perlu belajar daripada Pakistan. Kes-kes *justice* Osmani nak bawa untuk tengok di sini tapi yang saya katanya ini, kita tak perlu. Dengan izin, agenda saya ingat arwah Tan Sri Ahmad Ibrahim, yang ini saya raya yakin saya nak alu-alukan di sini ialah *to develop Malaysian common law our own jurisprudent* dan saya rasa ini bukan cita-cita kawan-kawan saya daripada Amerika, England dan Eropah untuk buka di sini. Dia datang untuk dapatkan *legal fee* sahaja.

Kita secara politiknya, sebab itu saya kata jangan hanya lihat daripada segi sisi ekonomi. Perlu juga lihat daripada segi politik dan *culture* yang perlu dibangunkan. Inilah peluang Malaysia untuk mewujudkan - kawan-kawan saya selalu berbahas Malaysia ada acuannya sendiri tetapi acuan tak dimajukan. Dok acuan itulah juga 50 tahun. *Where is the Malaysian jurisprudent*. Ini adalah peluangnya, kita telah bangunkan harta sepencarian, tidak ada. Harta sepencarian ialah disebabkan dengan izin, *inherent strength of our own culture*, tiba-tiba wujudnya satu sistem perundangan harta yang amat adil, harta sepencarian dan saya yakin bangunnya perbankan Islam ini akan bangunnya lagi perbankan hartanah Islam. Daripada segi wakafnya, daripada segi kita panggil hibahnya, itu semua akan bangun tetapi persoalannya kenapa kita mengandaikan mereka ini akan datang bangunkan perkara ini. Saya rasa tidak.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mohon Yang Berhormat Menteri secara khususnya nyatakan firma guaman mana yang akan datang di sini yang telah menunjukkan minat mereka.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin juga mewakili firma-firma guaman yang kecil-kecil yang di atas sebab-sebab tertentu, kita perlu ingat ini pasaran terbuka. Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka, persaingan satu perkara yang sihat tetapi pada masa yang sama dengan izin, keadilan sosial juga perlu dilakukan kepada mereka ini kerana imbalan untuk mereka bersaing tidak sama dengan firma guaman luar atau banyak sebab Yang Berhormat Menteri.

Firma guaman Amerika akan datang, pertama sekali *I have big insurance*. Satu syarikat akan kata contohnya, saya tak tahu, mungkin satu hari *Boeing* datang ke Malaysia.

■1250

Boeing dia perlukan syarikat yang insuransnya besar. Dia hendak *protect – they want to protect their deal*. Jadi untuk pastikan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, mereka mahu satu syarikat yang ada insurans yang besar. Firma guaman kecil tidak ada Yang Berhormat Menteri. Tidak ada sehinggakan apabila bank-bank menetapkan bahawa sekian, sekian insurans kurang-kurangnya *coveragenya* RM5 juta dan sebagainya, ada yang membebankan firma guaman kecil. Akan tetapi saya kata perkara itu telah boleh diterima dan kita faham secara komersialnya ianya akan membantu untuk memastikan transaksi itu dikawal. Akan tetapi bayangkan kalau firma guaman datang hari ini atas dasar saya punya insurans yang besar, jadi bagaimana rakan-rakan firma guaman Malaysia? Kita kalah di situ.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin mengatakan bahawa di dalam kita mencadangkan akta ini, seksyen 40L, saya mohon Yang Berhormat Menteri sejauh mana komitmen kita untuk mengawal selia isu-isu kelakuan profesional, etika dan akaun seperti yang dikatakan di sini yang dikatakan kalau mengikut seksyen ini ia juga akan melibatkan mereka yang mengamalkan di firma guaman asing. Yang Berhormat Menteri, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini seperti yang dikatakan oleh rakan saya semalam isu-isu disiplin peguam pun masih lagi timbul keraguan. V.K. Lingam dan sebagainya itu semua masih lagi tidak diadili dengan sebaik mungkin sehingga menyebabkan ada yang menyatakan peguam ini ramai yang tidak boleh dipercayai dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa itulah perkara-perkara yang sebenarnya akan mengembalikan kegemilangan, kewibawaan sistem perundangan Malaysia.

Sebenarnya hari ini yang perlu dilihat oleh Yang Berhormat Menteri secara serius ialah isu keyakinan. Isu sebenarnya ialah *confidence crisis*. Orang mengatakan kenapa mereka ke Hong Kong. Saya mengatakan tidak mungkin pengamal undang-undang di Hong Kong lebih hebat daripada pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di England. Saya tahu ramai pelajar Malaysia yang belajar di England juga sama bagus. Kenapa mereka mengatakan mereka perlu ke Singapura? Adakah pengamal undang-undang di Singapura bahasa Inggerisnya hebat

sangat sehinggakan mereka sanggup membuat keputusan ke sana? Ke sana maksudnya transaksi di Malaysia berurusan di sana, itu kos. Bagi saya ada isu lain iaitu isu keyakinan. Saya yakin pengamal undang-undang di Malaysia punya potensi.

Akhir sekali saya hendak sentuh sedikit sahaja mengenai isu polemik *law academy* dan juga *Bar Council*. Saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan perkara ini. Yang Berhormat Menteri, pada pandangan saya cadangan *law academic* ini bukan satu perkara yang merunsingkan saya. Tidak sekali-kali kerana secara faktanya ia wujud di tempat-tempat lain. Di Singapura punya peranan *law academy* yang tersendiri. Saya rasa di England punya peranan tersendiri malah ia dilihat sebagai satu perkara yang *co-assist* dan membantu satu sama lain, saling memerlukan di atas alasan-alasan yang saya boleh terima bahawa ramai pakar undang-undang di atas nama *In-house Council*. Di atas nama pensyarah, di atas nama penulis buku. Dia atas nama mantan-mantan hakim.

Mereka perlu diberi peranan dan peranan ini perlu diberikan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, yang menjadi permasalahannya ialah *the under lying facts*. Bagaimana perkara ini dinamikanya ditimbulkan sehingga dengan izin Yang Berhormat Menteri, mengelirukan rakyat. Saya rasa ini perlu diperbetulkan kerana yang timbul di sini saya mendengar semalam ianya akan menggantikan. Saya rasa perkara itu perlu diperjelaskan. Adakah betul ia akan menggantikan *Bar Council*? Kalau itu yang dimahukan saya rasa saya membantah kerana *Bar Council* melalui peluang guaman mempunyai hanya tersendiri secara statutori yang saya rasa Kerajaan Malaysia perlu ingat ianya membantu *indicator-indicator* keadilan dengan izin.

Sekarang ini negara dunia ada namanya *rule of law index* memantau kita dan saya rasa itu perlu. Kenapa perlu kita hilangkan perkara yang telah membantu negara ini mendapat keyakinan lebih 50 tahun. Kebetulan mantan-mantan Perdana Menteri kita semua peguam. Dululah, sekarang bukan. Bukanlah saya hendak cakap Yang Berhormat Pekan ini bukan peguam dia tidak faham tetapi maksudnya ialah dia tahu perkara tersebut. *Progressiveness of a nation* juga merujuk kepada *indicator-indicator* kebebasan tetapi kita hari ini apabila membahaskan isu kebebasan hari ini apa dia? Kita mengandaikan bahawa negara *state has the monopoly of freedom*. Isu kebebasan bukan isu yang perlu di kompromi. Bersih hari ini dilihat kepada isu-isu yang seolah-olah mengandaikan bahawa *police know best*. Wujudnya hak asasi manusia ialah disebabkan saya hebahkan sekali lagi ialah *the tyranny of the state*. Apabila rakyat tidak lagi punya satu *safety guard* selain daripada Perlembagaan bahawa ada kerajaan dalam dunia ini di atas nama *authoritarianism* yang menekan rakyat. Itu ada, fakta tetapi yang mempertahankan rakyat ialah perlembagaan. Hak asasi manusia bukan wujud dalam satu vakum. Tadi saya mengatakan, tadi kebetulan diberi peluang oleh RTM bahawa hak manusia itu bukan satu perkara daripada luar ke dalam. Kita diajar oleh keluarga kita di rumah *what is justice* atau apa itu keadilan? Apa itu hormat-menghormati tetapi perbahasan di sini

mengandaikan bahawa hak asasi manusia *is a new imperialize or ideology. Is a new rigid*. Saya kata kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, hendak tanya *you* hendak habiskan sebelum kita tengah hari?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Hendak tutup, hendak tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Oleh sebab itu apabila dibahaskan isu ini saya rasa dia memberi beban kepada kerajaan hari ini kerana agenda hak asasi manusia atau agenda kebebasan ini ialah satu perkara yang sejagat, bukan satu perkara yang hanya dibincangkan di dalam ruang-ruang forum, di ruang-ruang *conference*. Akan tetapi ianya menuntut komitmen kerajaan-kerajaan dunia di atas nama Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagainya mengatakan apa pendirian kamu mengenai isu kebebasan?

Oleh sebab itu saya rasa dalam hal ini kerajaan perlu membuat satu keputusan yang bijak dan jangan satu keputusan yang menganjak ke belakang seolah-olah kebebasan di Malaysia ini tidak berada di satu tahap yang matang. Rakyat tidak tahu apa itu keamanan. Rakyat tidak tahu apa itu keganasan. Saya rasa rakyat hari ini tahu sebab itu yang saya cadangkan Yang Berhormat Menteri. Saya alu-alukan mana-mana siasatan, *commission* dan sebagainya tetapi paradigma yang baru ini Yang Berhormat Menteri, *secrecy is not security anymore. Transparency is security*. Maksudnya rakyat perlu diberi fakta. Kalau betul dikatakan ada rakyat yang menendang polis, tunjukkan kita mahu lihat. Kalau betul dikatakan kita membakar kereta polis secara sengaja dan memang kita ada niat jahat untuk menghancurkan negara, silakan. Ini sebab saya rasa perkara ini boleh diterima oleh mana-mana rakyat yang rasional.

Jadi pandangan saya transparensi yang perlu ditegaskan. Pada pandangan saya apabila Tun Haniff Omar telah membuat keputusan mengenai....

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh sedikit Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sudah hendak habis ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bersih sahaja. Sedikit.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: 57.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Few second* sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: 57. Tidak payahlah. Orang lain, orang lain. Jadi Yang Berhormat Menteri, yang saya katakan di sini Yang Berhormat Menteri, akta ini bukan sahaja menentukan profesion guaman. Akta ini menentukan ialah dengan izin, kembalinya keyakinan orang luar dan rakyat terhadap profesion guaman dan lebih penting dengan izin, pengurusan sistem keadilan di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

12.58 tgh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Sebenarnya saya begitu khusyuk mendengar perbahasan daripada Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat Balik Pulau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat, saya pun tertarik. Dia ada menyentuh soalan falsafah khususnya berhubung dengan *the rules of law*. Kadang-kadang *is the most abused and used language* yang orang tidak faham. Adakah persoalan *the rules of law* ini juga berbeza oleh kerana konsep nilai sejagat kita berlainan daripada nilai sejagat negara-negara yang lebih maju daripada kita. Adakah *the rules of law* ini juga tidak bersama dalam pandangan negara kita dan barat? Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila bercakap tentang *rules of law* itu kita tidak boleh lari daripada proses *civilization* setiap negara ya. Kita pula adalah negara dalam proses pembangunan yang masih muda merdeka. Sudah tentu ciri-ciri keutamaan kita adalah agak berbeza. Kita tidak boleh membandingkan yang berlaku ini boleh dibandingkan seperti hendak bandingkan buah epal dengan buah durian. Dia sepatutnya dibandingkan dalam keadaan yang terhad dan seterusnya.

Pertama sekali saya selaku Ahli Parlimen Pengerang menyokong pindaan kepada akta ini, sebagai seorang peguam yang telah memulakan karier guaman dipanggil ke *Malaysian Bar* pada tahun 1990. Kalau kita kira lebih kurang 22 tahun menjadi peguam dalam negara ini sudah tentu akta ini dilihat dalam pendekatan yang positif dan juga yang tidak positif. Positifnya sudah tentu kita tidak boleh lari bahawa dunia ini sudah berubah. Dunia semakin kecil. Isu-isu bila bercakap tentang undang-undang tidak lagi terhad kepada isu orang kampung curi ayam atau telur ayam ya, Tuan Yang di-Pertua. Isu-isu yang berlaku hari ini ialah isu-isu yang antarabangsa, *cross border jurisdiction*, dengan izin. Suka tidak suka seperti kawasan saya kawasan yang dekat dengan pengairan, suka tidak suka undang-undang laut atau *maritime laws* menjadi undang-undang yang sentiasa menjadi undang-undang keutamaan dalam perkiraan keadilan bagi mereka yang berhadapan dalam isu antarabangsa.

Sudah tentu bila kita tengok pindaan ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum panjang lagi saya ingat Yang Berhormat kena sambung pada 2.30 petang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Pengerang.

2.30 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya bercakap sebelum kita *break* kepada *lunch*, dengan izin, saya menyebut tentang - saya melihat yang saya memainkan peranan dalam bidang guaman ini. Saya menekankan tentang isu kalau kita hendak tengok kepada pindaan ini kita boleh lihat daripada dua isu iaitu isu yang positif dan juga isu yang negatif. Kalau kita tengok daripada isu yang positif memang kita tidak boleh lari daripada perubahan yang berlaku di pentas antarabangsa yang mana dunia semakin kecil terutama sekali dengan wujudnya sistem teknologi maklumat dan kalau kita tengok dalam bidang-bidang persaingan, dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang undang-undang laut (*maritime laws*), undang-undang arbitrase (*arbitrations*), undang-undang antarabangsa dan undang-undang angkasa.

Semua perkara ini, undang-undang perubahan ini, suka tidak suka memang kita memerlukan tenaga pakar yang mungkin kemasukan dalam bidang guaman ini, kemasukan melalui kehadiran peguam asing ataupun dengan wujudnya, dengan izin, *joint venture* dengan syarikat-syarikat guaman asing. Kalau kita tengok contoh yang paling dekat iaitu contoh yang sedang berlaku kepada negara jiran kita iaitu di Singapura. Memang kalau kita tengok, suka tak suka, pendekatan yang positif ini akan membawa kepada kenaikan bidang-bidang guaman, firma-firma guaman dalam negara kita pada peringkat pentas dunia.

Jadi, bila kita dengar perkataan '*glokal*' yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau pada tahun lepas. Perkataan '*glokal*' itu di mana dalam aspek global, dengan izin, adanya peranan yang dimainkan oleh orang tempatan ataupun orang yang *local*. Jadi, perkataan '*glokal*' itu boleh dimainkan juga dalam profesion guaman. Itu memang kita tengok dalam aspek positif dan sudah tentu kalau kita ini menjadi anak guam, mereka yang membayar yuran guaman, kalau kita berkemampuan dan kalau kita boleh memilih memang kita hendakkan yang terbaik. Kalau yang terbaik itu dapat mewakili kita, yang terbaik itu boleh membawakan kita kepada kejayaan dalam perbincangan perbicaraan hak kita, dalam apa-apa isu, sudah tentu kalau kita tengok pendekatan kepada *consumerism*, dengan izin, memang kita berhak kepada memilih yang terbaik. Itu adalah hak kita. Kalau kita mampu, kita

ambillah terbaik. Dengan kehadiran firma-firma dan peguam-peguam asing seperti yang hendak dicadangkan oleh akta ini sudah tentu perkara yang disebut ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, suka tak suka, memang adanya pendekatan yang membenarkan syarikat-syarikat guaman tempatan melantik pakar-pakar peguam daripada luar negara. Memang sudah berlaku. Mungkin proses pelantikan itu berbentuk yang agak berbeza. Contohnya, dalam kes pelanggaran kapal katakan. Kita boleh melantik syarikat guaman tempatan dan beliau berhak melantik syarikat guaman yang ada di luar negara untuk mewakili dalam bidang undang-undang antarabangsa contohnya. Akan tetapi dengan pindaan ini sudah tentu kita tengok kehadiran ini akan membawa kepada kesan yang lebih positif. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya selaku ahli peguam yang sudah 22 tahun dalam profesion guaman ini, memang tengoklah, suka tak suka, kita kena memperbahaskan isu-isu negatif yang sedang dan akan berlaku dengan adanya pindaan ini.

Saya ingin memperkenalkan 3K iaitu 'Kompetisyen, Kos, dan Konflik'. Apa maksud saya dalam 3K ini ialah bercakap tentang kos sebagai contoh. Suka tak suka, bila adanya syarikat asing, peguam asing, kita memang tahu bahawa kos pembayaran itu akan lebih berbeza daripada syarat pembayaran kepada peguam tempatan. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dengan adanya pindaan ini akan menentukan satu kos yang lebih standard kepada peguam tempatan dan peguam yang daripada luar? Contohnya, dalam bidang undang-undang, dengan izin, undang-undang *conveyancing*. Kita membayar yuran guaman mengikuti kepada kos hartanah dan sebagainya.

Adakah dalam aspek ini, bila cakap tentang kos, pembayaran itu akan dilaksanakan sama ataupun adakah pendekatan pembayaran yang agak berbeza antara peguam tempatan dengan peguam luar negara? Jadi, dalam aspek ini, kita tengok dalam aspek kos, itu mungkin dalam bidang *conveyancing*, surat cara. Bagaimana pula dalam kes-kes litigasi, *litigation*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Adakah kita tahu dalam kes kita ini, kos litigasi ini agak bergerak kepada- bayaran kepada *demand and supply* ataupun persetujuan antara anak guam dengan peguam? Adakah wujudnya syarat-syarat yang tertentu dalam bidang ini. Contohnya, kos untuk *appearance*, dengan izin, agaknya lebih murah dengan peguam tempatan daripada peguam luar ataupun lebih murah dengan syarikat tempatan daripada syarikat luar? Jadi, kalau kita hendak tengok perbandingan ini yang paling dekat Tuan Yang di-Pertua, perbandingan kos ini mungkin kita tengok dalam aspek kepakaran dari segi peringkat kesihatan doktor-doktor pakar.

Dalam negara kita memang ada banyak doktor pakar tetapi kalau kita ada doktor pakar daripada luar yang datang ke Malaysia yang berkhidmat, kemudian kita membayar. Contohnya, dengan izin, *orthopedic specialist*. Kalau Malaysia bayar mungkin pertemuan pertama RM300 tetapi kalau dia *orthopedic specialist* daripada luar kita bayar RM600 sebab dia orang luar dan

sebagainya. Mungkin ini akan menjadi isu kos disebabkan ialah kerana sebagai anak guam, mereka tidak mungkin mahukan satu perbezaan? Kita tahu dalam sektor guaman ini Tuan Yang di-Pertua ialah satu sektor yang begitu subjektif. Subjektif bila kita hendak melantik seorang peguam. Tidak semestinya peguam itu boleh diukur kehebatannya dengan kes-kes yang dia menang.

Mungkin kali ini satu kes dia kalah ataupun mungkin peguam itu lebih cantik daripada peguam tempatan, saya tidak tahulah. Mungkin ada anak guam hendak lantik peguam yang lebih *handsome*, lebih tinggi dan mata biru, saya pun tak tahu. Akan tetapi dalam perkara ini perlu adanya *guidelines* supaya *consumer*, dengan izin, anak-anak guam yang ada dalam negara kita mempunyai hak untuk memilih. Kalau kita bercakap tentang undang-undang, bila kita mewujudkan satu akta. Saya hendak menyebut pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mesti meletakkan keutamaan kepada orang tempatan. Dalam semua aspek sekalipun sama ada dalam bidang guaman, bidang perubatan, bidang *engineering* ataupun kejuruteraan dan apa-apa bidang sekalipun.

■1440

Kita mesti memberi hak untuk memilih terhadap anak-anak guam terutama sekali orang Malaysia, saya dengar daripada Yang Berhormat juga tadi mungkin Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Lembah Pantai banyak menimbulkan isu-isu yang lebih orang tidak ada ketepatan sebab hari ini pun - Akan tetapi saya mungkin terdengar juga mungkin suara daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini kalau kita tengok kadang-kadang peguam ini, orang yang sama sahaja yang terkenal menjadi peguam kepada semua anak guam, yang menyebabkan kadang-kadang kes kena tangguh sebab dia di sini, dia di sana dan kita ini bukannya negara yang kecil seperti Singapura itu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bukanlah sangat satu negara dia itu lebih daerah, satu bandar Singapura itu daripada satu *point* ke mahkamah boleh berlari, di dalam negara kita ini tidak, sekejap di Sabah, kejam di Kuala Lumpur, selepas itu di Johor dan sebagainya. Isu kos inilah perlu kita kaji ataupun kita nyatakan supaya rakyat Malaysia, anak-anak guam atau bakal-bakal anak guam itu boleh mempunyai hak untuk memilih.

Kedua, saya dalam isu negatif ini saya hendak menimbulkan tentang kesangsian saya kepada isu konflik. Tuan Yang di-Pertua, tahu kan syarikat guaman antarabangsa ini kadang-kadang majikan dia, *formal client* dengan izin pelbagai jenis orang, mungkin hari ini dia mewakili kita sebagai anak guam tetapi lima hingga 10 tahun yang lepas dia pernah mewakili mereka yang di sebelah sana. Jadi macam mana kita hendak membuat carian ataupun pendekatan forensik, *forensic search* hendak tahu bahawa peguam syarikat ini, peguam ini pernah berkhidmat dengan syarikat tertentu, individu tertentu yang bertentangan dengan kita, jadi macam mana kita hendak membuat perkiraan? Pada hari ini dengan peguam tempatan ini tidak begitu susah sangat, kita boleh membuat satu *search* dengan izin, kajian di mahkamah tinggi,

mahkamah rendah, buat *file search*, kita buat carian, kita tengok dia pernah mewakili jadi kita pun sebagai anak guam membuat keputusan mungkin konflik.

Akan tetapi kalau daripada syarikat antarabangsa, peguam daripada India, rakyat India Tuan Yang di-Pertua, peguam India itu hendak beratus ribu, nama semua lebih kurang sama katakan, hendak cari macam mana? Peguam daripada negara China, Arab Saudi, Amerika Syarikat hendak kata nama John Smith bertimbun-timbun nama John Smith, macam mana kita hendak cari, macam mana kita hendak tahu. Jadi kalau perkara ini berlaku, saya tahu mungkin daripada segi peguam itu, mereka boleh memberikan jaminan tetapi daripada segi anak guam? Tengah jalan sudah bayar yuran sudah masuk mahkamah tiga, empat tahun, hendak menunggu keputusan tiba-tiba keluar cerita pernah mewakili tidak ada *full discloser* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jadi macam mana.

Sebenarnya apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah akta ini bagus, baik tetapi memerlukan satu syarat, syarat yang dapat mengetatkan supaya tidak ada waswas bagi anak guam ataupun mana-mana syarikat kerajaan, GLC ataupun mana-mana pihak sekalipun, sebab apabila berlaku dalam aspek konflik ini masalahnya yang menjadi mangsa anak guam, itu *point* saya yang kedua dalam aspek negatif. Dalam *point* yang ketiga ialah isu tentang *competition*, walaupun *competition* itu C, saya menggunakan bahasa baru saya, hendak menjadikan K sebab saya hendak menekankan kepada 3K.

Apabila bercakap tentang *competition* yang banyak, persoalannya macam mana kita hendak mengawal selia dalam *unfair practice* contohnya? Bagaimana kita hendak menjamin bahawa apabila dia mewakili ataupun dia menjadi peguam, dia berperangai tidak senonoh dan selepas itu dia lari, macam mana kita hendak mencari dia? Dia boleh terus naik kapal terbang AirAsia terus terbang pergi mana-mana, dia beli tiket pakai *online* sahaja dia boleh lari Tuan Yang di-Pertua, peguam dekat Malaysia tidak boleh lari sangat sebab dicari pun boleh jumpa, ya lah sebab kita ini orang tidaklah begitu ramai 25 juta, hendak cari pun boleh buat *search* syarikat dia, keluarga dia, harta dia tidak susah hendak cari.

Akan tetapi jika peguam asing atau firma guaman ini, *fly by night* kah dengan izin, *ambulance chaser* ke dengan izin macam mana Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba anak guam dalam keadaan macam ini dia nak lari, nak cabut, cabutlah dia dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi macam mana kawalan selianya, *how you control* dengan izin. Itu sebabnya kalau kita tengok dari segi perbandingan di United Kingdom di *England*, dia ada yuran *Queens Council*, dahulu dia pakai *Kings Council*, lepas itu ada pula *Junior Council*, kita ini tidak ada *council* Tuan Yang di-Pertua semuanya sama sahaja, baru keluar CLP pun membayar yuran RM10,000, dia hendak keluar daripada UKM kah, UIA kah, Universiti Malaya kah mana ada ukuran.

Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat menyebut tentang macam mana kita hendak membuat kiraan siapa yang baik, siapa yang lebih hebat dan sebagainya. Orang politik

mungkin kita tidak boleh ukur baik dan tidak baik, mungkin kalau bertanding menang, bertanding dua kali berturut itu kira hebatlah, tetapi ada orang kata tidak hebat contohnya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: ...contohnya, orang kata tidak hebat itu tidak tahu saya. Akan tetapi dalam isu peguam ini macam mana kita tahu hebat atau tidak hebat?

Itu sebabnya kalau kita tengok di *England*, dia sudah 20 ke 30 tahun menjadi peguam dia boleh memakai baju berlainan, *Queens Council*, dia pergi *appear before court* itu dengan izin mungkin bayar mungkin 10 ribu *pound* katakan contoh. Kita tahu dia adalah dalam golongan tertentu sebab dia pernah dalam kategori tertentu. Ini pula saya menjadi peguam 22 tahun pergi mahkamah lawan dengan budak baru keluar daripada universiti, hidung dia hingus sahaja memakai *bib* senget-senget, masuk mahkamah tinggi menang sebab saya tidak pandai mengatur dokumen katakan. Mungkin hakim kepala angin semasa itu tidak sedap badan ke, tidak suka kemungkinan hakim itu duduk sedap-sedap mungkin rasa apalah kerajaan ini, peguam kerajaan ini peguam kononnya berbau UMNO hendak lawan dengan peguam berbau pembangkang, manalah tahu ini contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak kata sesiapa.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Contoh, dalam hal ini macam mana kita hendak membuat ukuran ke atau pengiraan Tuan Yang di-Pertua, kalau di *England* senang *Queen Council*, *Junior Council* kita tahu apa yang kita bayar ini tiba-tiba kita buka datangnya *Mr. John Smith*, *Mr. Steve McQueen*, *Mr. James Bond* tidak tahu daripada mana datang *charge* RM10,000, RM 20,000 beria-ia dengan penuh semangat dan selepas itu sudah tidak ada apa, yang rugi anak guam lagi. Itu sebabnya dalam isu ini macam mana kita hendak menjaga kualiti?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan seperti kawan-kawan cakap tentang bahasa. Adik-adik kita dekat universiti semuanya belajar perguaman bahasa Malaysia, Undang-undang Keterangan atau *Evidence Act*, *Criminal Procedure Court* (CPC) banyak bahasa Malaysia, mungkin Universiti Malaya dia memberikan pilihan kepada pelajar-pelajar menulis jawapan bahasa Inggeris ke atau bahasa Malaysia tetapi soalan mungkin di dalam bahasa orang putih, bahasa Malaysia perenggan satu bahasa Malaysia dan perenggan bahasa orang putih, boleh pilih *you have the right choose* dengan izin, kalau universiti tempatan UKM, UiTM dan sebagainya, kemungkinan kolej-kolej IPTS kemungkinan dalam bahasa Malaysia sahaja atau kemungkinan semua dalam bahasa Inggeris, okey contohnya.

Selepas itu hendak masuk mahkamah, hakim-hakim mahkamah sesyen, mahkamah syariah lagi tulis cakap dalam bahasa Arab, bahasa jawi hendak bercakap dengan orang Arab yang lebih banyak Arab dia itu daripada Arab kita, satu kerja pula hendak buat *translation*

dengan izin. Kemudian hendak pergi ke mahkamah, duduk ke mahkamah bercakap, berbahas membawa kes anak guam, yang peguam daripada negara orang putih ini tidak boleh bercakap selamat pagi, selamat datang langsung tidak boleh cakap, kalau cakap pun tergagap-gagap. Selepas itu dia hendak bercakap, apabila sudah hendak bercakap itu dari *cost* itu dia pakai dengan izin Tuan Yang di-Pertua *time cost* sekarang, satu jam peguam berdiri hendak kena bayar yuran satu jam berdiri tidak macam dahulu, dahulu kadang mengikut menang kalah kes tetapi sekarang mengikut *time cost*

Kemudian peguam tempatan semua bercakap Melayu, kadang-kadang disebabkan hakim boleh bercakap bahasa Malaysia kah, boleh faham bahasa Inggeris, dokumen semua dalam bahasa Inggeris macam mana kita hendak membuat jaminan bahawa sama ada dalam bidang *litigation*, litigasi ataupun dalam bidang **konvensi** bahawa dokumen-dokumen itu mempunyai kefahaman yang begitu tetap, bagaimana kawal selia dan seterusnya?

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, perubahan ini satu perubahan yang cukup baik, memang kita tengok sebagai satu perubahan yang boleh membawa Malaysia kepada mata dunia tetapi cadangan saya mungkin kita perlu ada pra syarat.

Di antara pra syaratnya pertama ialah bila tidak ada pakar di dalam negara kita, sudah tidak ada orang lain, sudah pusing satu Malaysia tidak ada pakar di dalam bidang itu contohnya undang-undang angkasa lepas ke, undang-undang yang memang pelik bin ajaib orang yang duduk dekat Afrika yang boleh peguam dia, kita bawa dia masuk. Akan tetapi kalau dia mempunyai pakar yang mana kita ada pakar, kalau kita membuat perbandingan macam saya sebutkan tadi antara buah oren dengan buah oren tidak apa, kalau kita hendak membuat perbandingan dengan buah epal dengan buah durian habislah, tidak semestinya perbandingan itu perbandingan yang baik.

Jadi mungkin pra syarat kita ialah kemahiran dan saya dimaklumkan di Negara Singapura pun, dia mempunyai pra syarat apabila sudah tidak ada lagi pakar tempatan dan sudah cari satu dunia tidak jumpa dalam negara Singapura barulah dia boleh buka kemahiran itu untuk dibawa masuk ke negara tersebut. Jadi sini Tuan Yang di-Pertua, jumlah peguam di dalam negara kita begitu banyak.

■1450

Hari ini anak-anak kita, adik-adik kita yang menjadi peguam berkejaran mencari anak guam. Tidak semua orang ada nama antarabangsa. Tidak semua orang macam Yang Berhormat Balik Pulau, antarabangsa cakap 'orang putih' dengan penuh terbalik, saya pun tidak faham kadang-kadang Yang Berhormat Balik Pulau cakap 'orang putih'.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau? Contohnya, ini contoh. Yang Berhormat Balik Pulau kawan baik saya. Saya kacau dia, dia kacau saya.

Maksudnya apabila sudah tidak ada lagi kemahiran, sudah tidak ada lagi orang, sudah tidak ada langsung, barulah kita hendak buka, saya rasa itu lebih adil, lebih afdal untuk peguam-peguam tempatan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam kita yang *one-man show*, dengan izin, *two-man show*, dengan izin yang duduk di daerah, yang duduk di kawasan perkampungan, yang macam-macam ada di sana, bagaimana hendak mencari rezeki, Tuan Yang di-Pertua? Tidak akanlah mereka ini setakat kes-kes langgar, kes-kes insurans. Itu pun tidak menjamin mereka dapat sebab kadang-kadang seperti sahabat-sahabat saya sebut tadi, apabila anak-anak guam itu syarikat insurans yang besar, ia lebih suka kepada syarikat yang lebih ramai peguam.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Pengerang, sedikit.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Sekejap, sekejap. Saya cakap habis dahulu selepas itu boleh sambung.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Katakan contoh dalam bidang ini satu, dua, tiga anak guam, *partnership* dalam syarikat, Ali, Abu dan Ah Kaw ataupun Ali, Arumugam dan Ah Kaw, bagaimana hendak mencari rezeki berbanding dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau, sebagai contoh? Izinkan Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Yang Berhormat Pengerang sebenarnya patut boleh berkongsi pengalaman, saya *up* sedikitlah bukan. Yang Berhormat Pengerang pernah berpengalaman menjadi rakan kongsi antara firma guaman paling lama di Malaysia. Apakah sebenarnya masalah sehinggakan firma guaman itu perlu mendapat *joint venture* ataupun bantuan daripada peguam-peguam luar? Adakah firma guaman sebegitu pun, saya tidak menyebut nama ya, tidak mampu untuk menangani cabaran-cabaran globalisasi yang kononnya dihadapi oleh Malaysia? Ini kerana pada pandangan saya, firma guaman tersebut juga diwakili antara tokoh-tokoh peguam-peguam kanan Malaysia.

Jadi, pengalaman sendiri, adakah tidak cukup kepakaran kita ataupun isunya masalah lain? Ini kerana saya tahu ada kes-kes yang mana kita ambil kes firma guaman Malaysia tetapi secara *backdoor* nya kita minta bantuan firma guaman antarabangsa. Contohnya dalam kes-kes *power project*. Adakah sebegitu sifatnya ataupun kita sepatutnya buat secara seratus peratus kerana pengalaman Malaysia sudah saya rasa profesion guaman ini antara profesion yang tertua di dalam negara ini.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Memang jawapan – itu saya kata soalan Yang Berhormat Balik Pulau itu soalan yang memang hendak dijawab pun susah, sebab kadang-kadang anak guam ini pilihan dia macam-macam. Mungkin dia hendak yang macam Yang Berhormat Balik Pulau peguam dia

bukan, *handsome*, lebih kurang jambu. Saya tidak tahulah. Ada orang suka peguam yang macam ini. Terpulanglah. *Very subjective* sebab duit ini duit anak guam, hak dia. Dia hendak orang yang macam mana, peguam yang macam mana, itu hak dia.

Akan tetapi masalah sekarang ini ialah, saya hendak menekankan pada isu-isu yang perlu kita wujudkan dalam akta ini sebagai jaminan. Pertamanya mungkin dalam segi kawalan kualiti, *quality control* yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kelebihan seorang peguam dengan peguam yang lain macam mana hendak buat ukuran? Kemudian kita lihat pada harga, kawalan harga. Macam mana kita hendak bayar, ikut pada harga? Takkan dari England mahal dari Indonesia? Takkan dari US lebih mahal dari peguam Arab Saudi? Jadi bagaimana kita hendak buat ukuran?

Kemudian mungkin cadangan saya ialah apabila syarikat guaman besar ini masuk dalam negara kita, perlu ada prasyarat. Kita mesti letak seorang peguam kita menjadi rakan kongsi kepada syarikatnya. Kalau dia syarikat yang besar, antarabangsa di Amerika, dia masuk ke negara, dia menjadi *partnership* kepada negara kita, kita mesti wujudkan prasyarat, orang kita mesti menjadi *partnership* kepada syarikat dia di luar negara. Barulah itu nampak lebih adil supaya adanya *transformation of knowledge*, transformasi ilmu pengetahuan. Jaminan itu ada.

Kalau setakat ada jawatankuasa yang buat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ah, penatlah saya, Tuan Yang di-Pertua. Jawatankuasa ini kadang-kadang ikut hari, ikut angin, ikut macam-macam. Akan tetapi sekarang ini apabila kita percaya pada adanya undang-undang, kita hendak undang-undang itu mewujudkan syarat, kita wujudkan syarat dalam undang-undang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Mungkin dalam syarat jadual, *scheduling* dengan izin. Ini kerana jaminan di sini ialah jaminan kepada peguam-peguam.

Akhir sekali, saya tidak hendak cakap banyak itu bagi saya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bertanya Yang Berhormat Pengerang sedikit boleh?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Silakan. Ini pun – bukan peguam bukan? Lupa, lupa. Macam peguam tetapi bukan peguam. *[Disampuk]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya yang ringkas sebab saya hendak putar pun saya tidak pandai. *[Ketawa]* Saya hendak bertanya, bunyinya macam Yang Berhormat Pengerang tidak terlalu bersetuju tentang beberapa perkara yang dimasukkan terutama apabila, pada pandangan sayalah, nampaknya macam kita ini terpaksa buat kerana hendak *absorb* dengan izin, polisi liberalisasi kita. Dahulu kita buat liberalisasi subsektor kewangan, ada 27. Sekarang ini dalam bidang guaman ataupun perkhidmatan guaman pula. Nampak gayanya macam – pada pandangan saya, apa yang saya dengar Yang Berhormat Pengerang memberikan

gambaran bahawa belum lagi sampai masanya kita buka ataupun kita beri kebenaran subsektor berkenaan dengan perkhidmatan guaman ini untuk dimasuki atau diceburi oleh perkhidmatan asing. Itu nampak macam kebimbangan.

Kalau begitu, saya rasa lebih baik kita buat keputusan tidak membenarkan atau tidak bersetuju untuk bab ataupun perkara membuka pada servis atau perkhidmatan guaman yang bersifat merentasi sempadan antarabangsa ini untuk tujuan melindungi perkhidmatan yang ada kena-mengena dengan kepentingan tempatan kita terutamanya firma ataupun pengamal. Sudah tentu mutu serta kualiti dan juga barangkali *burden* ataupun kekangan kewangan yang perlu ditanggung oleh anak-anak guam yang memerlukan perkhidmatan teras sempadan. Mungkin kita boleh buat pendirian begitu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pengerang, betul atau tidak? Terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah minta izin bertanya sini, dia kata, "*You bangun bercakap*".

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [*Ketawa*] Ini siapa jawab ini?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak. Saya minta izin.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said [Pengerang]: Sekejap, sekejap. Kroni hendak cakap.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya minta izin saya hendak bercakap di sini. Dia kata, "*Kau bangunlah bertanya*". Dia suruh saya bangun. Jadi, untuk *record purpose*, dia kata.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berminat dengan cadangan Yang Berhormat Pengerang tadi, bagaimana untuk mengasosiasikan peguam tempatan bersama peguam-peguam besar dari luar ini, yang datang yang nanti akan lebih menampakkan bahawa ada mekanisme kawalan pada kegiatan-kegiatan peguam-peguam berjenama luar negara ini. Jadi Yang Berhormat, itu cadangan yang saya nampak mungkin boleh dilaksanakan, nampak ada *practicality* nya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, peguam tempatan ini pula perlu melalui prasyarat-prasyarat ataupun perlu melepasi sesuatu *prerequisite* supaya ia boleh bersama taraf dengan peguam antarabangsa ini. Takut nanti kalau dia bawa peguam tempatan yang tidak boleh menguasai bahasa Inggeris umpamanya, diletakkan di sana sebagai, kalau dalam konteks Malaysia ini dia kata sebagai rakan tidur, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh sekali?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apakah syarat minimum yang perlu dilalui oleh mereka? Silakan Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang. Pandangan saya pula Yang Berhormat Pengerang ialah, liberalisasi ini

dibuat atas beberapa konteks. Selain daripada memberi ruang kepada anak-anak guam mendapat pilihan, tetapi saya kira antara lain asas utama kenapa kerajaan mahu mengadakan rang undang-undang ini ialah untuk menarik minat pelabur-pelabur dari segi ekonominya, bukan sahaja daripada segi bidang profesion guaman itu sendiri, tetapi untuk menarik minat syarikat-syarikat besar, yang gergasi itu mungkin datang ke Malaysia sebagai salah satu insentif lain kepada mereka untuk datang ke Malaysia kerana mereka mungkin lebih selesa untuk berurusan dengan syarikat-syarikat guaman antarabangsa yang mempunyai jenama ini. Itu satu.

Keduanya ialah melihat pada hujah Yang Berhormat Pengerang tadi berkenaan dengan yuran tadi, *fee*, saya kira dalam apa jenis pasaran pun, ada pasaran itu ia tidak *mutually exclusive*. Maknanya untuk yang syarikat guaman yang jenama ini, mungkin bukan untuk semua orang. Ia mungkin untuk syarikat-syarikat gergasi yang ada urusan di dalam bidang ekonomi yang rumit seperti maritim, seperti *oil and gas*, seperti perbankan. Akan tetapi untuk kes-kes yang agak mudah, itu saya kira syarikat-syarikat besar ini mungkin tidak berminat dan ini mungkin masih lagi dalam domain syarikat-syarikat guaman tempatan, dan dalam masa itu kita boleh *catch up*. Akan tetapi saya kira kalau tidak masalah. Pada pandangan saya tidak menjadi satu masalah kalau ada *fee* yang berbeza kerana pada saya itu mengikut pasaran. Terima kasih.

■1500

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih sahabat saya daripada Kota Belud. Sebenarnya Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Tangga Batu dan juga Yang Berhormat Indera Mahkota, sebenarnya memang isunya ialah tidak ada bantahan ataupun tidak adanya persetujuan. Akan tetapi hanya hendak mengingatkan kuasa-kuasa yang hendak melaksanakan perkara ini supaya adanya suatu *balance* dengan izin, timbang. *Balance* ini seperti saya sebut tadi itu lebih dalam bidang kawalan kepada kualiti, kawalan kepada harga, mungkin cadangan menukar adanya *partnership* dalam negara dan luar negara. Dia *partnership* syarikat besar kita, kita *partnership* syarikat besar dia.

Ini semua adalah untuk menentu dan menjamin supaya peguam-peguam tempatan kita masih mempunyai tempat dalam bidang profesion guaman. Oleh sebab kita tidak mahu dalam cabaran demi cabaran dan dunia masih dalam proses perubahan, seperti yang saya sebutkan tadi di mana Yang Berhormat mungkin tidak begitu dengar saya dengarkan lagi berkenaan dengan isu-isu sekarang, syarat utamanya ialah bila sudah tidak ada orang lagi yang boleh mengendalikan kepakaran itu bukalah kepakaran kepada orang luar. Oleh sebab kalau kita memberikan keutamaan kepada orang tempatan, secara tidak langsung menunjukkan bahawa kita selaku kerajaan khasnya memang begitu prihatin kepada isu-isu profesion, profesional, khasnya dalam profesion guaman.

Itu sebabnya saya hendak mengakhiri bahas saya ini dalam rang undang-undang ini berkenaan dengan pendekatan yang dilaksanakan oleh *Bar Council* baru-baru ini, memang kita terima sebagai satu badan yang mewakili peguam-peguam. Perlulah badan ini mewakili semua suara dalam bidang profesion. Semua suara sama ada dalam negara, ibu negara kah, luar dan sebagainya mesti mewakili supaya suara-suara semua ini di dengari. Akan tetapi apa yang berlaku, suka tidak suka dalam pembukaan ini kemungkinan adakah kita mewujudkan satu bentuk kawal selia yang agak berbeza kepada peguam-peguam luar, di mana mereka tidak termasuk dalam bidang kuasa kawalan *Bar Council* sebagai contoh.

Jadi, ini mungkin perubahan yang kita akan tengok dan sedang berlaku. Akan tetapi kalau kita tengok secara umum bila orang mahu berniaga dalam bidang guaman mungkin isunya ialah untuk memperkasakan undang-undang guaman tersebut ataupun hanya melihat guaman ini satu bidang industri perniagaan untuk mengayakan dengan kehebatan melihat undang-undang itu dalam aspek kepakaran. Itu sebabnya bila mana-mana badan-badan yang mengawal selia sebagai contohnya yang berlaku seperti *Bar Council* hari ini yang tiba-tiba bercakap dalam suara politik sudah tentu secara tidak langsung akan meragu-ragukan anak-anak guam. Oleh sebab kadang-kadang anak-anak guam dia melantik peguam itu sebab dia hendak peguam itu dapat membawakan mereka kepada kejayaan dalam kes-kes mereka. Akan tetapi kalaulah dikaburi dengan isu-isu perjuangan peribadi dalam mana-mana badan untuk kawal selia, perkara inilah yang akan menjahanamkan profesion tersebut.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sesuatu yang memang begitu baik meletakkan Malaysia kepada taraf antarabangsa, mewujudkan *player* dalam bidang global, seperti yang saya sebut. Akan tetapi yang lebih penting kita mesti meletakkan jaminan, kawalan supaya yang menjadi – mereka yang lebih bermanfaat adalah rakyat Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu duit kita pergi keluar negara selalu. Kalau boleh biarlah dia buat di sini pun, dia duduklah di sini, dia berniaga di sini, dia kahwinlah dengan orang sini, terpulanglah, dengan syarat biarlah orang kita yang manfaat daripada perubahan yang hendak diwujudkan ini. Dengan itu saya mewakili rakyat Pengerang dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.04 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih..

Tuan Yang di-Pertua: Dalam *list*, saya nampak dua wakil PKR sudah cakap. DAP sama PAS belum. Itu saya panggil Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba untuk adil ataupun kadang-kadang dilihat tidak adil. Tidak apalah, saya sendiri tanggung. Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang meminda Akta Profesion Undang-undang. Walaupun Akta Profesion Undang-undang ini tidak akan terpakai di Sabah dan Sarawak tetapi memandangkan ada cadangan daripada sesetengah Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, saya berasa terpanggil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya ingin merujuk khususnya kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu bahawa untuk membukakan pengamalan undang-undang Sabah dan Sarawak kepada pengamal-pengamal undang-undang dari Semenanjung Malaysia. Sebagai seorang pengamal undang-undang juga dan sebagai wakil rakyat daripada Sarawak, saya ingin menegaskan bahawa profesion undang-undang di Sarawak tidak mahu membukakan pengamalan undang-undang di Sarawak kepada Semenanjung Malaysia.

Ini adalah satu hak keistimewaan yang telah kita janji dan telah kita setuju pada masa pembentukan Malaysia. Ini ada tertakluk dalam perjanjian Malaysia di mana satu keistimewaan diberi kepada profesion undang-undang di Sarawak dan Sabah. Saya ingin rakan-rakan saya dari Sabah juga setuju kepada apa saya ulas di sini bahawa *legal profession* di Sabah dan Sarawak tidak ingin membukakan itu *legal profession* Sabah dan Sarawak kepada *legal profession* dari Semenanjung Malaysia ini. Kita juga tidak ingin bahawa *Legal Profession Act* ini dilanjutkan kepada Sabah dan Sarawak. Dengan ini saya ingin menegaskan itu *position of the legal profession* di Sabah dan Sarawak dalam Dewan ini supaya tidak ada apa-apa keraguan akibat daripada cadangan daripada Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Yang di-Pertua, ini keistimewaan yang kita menikmati sejak pembentukan Malaysia ini kita harus – *want to preserve it*. Akan tetapi nampaknya ada sesetengah sektor yang telah mencuba untuk mencabuli keistimewaan ini melalui cara yang tidak langsung. Ini yang amat membimbangkan saya. Saya ingin membangkitkan satu contoh di mana keistimewaan ini telah dicabuli oleh pengamal undang-undang di Semenanjung Malaysia sini. *Credit card cases* di mana defendannya di Sarawak, bank yang menjemput defendan itu, *customer* mereka juga ada cawangan di Sarawak. Selepas itu *customer* nya tidak berupaya membayar. Bank-bank yang terlibat ini, mereka memulakan kes di Kuala Lumpur walaupun transaksi-transaksi semua mengenai kes-kes *credit card* ataupun *loan* ini adalah di *transact* kan di Sarawak.

Dalam satu kes ini – oleh kerana kes itu dimulakan di Kuala Lumpur, defendan sudah miskin, tidak dapat mempertahankan kesnya, tidak ada upaya untuk datang ke Kuala Lumpur mengupah seorang peguam di Kuala Lumpur untuk *fight*, mempertahankan kesnya. Adakah ini satu cara supaya itu keistimewaan profesion untuk rang undang-undang ini telah dicabuli. Bukankah ini adalah tidak adil untuk orang-orang Sarawak dan Sabah?

Saya boleh beri satu contoh kes di mana satu keadilan telah dilakukan. Dalam kes satu kes OCBC Bank, dia dakwa defendannya. Dia menuntut RM40,000 hutang *visa credit card* padahal dalam 2011, defendan itu telah *confirm* dengan bank, hutangnya hanya RM19,000. Akan tetapi dalam kes tuntutan ini, kes samannya yang difailkan di Kuala Lumpur, bank ini menuntut RM45,000. Defendan ini hendak pergi ke *court* untuk menunjukkan *bank statement* yang menunjukkan bahawa hanya RM19,000 hutangnya tetapi dia tidak ada duit untuk bayar tambang pergi ke Kuala Lumpur. Apa boleh buat? Dalam hal ini saya tulis kepada Bank Negara. Akhirnya, OCBC Bank mereka mengaku salah, "*Oh, ini typo error.*"

Kita bukan..., hutangnya bukan RM45,000 yang dituntut dalam kes saman ini tetapi adalah RM19,000. Ini menunjukkan ada satu trend di mana korporat-korporat besar yang *headquarter* HQnya di Kuala Lumpur khususnya bank-bank mereka *headquarter*, ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Walaupun *customer* mereka adalah di Sarawak, walaupun akaun mereka di buka di Sarawak, di Sabah tetapi kalau ada kes, mereka failkan di Kuala Lumpur supaya adalah lebih susah untuk defendan-defendan ini untuk *fight the case in court*, supaya *judgment in before* dapat diambil dan supaya orang itu tidak ada *chance*.

Dari segi profesion undang-undang juga, ini telah secara tidak langsung mencabuli keistimewaan yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Oleh itu, saya haraplah kerajaan, kita ada Perlembagaan, kita ada undang-undang tetapi saya haraplah Bank Negara boleh memberi perhatian atas perkara tersebut di mana peguam-peguam di Sarawak dan Sabah tidak dianaktirikan oleh bank-bank di negara kita... *[Disampuk]* Apa "Ha,ha!" sana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching betulkah itu cakap, betul?... *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang betul. Ada beberapa kes sudah. Putuslah itu aras pemikiran saya.

Seorang Ahli: Gulung-gulung.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya akan gulunglah.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hah?... Oh, minta penjelasan, okey.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai hak-hak profesional undang-undang adalah satu autonomi kepada Sabah dan Sarawak. Baru-baru ini kita dengar *comment-comment* daripada Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah menyatakan 20 Perkara - perjanjian itu tidak akan *valid* atau sudah dihapuskan kerana semua 20 Perkara, ada separuh 20 Perkara sudah masuk ke Perlembagaan Persekutuan. Saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Bandar Kuching atau kementerian, bagaimana kita boleh mempertahankan hak-hak ini tentang itu 20 perkara, dan kita ingin tahu ini ada masih *valid*kah tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya fikir ini hanya pendapat Speaker di Sabah sanalah. Ini memang menunjukkan satu *ignorance of the law on this part*. Dari pendapat saya, memang apa yang telah dijanjikan semasa pembentukan Malaysia ini masih berkuat kuasa dan ini apa yang *like* keistimewaan yang diberi kepada Sabah, Sarawak. Ini serupa dengan keistimewaan yang diberi kepada bumiputera dan *non-bumiputera*. Ini kalau kita hendak tadi Yang Berhormat Tangga Batu ada cadangan untuk membatalkan keistimewaan yang diberi kepada Sarawak. Kenapa ada perbezaan? Bolehkah itu kalau keistimewaan itu yang diberi kepada Sarawak akan dibatalkan? Bukankah tidakkan semua keistimewaan akan dibatalkan? Saya haraplah kalau ada apa-apa cadangan untuk menghapuskan, *abolish* keistimewaan yang diberi kepada Sarawak, biarlah dia datang daripada orang-orang Sarawak dan bukan orang-orang yang bukan Sarawak atau Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Batang Sadong.

3.17 ptg.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Akta Profesion Undang-Undang ini. Terlebih dahulu saya tadi Yang Berhormat bandar Kuching baru menyentuh mengenai *extending*, dengan izin, akta ini ke Sabah, Sarawak. Saya sebenarnya tadi saya hendak bercakap juga, nak berbahas tetapi tidak sempat. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching sebab saya rasa adalah tidak sesuai untuk kami membahasnya untuk mengatakan hasrat hati keseluruhan rakan kita pengamal undang-undang di Sabah khususnya di negeri Sarawak.

Jadi, saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi bertepatan sekali kerana itu membayangkan hasrat hati mereka dari Sarawak kerana beliau adalah pengamal undang-undang di negeri Sarawak. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di sini apabila saya mengkaji melihat rang undang-undang ini, saya dapat membayangkan usaha sama di antara Majlis Peguam dan juga Peguam Negara dalam menghasilkan Rang Undang-Undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) ini. Saya melihat rang undang-undang ini sebagai satu usaha murni di pihak kerajaan dalam meliberalisasikan sektor perkhidmatan guaman. Kita dapat melihat kerjasama ini yang berhasrat untuk melindungi pengamal undang-undang *local*.

Sebenarnya, pagi tadi pun Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga menyentuh mengenai perkara ini. Saya mengharapkan agar Yang Berhormat Menteri memberi sedikit latar belakang mengenai macam mana rang undang-undang ini dapat dihasilkan kerana ia memberi perspektif yang positif di mana selalu kita dengar di dalam Dewan yang mulia ini kita mendengar banyak *comment-comment* kritikan diberi terhadap Peguam Negara. Akan tetapi apa yang kita tidak ketahui adalah usaha sama seperti ini wujud di antara Majlis Guaman dan juga Peguam Negara yang menunjukkan mereka ada mempunyai persefahaman dan juga

mahu bekerjasama untuk membantu dan melindungi pengamal guaman di negara kita di Malaysia ini.

Jelas sekali kalau kita perhatikan di bawah seksyen 40E(6), di mana Majlis Peguam diberi penghormatan serta diperkasakan untuk memainkan peranan yang begitu penting sekali menjadi urus setia bagi jawatankuasa pemilihan. Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan Ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia sudah mengetahui dan diberi bayangan oleh wakil mereka yang berbincang dengan Peguam Negara sebelum rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

■ 1520

Merujuk kepada seksyen 40F(1), firma guaman asing dan firma guaman Malaysia boleh memohon secara bersama kepada Majlis Peguam untuk suatu lesen perkongsian antarabangsa jika memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang Majlis Peguam fikirkan patut dikenakan dalam mana-mana hal tertentu. Dalam hal ini, kalau dilihat dari perspektif positif, ia memberi peluang kepada kedua-dua pihak ini untuk mencantumkan pemikiran profesional mereka bagi memastikan rang undang-undang ini diluluskan nanti ada akan menjadi satu akta yang begitu efektif sekali bagi membantu dan melindungi perkhidmatan sektor guaman.

Sebagai menyokong rakan-rakan pengamal undang-undang, saya juga mahu memastikan agar peguam tempatan mendapat perlindungan serta mendapat keutamaan terlebih dahulu sebelum menggunakan khidmat guaman dari luar negara. Soalan-soalan saya kepada menteri ialah adakah Jawatankuasa Pemilihan ini akan mengehadkan penggunaan firma guaman hanya untuk kes-kes tertentu sahaja? Saya percaya kehadiran firma guaman dari luar negara boleh membawa saingan yang positif kepada firma guaman tempatan. Kita memang berbangga dengan kehadiran firma guaman dari luar ke negara kita supaya peguam tempatan boleh mendapat pendedahan diri dengan cara peguam dari luar negara mengendalikan kes mereka.

Pindaan ini memang sudah tepat masanya untuk dibawa ke negara kita supaya kerajaan dan juga Majlis Peguam boleh menghasilkan terma dan syarat-syarat seperti fi yang dikenakan dan juga pergerakan mereka di dalam negara dapat dikawalkan. Di sini Majlis Peguam diberi peluang untuk memikirkan yang terbaik untuk peguam tempatan. Cuma ingin saya hendak nyatakan di sini kita perlu menghormati satu sama lain. Kalau kita lihat perbahasan semalam dan pagi tadi juga menyentuh mengenai Bersih. Saya rasa walaupun mungkin Majlis Peguam memang mempunyai niat yang baik dikatakan untuk melihat, menjadi pemerhati dalam masa Bersih. Bagi saya Bersih itu sepatutnya tidak ada wujud sebelum itu kerana mengenai proses pilihan raya yang telah kita bincangkan sudah dibawa bersama Jawatankuasa dari pihak sana dan pihak sini.

Mereka seharusnya sudah memahami keadaan yang sebenarnya. Jadi lepas itu pun kita adakan perbincangan juga dengan pihak SPR perbincangan secara lanjut lagi. Jadi saya

rasa isu Bersih itu sepatutnya tidak wujud lagi. Jadi sebab itu, kita tidak mahu apabila berlakunya perkara seperti ini kita hanya memihak kepada satu pihak sahaja. Kita tidak melihat kepada pihak yang lain. Bukan kerana kita di sini hendak cuba mengatakan pihak yang satu itu yang salah, pihak yang sini betul sebab masing-masing mempunyai peranan masing-masing. Jadi kalau adalah Majlis Guaman dan juga pihak kerajaan di sini dapat duduk bersama-sama dan sudah pun diusahakan perbincangan ini dan tidak perlu kita pergi berdemonstrasi untuk melakukan ini.

Jadi ia membawa kepada perkara yang boleh membawa padah sehingga tidak ada orang mengenali siapa sama ada ahli dari Majlis Guaman itu datang hanya untuk memerhati atau untuk membuat apa. Jadi ini kalau boleh – kalau ianya tidak berlaku Tuan Yang di-Pertua ianya boleh menjadi – kita mempunyai ruang untuk berbincang, untuk memastikan agar kita boleh duduk sama-sama seperti mana berhasi rang undang-undang ini dapat dihasilkan. Ini menunjukkan Majlis Guaman dan juga Peguam Negara mempunyai satu kata hati di mana mempunyai satu haluan untuk memastikan sektor perkhidmatan guaman di negara kita ini diberi peluang dan diperkasakan.

Maka dengan itu kita tahu bahawa kerajaan kita mempunyai harapan yang begitu tinggi terhadap Majlis Guaman kita di negara kita supaya mereka dapat mencari jalan untuk memperkasakan diri mereka untuk memikir cara yang terbaik bagi melindungi rakan-rakan pengamal undang-undang di dalam negara kita ini. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dengan adanya kelulusan rang undang-undang ini nanti terma-terma dan juga syarat-syaratnya diperhalusi bagi memastikan semuanya adalah memihak kepada rakan-rakan pengamal kita supaya tidak memberi ruang yang lebih utama kepada pihak dari negara luar. Ini kerana biasanya Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita perhatikan kita sering kali memberi pujian kata-kata pujian kepada yang dari luar tanpa melihat aset dalam negara kita sendiri.

Jadi ini yang kita harapkan melalui rang undang-undang ini, perhalusilah terma dan syarat-syarat mereka nanti. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Telok Intan.

3.25 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini dalam membentangkan rang undang-undang ini oleh pihak kerajaan. Pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai kekeliruan yang ketara semalam saya nampak mengenai apakah peranan *Bar* dan *Bar Council* di negara kita. Untuk makluman semua rakan-rakan di sini, *Bar Council* itu adalah badan seperti satu Jawatankuasa yang mempunyai 36 orang ahlinya. Seramai 36 orang ahli ini dipilih oleh ahli-ahli *Malaysian Bar* yang mempunyai lebih kurang pada masa ini lebih 15,000 orang ahlinya.

Jadi setelah memilih 36 orang untuk Jawatankuasa ini, di antara 36 orang itu mereka pilih...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Di antara mereka siapakah yang akan jadi presiden, chairman atau setiausaha dan seterusnya.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, ingin bertanya sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Dalam pemilihan Jawatankuasa *Bar Council* ini dalam Mesyuarat Agung yang diadakan, berapa orangkah biasanya hadir daripada 15,000 orang ini sebagai ahli tersebut. Supaya kita hendak melihat adakah Jawatankuasa ini merupakan mendapat mandat secara majoriti daripada ahli-ahli *Bar Council*. Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih. Berapa orang yang hadir memanglah 15,000 itu tidak hadir. Akan tetapi kesemua 15,000 itu diberi notis. Itu yang lebih penting. Kalau mereka pilih untuk tidak hadir itu terpulang kepada mereka. Tiada sesiapa ahli boleh dilarang dari hadir. Jadi *Bar Council* tidak boleh disalahkan jika ahli-ahlinya sendiri tidak mahu hadir tetapi dia ada dia punya kuorum dan dia berpandukan kepada kuorum itu. Seterusnya, jadi kita tidak boleh salahkan keseluruhan Ahli-ahli *Malaysian Bar* jika *Bar Council* buat sesuatu perkara salah atau tidak salah itu lain. Jadi saya sendiri kadang-kadang tidak setuju dengan pendirian *Bar Council*.

Kadang-kadang kita setuju tetapi kita kena faham kewajipan dan tanggungjawab *statutory Bar Council* itu di bawah Akta Profesion Undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Jadi kadang-kadang mereka seperti saya boleh bacakan di sini jikalau Tuan Yang di-Pertua mengizinkan. Sejauh manakah tanggungjawab Majlis Peguam ini jika kita baca seksyen 42(1)(a) dengan izin;

“Object and powers of the bar. The purpose of the Malaysian Bar shall

be;

(a) to uphold justice the cause of justice without regard to its own interests or that of its members, uninfluenced by fear or favor;

Jadi kadang-kadang keputusan mereka untuk membuat sesuatu termasuk mengeluarkan kenyataan akhbar dan baru-baru ini di dalam kes Bersih mereka membuat laporan mereka *not regarding their own interest. Totally disregarding to their own interest* di mana kita nampak banyak pihak-pihak khususnya di sebelah sana oleh sebab laporan Majlis Peguam itu tidak baik untuk sebelah sana, dia serang dan dikutuk.

Jadi, saya rasa biar *Bar Council* buat kerja mereka. Apa yang mereka buat, kalau tidak mengikut undang-undang atau LPA, mereka pun boleh dibawa ke mahkamah, di mana ada seorang peguam bawa *Bar Council* ke mahkamah, itu hak dia. Saya sokong itu. Biar hakim di mahkamah tentukan siapa betul, siapa salah.

Seterusnya, saya ingin mengatakan, saya tengok rakan-rakan saya di sebelah sana selalu mengatakan ini Bersih tidak perlu membawa banyak padah dan sebagainya. Akan tetapi untuk saya, dengan izin, *the root cause* mengapa Bersih mengadakan *rally* seperti itu yang telah mengakhiri dengan apa yang berlaku. Kita tidak mahu apa yang berlaku itu.

Memang semua orang tidak mahu tetapi ia telah berlaku. *The root cause of it*, dengan izin, adalah *electoral list* yang tidak bersih. Itu masalahnya. Macam saya tengok di kawasan-kawasan ada sehingga 35% pengundi-pengundi baru. Pada kebiasaannya 5% hingga 10% adalah biasa kenaikan pengundi-pengundi tambahan. Sampai 35%, 40%, *something is wrong*, dengan izin. Itu yang kita mahu katakan bersih.

Saya tidak setuju dengan kawan-kawan saya yang mengutuk Datuk Ambiga. Apa yang beliau buat? Apakah tuntutan Bersih dan Datuk Ambiga sehingga orang pergi ke depan rumah Datuk Ambiga dan tunjuk punggung mereka, bagi dia 'burger daging'. Saya hendak tanya sebagai seorang bukan Melayu, saya hendak tanya, adakah ini budaya Melayu? Kesemua orang yang pergi ke hadapan rumah Datuk Ambiga adalah Melayu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Apakah budaya ini? Saya tidak faham. Saya tanya saya punya kawan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya Melayu, Yang Berhormat Telok Intan boleh?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ya, sekejap Yang Berhormat Sri Gading, sekejap saya habiskan. *I will give*. Saya tanya kawan-kawan saya, apa ini? *What is this? Is this our culture?* Bukan Melayu pun Malaysia. Ini bukan *culture* kita, pergi ke rumah peribadi seorang, lagipun seorang wanita. Panggil kononnya veteran askar.

Saya tanya kerabat di Telok Intan, dia kata tidak ada, ini bukan kita punya *culture*. Sungguh memalukan dia kata. Jadi, saya tidak setuju. Silakan Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sahabat saya, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Kita sama-sama Ahli Parlimen. Kita sudah luluskan di Parlimen ini bahawa perhimpunan secara aman dibenarkan. Kerajaan tidak pernah menggalak, sama-sama kita bahaskanlah. Kita bersetuju.

Apa yang orang marah Ambiga ini, sudah diberitahu pergilah ke stadium, sudah dibenarkan, yang hendak tunjuk perasaan, hendak tunjukkan satu bentuk seolah-olah boleh melanggar undang-undang ini kenapa? Ini yang kita dukacita. Memanglah bukan budaya

Melayu tengok punggung, tunjuk punggung ini bukanlah budaya Melayu tetapi inilah agaknya salah satu cara memprotes tindakan Ambiga.

Perkara-perkara seperti itu akan berlakulah apabila kita buat sesuatu yang menyakiti hati orang, orang cuba membuat sesuatu menyakiti hati kita. Kalau semua memegang undang-undang, kita hormati undang-undang tidak ada masalah. Ya lah *Bar Council* pun memenangkan Bersih. Soal senarai 40 lebih ribu yang kotor itu bukanlah jadi satu masalah kita hendak menunjukkan perasaan, hendak tunjukkan kita punya tingkah laku yang biadab di depan bandar raya kita. Ini semua menjemput perasaan-perasaan yang bertentangan dengan apa yang kita mahu.

Jadi inilah, sebab itu kadang-kadang orang pun kutuk Majlis Peguam kerana memenangkan, kerana secara tidak langsung bersuara menyalak untuk parti pembangkang. Jadi, kita hormati peguam. Profesion peguam ini dihormati. Salah satu yang memang jadi cita-cita anak-anak yang belajar hendak jadi peguam, jurutera, doktor. Akan tetapi oleh sebab tindakan kita ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Akan tetapi Yang Berhormat Sri Gading saya kurang faham apa yang dikatakan sebab, katakanlah Datuk Ambiga ini sudah salah dari sisi undang-undang, menyakitkan perasaan orang lain. Katakanlah dia salah. *Lets say*, dengan izin, *she is wrong*. Adakah ia berpatutan untuk pergi ke rumah peribadi, duduk depan rumah dia, dia dengan anak-anak dia di dalam rumah, tunjuk punggung macam-macam telatah dia buat. Adakah itu *fair*? Itu soalan saya, dengan izin.

Kalau dia salah, hadapkan dia ke mahkamah. Kita ada undang-undang, kita ada hakim. Kalau salah, tidak salah, biar hakim menentukan. Siapa ini veteran *army* pergi ke rumah dia? Kalau penyokong Bersih pun buat begitu macam mana? Ada orang hendak jual tose di hadapan rumah *Deputy IGP*, saya tidak setuju. Mereka ada *call* saya, saya tidak setuju. Saya kata, *don't do the same wrong as they are doing*, dengan izin. Jadi, katakan Datuk Ambiga itu salah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Adakah itu patut tunjuk punggung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan, yang kita hendak perjuangkan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Adakah Yang Berhormat Sri Gading setuju apa yang dibuat oleh mereka? Itu soalan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan, tidak ada orang yang bersetuju kalau kita langgar undang-undang. Tidak ada sebab kita hendak menyokong orang yang melanggar undang-undang. Kita Ahli Parlimen, menghormati undang-undang, kita buat undang-undang di sini dan harus kita terima.

Akan tetapi Ambiga sebagai orang yang memang ada pengalaman jadi Pengerusi *Bar Council*, kenapa dengan sengaja melanggar undang-undang. Ini yang menyakitkan hati orang dan sebab itu orang cuba sakitkan hati dia balik. Itu sebabnya kalau kita pukul orang, orang akan pukul kita balik. Ini hukum dunialah Yang Berhormat Telok Intan. Bukan kita kata orang itu bersetuju dengan orang yang langgar undang-undang.

Akan tetapi Ambiga, yang faham tentang undang-undang, kenapa dia langgar? Sengaja hendak tunjuk kuat. *So*, kalau *you* tunjuk kuat, apa sebab orang lain tidak boleh tunjuk kuat. Kalau *you* tunjuk kurang ajar, kenapa orang lain tidak boleh sepuluh kali kurang ajar. Ini anak jantan yang pantang dicabar. Sebab itu kita hormati undang-undang dan kita tidak mahu langgar undang-undang. Jadi, kalau sama menghormati undang-undang, tidak berlaku peristiwa Bersih 1, 2, 3, apa?

Tunjuk undang-undang di jalan? Undang-undang di sinilah. Kita berbahas di sini. Saya anggota Kerajaan Barisan Nasional, bukan semua yang saya bisa sokong. Yang patut saya sokong, saya sokong. Yang patut saya tentang, saya tentang. Itu prinsip saya. Jadi, yang penting kita hormati undang-undang.

Akan tetapi kalau tidak ada orang hendak hormati undang-undang, okey *you* langgar undang-undang tapi orang semua diam. Apa undang-undang boleh membenarkan *you* langgar undang-undang. Orang 'A' boleh langgar undang-undang, 'B' tidak boleh? *Come on man. [Dewan riuh]* Yang Berhormat Telok Intan. Saya dengan Yang Berhormat Telok Intan, Tuan Yang di-Pertua, sama-sama pergi Beijing. Seorang yang baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya cuma ingin ingatkan bahawa rang undang-undang yang kita bahas ini, rang undang-undang *legal provision*. Jadi, jangan terlampau melencong jauh.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akan tetapi atas panduan Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang *Legal Profession Act*, Majlis Peguam telah mengeluarkan satu laporan tentang Bersih. *So, it touches. I'm sorry to be of different opinion*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *I know, I allow you on a certain point of, but...*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Thank you, I'm much obliged.*

Tuan Yang di-Pertua: ...Ingat, nanti menjemput lagi lain hal.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak ada hal. Kita boleh kawal. *We are civilize*, saya sanjungi apa yang input oleh Yang Berhormat Sri Gading. *We discuss in a civilize matter* tetapi saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading. Orang pukul kita, kita pukul balik. Tidak setuju. Kita ada undang-undang yang sedia ada. Tadi Yang Berhormat Sri Gading menggunakan perkataan jantan. Itu yang jantan pergi ke rumah perempuan buat macam itu, itu jantankah itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kalau berani pergi ke rumah jantan, jangan pergi ke rumah perempuan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Telok Intan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Telok Intan mungkin kalau kita pukul Yang Berhormat Telok Intan, Yang Berhormat Telok Intan tidak akan balas.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Come to a man's house.* Kalau *you* betul-betul jantan, itu perempuan, *she's a nice lady. She's a woman.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Sri Gading pun begitu Tuan Yang di-Pertua, kalau pukul Yang Berhormat Sri Gading, kita pun tidak balas, tidak mesti balas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jangan gunakan perkataan 'jantan'.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi orang lain, Yang Berhormat Telok Intan kalau dipukul, dia tidak hendak balas kerana budiman dia. Yang Berhormat Sri Gading pun kalau dipukul mungkin dia pun sabar. Akan tetapi orang lain. Saya bercakap tentang orang lain. Ini sebab jangan kita langgar undang-undang. Kita tidak boleh benarkan sesiapa pun langgar undang-undang. Ini masalah kita.

Kalau semua orang patuh undang-undang Tuan Yang di-Pertua, alangkah bahagianya rakyat Malaysia, hidup dalam negara yang begini hebat, baik Tuan Yang di-Pertua.

■1540

Syukurilah nikmat Allah Tuan Yang di-Pertua. Cukupilah apa yang diberi oleh Allah. Ini kalau jadi pegangan kita tetapi kita tidak berpegang begitu. Ini yang menjadi masalah lepas itu kita menyalahkan orang lain walhal kita dahulu membuat salah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Cuma apa yang saya minta Tuan Yang di-Pertua macam dan berdebat di sini apabila keluar dari Dewan ini habis. Jangan datang rumah saya buat apa-apa. Jangan pergi ke rumah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng buat apa-apa sampai upacara kematian dibuat. Itu apa punya *culture?* Kita di Pakatan Rakyat tidak pernah buat macam itu pergi ke rumah orang. *[Dewan riuh]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kalau kita ikut sistem yang dikatakan tadi *you* pukul saya, saya pukul *you* huru-haralah. Tidak perlu polis, tidak perlu hakim, tidak perlu mahkamah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya boleh pergi ke rumah seorang perogol, bantah di rumah dia. Dia ada keluarga. Keluarga dia tidak boleh disalahkan. Itu yang penting Yang Berhormat Sri Gading. Saya rasa kita boleh bersimpati dengan cadangan satu sama lain

Yang Berhormat Sri Gading. Saya sangat hormati Yang Berhormat Sri Gading seorang senior tetapi *no tip for tap*. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Telok Intan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya berdiri dahulu Yang Berhormat Telok Intan. Kota Belud dahulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak apa, saya dapat dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Intan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Ketawa] He's brighter than me.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak apalah, akan dapat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Intan dan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya nampak dalam komen yang terbaru dibuat oleh Yang Berhormat Telok Intan itu yang tidak difahami oleh Yang Berhormat Sri Gading iaitu saya terima ada orang yang tidak setuju dengan apa yang dibuat oleh Bersih. Itu hak mereka. Itu bukan masalah. Isunya ialah apakah sebahagian daripada golongan ini buat tindakan mereka yang bersifat macam *racist* pun ada, saya akan sebut itu, bersifat agresif, bersifat menghina dan sebagainya. Ini fakta. *So*, satu contoh kita tahu mereka buat gerai di hadapan rumah Datuk Ambiga, mereka tahu ini adalah orang yang beragama Hindu tetapi mereka buat gerai dan jual burger daging lembu. *Interesting*. Niat dia apa? *[Dewan riuh]*

Dengar dahulu, dengar. Niat dia apa? Ini yang kita tidak mahu. Kalau dia tidak setuju dengan Bersih dia boleh buat protes dia pergi ke Dataran Merdeka kumpulkan 100 orang, 1,000 orang atau 10,000 orang pun buat bantahan kita tidak setuju dengan Bersih. Itu tidak ada masalah tetapi apa Yang Berhormat Sri Gading tidak faham sampai sekarang bila mereka pergi kepada rumah Datuk Ambiga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Buat tindakan menghina macam itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Nanti, biar saya habis. Lepas itu dia bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Subang, *you* tuduh saya tidak faham itu saya tidak boleh terima.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia bagi peluang kepada saya Yang Berhormat Sri Gading. Biar saya habis dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Bersih tidak hendak langgar undang-undang, apa masalah?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Sri Gading boleh jawab...

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: Yang Berhormat Sri Gading nanti saya bagi laluan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengar saya dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pembangkang Tuan Yang di-Pertua, pembangkang di Dewan ini hanya hendak menegakkan benang basah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Sri Gading jangan tunjuk kelakuan yang sama. Dengar saya dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa pun fikir dia betul. Orang lain salah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Walaupun dia salah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengar saya dahulu. Itu sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sikap pembangkang yang paling malang di Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Then* jawab lepas itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia hanya hendak menegakkan benang basah...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengar, faham dan jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Dia fikir orang lain salah, dia tetap betul walaupun dia salah. Ini masalah kita.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Sri Gading, *you are senior Parliamentarian. Behave like one.* Dengar dan jawab.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat sabar dahulu. Di bangunan baru ini doktor jauh sedikit. *[Ketawa]* Saya amat prihatin.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sabarlah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *I* akan bagi laluan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita tidak minta Yang Berhormat Sri Gading setuju dengan semua. *Just* dengar, faham dan lepas itu boleh jawab. Dia akan bagi ruang saya yakin. *So*, itu satu. Itu *point* saya. Mereka hendak bantah boleh. Fahaman Yang Berhormat Sri Gading oh, dia marah *so* dia boleh buat itu dan itu harus diterima. Tidak boleh. Mereka buat itu dan lepas itu tidak berhenti dengan itu. Buat tindakan tunjuk punggung lepas itu buat poster dengan nama Datuk Ambiga tukar kepada babi. Adakah kita mahu kata itu boleh diterima.

Di Melaka ada kejadian di mana Adun-adun UMNO, Sungai Rambai dan seorang lagi terlibat buang air kencing atas gambar Datuk Ambiga di hadapan orang ramai. Ini yang ditunjuk oleh pemimpin UMNO di Melaka. Adakah kita kata sekarang sebab Datuk Ambiga memimpin Bersih. Dia hanya pengerusi. Macam mana dengan pengerusi bersama Pak Samad Said. Orang tidak mahu buat apa-apakah? Ini yang saya maksudkan tindakan ini adalah ada motif yang kita harus kutuk di sini. *We have to criticize it, we have to say* ini tidak boleh diterima.

Kita tidak boleh nampak di sini menerima respons ini sebagai satu yang boleh dijustifikasikan. Ini *point* saya. *So*, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Ini barulah *gentlemen*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Intan yang bijaksana. Tadi saya mendengar hujah Yang Berhormat Subang. Saya kira Yang Berhormat Subang ini sejak setahun yang lepas ini yang terakhir ini *bearing* dia jauh sedikit. Orang hendak jual burger dikatakan itu adalah berbaur keagamaan. *I think you are stretching the truth a little bit to fast*. Itu satu. Yang keduanya ialah tadi dikatakan tentang orang yang berdemonstrasi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *It's like I come to the house of Muslim and I offer pork to him.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no, no I don't think it did go to that extend* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, *I don't think it went to that extend. It was just a burger. Forget about it* lah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dikatakan bahawa tidak boleh untuk berdemonstrasi di depan rumah Datuk Ambiga. Okey, *fair*. Saya dengar Yang Berhormat Subang kata tadi ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab, tidak betul. Saya hendak katakan macam mana pula kalau Pakatan Rakyat menyanjung anak muda di London yang menyergah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap. Yang 'boo' Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap. Itu pun satu penghinaan tetapi Pakatan Rakyat menyanjung budak tersebut. Dikatakan ini idola mereka, dikatakan ini caranya untuk mengajar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa bezanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke London untuk membuat satu ucapan di dalam satu program yang bukan politik yang mahu mengumpulkan rakyat dan pelajar-pelajar Malaysia di London secara berhemah tetapi disergah, di 'boo', dimaki, dihina oleh seorang pelajar dan semua Ahli Pembangkang mengatakan inilah idola kami. *What's the different?* Itu satu. Kemudian hendak kata..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Can you...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *That his floor, this is not my floor. Sorry.* Yang Berhormat Telok Intan punya *floor*.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Berhormat Subang mengatakan oh, dikatakan upacara kematian. Saya terlihat di dalam internet Tuan Yang di-Pertua apabila gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan gambar Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi diletakkan kalungan bunga seperti sudah arwah di dalam satu prosesi yang dibuat oleh orang yang menentang PTPTN. Ada tidak seorang pun di antara mereka ini yang bangun mengatakan ini tidak betul? Ini hipokrasi. Ini *double standard*. Sebab itu saya katakan benda-benda yang remeh ini tidak payahlah bawa di sini.

Yang ketiganya, satu sahaja *point* saya yang ketiga. Ini soal bakar, kencing gambar saya pun tidak setuju tetapi kalau kita melihat cara pembangkang meminta supaya kebebasan

untuk meluahkan pendapat dan pandangan itu kalau di Amerika Tuan Yang di-Pertua membakar bendera Amerika itu juga adalah satu hak yang diperjuangkan oleh mereka kerana itu adalah tanda mereka tidak bersetuju kepada satu-satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Membakar gambar Presiden Amerika malah mungkin kencing gambar Presiden Amerika itu adalah juga salah satu simbol kebebasan. Kalau Yang Berhormat mahukan kebebasan saya kira mungkin itu definisinya. *So, where is your limit? Di mana limitation kita? Hadnya?* Selama ini kita dengar kebebasan bersuara, kebebasan bersuara.

Jadi kalau ada orang kencing gambar Datuk Ambiga contohnya saya tidak bersetuju secara peribadi tetapi kalau dia berkata kepada Yang Berhormat "*ini hak saya untuk meluahkan perasaan saya. Saya bukan kencing kepada Datuk Ambiga tapi saya kencing gambar dia*". *So, where is the limit?* Ini yang kita katakan di peringkat kawan-kawan di dalam Barisan Nasional dalam demokrasi, dalam kita meluahkan pendapat dan sebagainya ada had-hadnya tapi *I think they are doing by your own standard*. Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Telok Intan, *move to a different point* fasal saya dengar ini Yang Berhormat Hulu Terengganu itu sudah berdiri. *So*, dia melencong agak jauh. Kalau tadi *Bar Council* disebut barangkali ada lagi relevan sedikit pasal ini Akta Profesion Undang-undang. Pasal soal yang itu tadi janganlah *because* bagi saya apabila saya buat analisis tidak ada siapa yang salah dalam Dewan ini.

■1550

Yang salah, kalau boleh dipersalahkan, sistem demokrasi itu, *because* demokrasi menggalakkan *different opinion*. Masalah kita di sini ialah apabila pendapat kawan berbeza dengan kita, kita marah dan kita melenting. Tidak apalah, demokrasi begitu, *accept it*, tetapi jangan melencong sangat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Telok Intan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab ketiga-tiga rakan Yang Berhormat dan alih ke topik yang lain.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara. Pertama, kita ini, orang ini, kita bukan sahaja ada akal, kita ada emosi, kita ada perasaan. Jadi sebab itulah kita memperingatkan kepada rakan-rakan jangan buat provokasi, jangan buat sesuatu yang tidak menyenangkan orang lain. Ini kerana apabila sampai satu peringkat, emosi akan mengatasi pemikiran. Kalau itulah yang berlaku, tunggulah keadaan huru-hara. Sebab itulah kita minta supaya semua pihak mematuhi peraturan dan undang-undang.

Yang kedua tentang *Bar Council*, tentang profesion perguaman. Saya pun kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya melihat, saya sebagai seorang guru ibarat lilin membakar dirinya untuk menerangi orang lain, tetapi rakan saya dari pihak guaman kadang-kadang

mendapat laba dan keuntungan dari kesusahan orang lain. Dia dah nampak jelas bahawa pihak yang melakukan kesalahan dan kesilapan tetapi pihak peguam masih lagi mencari dan berikhtiar menerusi fakta-fakta dan teknikal supaya orang yang terang sudah bersalah untuk dibebaskan oleh pihak hakim. Jadi inilah yang saya katakan bahawa kadang-kadang kalau kita hanya bersandarkan kepada guaman semata-mata, kadang-kadang kebenaran itu walaupun semua orang sudah tahu umpamanya kes yang berlaku kepada Datuk Sosilawati yang seolah-olah macam tergambar kita macam mana kejamnya orang yang membakar, tetapi masih ada lagi pihak *lawyer*, peguam yang sanggup membelanya kerana alasan semata-mata untuk mencari kebenaran walaupun kebenaran hakiki sudah berada di hadapan mata. Bagaimana pandangan sahabat saya?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menyesal bahawa ada Yang Berhormat di Dewan ini langsung tidak faham. Semalam tidak faham *Malaysian Bar, Bar Council*, hari ini tugas seorang peguam di mahkamah. Bukan tugas seorang peguam di mahkamah untuk membebaskan pesalah. Tugas peguam di mahkamah adalah untuk menentukan dan memastikan semua kaedah dan prosedur-prosedur di dalam undang-undang dipatuhi sebelum seseorang itu didapati bersalah atau tidak. Dengan izin, *let 10 guilty man go free, but a single innocent man cannot be found guilty*. Itu prinsip dia Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang. Saya setuju, ini ada elemen rasis dan juga gender. Bagaimana pula dengan Pak Samad? Dia pun *co-chairman* Bersih 3.0. Pak Samad menyesal sangat, dia kata, "*Saya tidak tahulah kenapa dia orang tidak datang rumah saya*". Kasihan dia. Sebab apa? Sebab Dato' Ambiga seorang wanita, itulah sebabnya, *very clear. She is a lady, so you can go and bully her*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Nanti Yang Berhormat juga kata kita serang orang tua, seorang seniman. *So where does it stop?*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *So you should not do it in the first place,*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no. I am just saying to you lah.* **Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *You should not do it in the first place,*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *There is nothing about gender lah, your wild imagination* Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ia adalah gender dan juga...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I think Dato' Ambiga is extremely disappointed* Yang Berhormat, *when you say that.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Menjawab Yang Berhormat Kota Belud, *booing* itu saya nafikanlah adalah perbuatan oleh Pakatan Rakyat. Itu dibuat oleh pelajar-pelajar di sana.

They are free to do that. But booing itu lain daripada buat butt dance, butt exercise in front of a lady house. You tidak dapat hendak bezakan kah?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Come on Yang Berhormat. That's 'hackling' as well. Butt dancing Yang Berhormat.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Ya, in front of a lady's house. Saya sudah tanya rakan-rakan saya di belah sini, kawan-kawan saya di Pakatan Rakyat, dia kata it is not good, it is not the right thing, it is not in our culture. Don't talk about Malay, Malaysian culture also no.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I don't liaise them.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Yang Berhormat Sri Gading dia orang baik, cuma dia di tempat yang salah. Dia sebenarnya baik. Jadi saya ingin teruskan.*

Macam Yang Berhormat Hulu Terengganu, all lawyers must follow this principle dengan izin. I may not agree with you, but I will defend to my death your right to say it. That is from Voltaire from France, if you do not know lah. I see Barisan side a lot of things they do not know.

Seterusnya dengan izin saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dari Sabah dengan isu *chambering*. Saya harap Majlis Peguam dan juga kerajaan mengambil kira jika ada seseorang yang bekerja lama di firma guaman sebagai *article clerk* atau *senior litigation clerk* atau *senior conveyancing clerk*, masa mereka bekerja itu diambil kira untuk *chambering* juga jikalau mereka berkecualan selepas ijazah undang-undang, sebab mereka ada pengalaman yang luas. Tidak perlu mereka menjalankan masa *chambering* selama sembilan bulan. Ini mungkin boleh diambil kira.

Mengenai peguam-peguam dari luar negara, saya masih ingat dahulunya bidang bola sepak, kita telah membenarkan pemain-pemain yang diimport dari negara-negara lain untuk tujuan dan harapan bahawa pemain-pemain tempatan kita akan meningkatkan taraf mereka dalam bidang bola sepak, tetapi saya sekarang rasa dan fikir itu telah gagal. Semua pemain import yang dibawa masuk ke negara kita memperkayakan diri sendiri tetapi prestasi bola sepak negara kita masih sama atau sudah turun standard kita. Jadi saya rasa pembawaan atau membenarkan peguam-peguam dari luar negara boleh tetapi mesti ada syarat-syaratnya. Kalau mereka didapati salah dalam amalan mereka, denda mereka. Kalau didenda, mereka tidak boleh diberi peluang lagi untuk kembali menjalankan amalan mereka di negara kita dibandingkan dengan rakyat Malaysia jika peguam itu didapati bersalah dan dia bayar denda, dia boleh meneruskan amalannya kecuali dia di *strike off from the registrar* dengan izin. Saya rasa itu adalah satu cadangan yang boleh diambil kira oleh kerajaan.

Mengenai kekeliruan di mana ada sesetengah rakan kita kata *Bar Council* itu harus disekatkan, saya rasa *Bar Council*, Majlis Peguam adalah sama seperti *Malaysia Medical Council*. Mereka *control* mengeluarkan sijil kepada ahli-ahli. Kita boleh adakan lain-lain organisasi sebagai *law society* dan sebagainya. Itu tidak salah. Saya galakan lebih pertubuhan atau NGO ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan atau faedah kepada ahli-ahlinya.

Akan tetapi untuk bawa satu lagi badan untuk *compete* dengan *Bar Council*, saya rasa itu salah di sisi undang-undang sebab kita ada di LPA Majlis Peguam dan *Malaysian Bar* yang sekian lama menjaga profesion ini. Kadang-kadang perbuatan beliau salah betul, itu kita kena terima. Macam dalam kes V.K. Lingam, apa *Bar Council* buat? Sehingga hari ini *Bar Council* tidak ambil tindakan. Saya tidak setuju dengan pendirian *Bar Council*. Walaupun RCI telah mengatakan V.K. Lingam itu terlibat dengan hakim-hakim dan nama-nama hakim pun disebut, tetapi *Bar Council* tidak ambil tindakan dan saya kutuk *Bar Council* kerana mereka tidak ambil tindakan. Jadi kita kena *fair*. Apa yang mereka buat *statutory* tidak menghindari kepentingan mereka sendiri, cukup. Saya sokong pendirian *Bar Council* dalam isu Bersih ini dan lebih-lebih lagi saya sokong Dato' Ambiga dan Pak Samad dalam isu Bersih ini.

■1600

Seterusnya, dahulunya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat semasa Perdana Menteri...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Eh! Yang Berhormat Putatan jangan putar belit, okey. Silakan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya telah mengikuti perbahasan Yang Berhormat Telok Intan dari tadi semenjak saya dengar, baik jugalah. Saya agak hairan sedikit, kenapa Yang Berhormat menyebelahi terlalu kepada *Bar Council* ini? Adakah Yang Berhormat ini juga saya percaya ahli daripada Majlis Peguam negara. Memanglah ada kepentingan beliau dari segi keahlian beliau dalam *Bar Council* ini. Itu saya tidak hairan. Akan tetapi kalau Majlis Peguam Negara ini, Yang Berhormat sendiri yang setuju bahawa boleh diketuk, kalau *Bar Council* ini membuat satu kesalahan dalam segi undang-undang, apakah Yang Berhormat yang mungkin kalau – saya belum pasti kalau ahli daripada *Bar Council* ini bersetuju untuk membuat sesuatu dalam pengurusan *Bar Council* itu sendiri. Oleh sebab apabila bermesyuarat Majlis itu mungkin Yang Berhormat juga hadir.

Jadi, adakah Yang Berhormat *influence* kan Majlis Peguam ini untuk berdemonstrasi, seolah-olah untuk sengaja melanggar undang-undang, membuat satu pendekatan yang boleh dilihat sebagai minta *attention* daripada pihak-pihak yang tertentu seperti mana yang berlaku pada 28 April dan Bersih 2.0 pada 28 Februari yang lalu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Seperti saya katakan tadi, saya tidak berpihak kepada *Bar Council*, Majlis Peguam. Kalau mereka salah, kita katakan salah. Kalau mereka betul, kita katakan betul. Dengan izin, *we call a spade a spade* Kalau Yang Berhormat Putatan, salah kita akan katakan salah. *As simple as that*. Walaupun saya adalah seorang ahli *Malaysian Bar* tetapi saya tidak melibatkan diri dalam

pengurusan *Malaysian Bar*. Akan tetapi saya akan kutuk. Kalau mereka salah, kita kutuk. Kita ada hak untuk kutuk mereka. Mengenai...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat belum jawab soalan saya tadi. Adakah perhimpunan Bersih yang kotor, yang membuat satu kekacauan, yang dikutuk oleh peniaga-peniaga di Bandaraya Kuala Lumpur itu bukan satu kesalahan dalam segi undang-undang yang kita telah bentangkan dahulu?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya rasa itu dengan izin, *Peaceful Assembly Act*. Ia membenarkan orang ramai berkumpul. Jadi, kalau penjaja-penjaja kata mereka kehilangan pendapatan, saya rasa lebih baik mereka tunjuk dia punya *income tax returns* dahululah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, *you are misleading* Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kita hendak pastikan pendapatan mereka rugi atau tidak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You are misleading, either you are...*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Sebab untuk saya – belum lagi Yang Berhormat Kota Belud. Untuk saya, mereka *make more money on that day*. Ramai orang datang, ramai orang beli lagi sampai stok pun sudah habis.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud, terima kasih. Dua perkara Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, kalau ramai. Kenapa pula berdemonstrasi depan Ambiga? Kalau dia tak rugi? Ini *tourist* datang pun kena kacau. *[Disampuk] Transportation* pun kena kacau. Itu bersih? Itu aman?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Tertentu, Yang Berhormat Putatan takkan tidak tahu?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Telok Intan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang saya ingin dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan. Pertama dikatakan tadi bahawa *Bar Council* ataupun Majlis Peguam mengeluarkan *certificate*. Saya kira itu tidak berapa betul. *The High Court* atau Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan *facilitated by Bar Council* kerana ia mesti dipohon melalui *Bar Council*. *I think you know that*. Nombor satu. *It is not the Bar Council* bukan *Bar Council* yang mengeluarkan *certificate*. Okey, itu satu. Keduanya ialah saya rasa Yang Berhormat ini satu kali lagi saya tadi mahu cakap Yang Berhormat Telok Intan ini antara yang terbaik tetapi sudah kurang sedikit sebab dia tak faham apa yang dibentangkan dalam Perhimpunan Aman 2011, himpunan aman.

Bersih 3.0 adalah haram dan melanggar undang-undang yang telah kita bentangkan dalam peruntukan PAA 2011 *as easy as that* Yang Berhormat. *You against it, you are wrong*. Apa yang dikatakan, yang boleh dibenarkan ialah perhimpunan di kawasan-kawasan yang telah

digazetkan oleh himpunan aman, akta tersebut. Jalan raya tersebut tidak digazetkan. Malah Stadium Merdeka telah digazetkan supaya dibawa pergi sana tetapi Yang Berhormat dan kawan-kawan Yang Berhormat tidak setuju. Telah melanggar, *admit that*. Terimalah itu, itu sebagai fakta. Kemudian yang keduanya, kalau Yang Berhormat kata ini undang-undang yang salah, undang-undang yang zalim, nanti Yang Berhormat jadi kerajaan, tukarlah. Itu sahaja ceritanya Yang Berhormat *but as long as the law is still a law, you* sebagai peguam mesti menghormatinya Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Mengenai soalan pertama iaitu *certificate*. Memang betul Yang Berhormat Kota Belud kata *Practicing Certificate* dengan izin dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya. Akan tetapi sebelum itu Majlis Peguam harus mengeluarkan sijil *annual*. So, ada dua. Sijil *annual* dikeluarkan oleh Majlis Peguam *then the High Court issues a Practicing Certificate (PC)*. Seterusnya mengenai PAA yang dikatakan tadi, biar sahajalah mahkamah menentukan siapa salah, siapa tidak salah. Mengapa Yang Berhormat Kota Belud menentukan? Kenapa polis kena menentukan? Biar mahkamah. *That is why we have the court's for*. Kita kena pergi mahkamah, tempat mereka yang kita sanjung tinggi Tuan Yang di-Pertua. *Let the court decide*. Betul, tak betul, kita terima. Itu masalah di sini. Semua orang hendak jadi mahkamah. Semua hendak jadi hakim. Ini dia salah, dia tak salah. Apa ini semua?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Telok Intan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kota Belud mengeluarkan pandangan bahawa dari sudut undang-undanglah, iaitu PAA ini perhimpunan Bersih adalah haram. Itu pandangan dia, okey. Tidak mengapalah kita dengar, kita tidak perlu setuju. Akan tetapi saya ingin minta daripada Yang Berhormat Telok Intan. Saya ada pandangan yang berlainan dan saya boleh bagi hujahanlah untuk menyokong pandangan itu. Bagi saya, kita berdasarkan PAA sekarang, undang-undang baru, Yang Berhormat Kota Belud kata tadi, perhimpunan hanya boleh berlaku di tempat-tempat yang boleh digazet. Itu satu aspek. Perhimpunan juga boleh berlaku di tempat yang tidak digazet dengan syarat notis diberi kepada pihak polis. Itu jelas daripada undang-undang. Itu satu dan tidak dapat dinafikan secara fakta ini bahawa penganjur perhimpunan Bersih telah memberi notis bertulis kepada pihak polis. Itu satu.

Tidak ada apa-apa bangkangan daripada pihak polis seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Tidak ada apa-apa syarat yang ditetapkan secara bertulis oleh pihak polis seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang, itu satu. Keduanya, ini boleh dibuktikan kalau Yang Berhormat Kota Belud tidak tahu kita boleh tunjuk. Polis mengeluarkan kenyataan rasmi. Apabila penganjur Bersih mengumumkan mereka akan berkumpul di enam tempat di Kuala Lumpur, polis berkata boleh kumpul, tidak ada masalah. Boleh kumpul di sana. Jadi di sini, Yang Berhormat Kota Belud tidak tahu fakta ataupun tidak faham secara mendalam

rangka yang kita buat di sini, rangka undang-undang di bawah PAA dan tidak faham *effect* undang-undang itu.

Saya tidak mahu tanya kenapa Yang Berhormat Kota Belud tidak faham tetapi itu terserah kepada dia. Akan tetapi bagi saya ini jelas. Dalam rangka PAA, perhimpunan Bersih adalah sah, tidak ada masalah dari segi itu. Itu pandangan saya. Akan tetapi seperti akhirnya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Telok Intan adalah betul. Kalau katakan ada pihak, orang yang kurang faham undang-undang hendak bawa tuduhan kepada mahkamah, biar mahkamah tentukan. Apa salahnya? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya amat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang sebab akhirnya biar mahkamah tentukan siapa betul, siapa salah. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Tuan Yang di-Pertua *very patient*, sabar kalau dibandingkan dengan sesi pada dahulu, tiga, empat akta dengan tergesa-gesa, *rushing. This is the way, more civilized.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *More civilized* ini kena bagilah satu kali lagi. *Thirty second* sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap tadi Yang Berhormat Subang cantik, serahkan kepada mahkamah. Ini adalah cara yang paling demokratik, yang paling peradaban yang tertinggi. Itu yang kita mahu. Yang Berhormat Telok Intan pun kata serahkan kepada mahkamah. Akan tetapi Yang Berhormat kata tak serupa bikin. Setiap kali ada isu yang dibawa di arena politik, dibawa ke Parlimen ini sebelum mahkamah dibuat oleh parti Yang Berhormat juga. Jadi kalau betul-betul mahukan supaya mahkamah yang menentukan, badan tertinggi perundangan kita serahkan kepada mahkamah.

■1610

Tidak perlulah bawa ke ceramah setiap malam, saya pun dengar ceramah daripada Yang Berhormat Subang, daripada kawan-kawan yang lain yang membincangkan sesuatu isu seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional sudah salah sebelum diputuskan oleh mahkamah. Kadang-kadang saya ketawa teringat, terdengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini daripada pembangkang seolah-olah mereka ini malaikat, tidak boleh *holier-than-thou*. Tidak mengapalah, ini pandangan seperti mana Yang Berhormat tetapi saya hendak katakan kepada Yang Berhormat Subang, saya masih lagi beranggapan bahawa Bersih itu salah tetapi tidak mengapa. Mahkamah akan menentukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tiada siapa yang telah mengatakan *we are perfect or you are perfect*. Itu bukan isu di sini tetapi apa yang kita katakan adalah, macam Bersih, kalau saya polis, saya akan benarkan, "*Okeylah you kumpul di Dataran Merdeka sampai pagi pun you punya pasallah*". Apa salahnya? *Let them gather*. Semua rakyat Malaysia, dia hendak duduk sana, duduk bantah atau apa dia hendak buat, biarlah. Apa salahnya? Akan tetapi *you bawa polis, you bawa water canon, you bawa tear gas*. Provokasi.

Jadi salah siapa, kita tidak tahu. *Just let them be at Dataran*. Apa salahnya? Itu yang saya hendak tanya, pelik. Apa salahnya rakyat Malaysia berkumpul di Dataran Merdeka, duduk bantah apa salahnya? Mereka berhak untuk menuntut apa yang mereka tuntut. Biarlah empat, lima jam sampai pagi pun okey. Sebab apa polis ini sibuk sangat? Tugas polis adalah untuk memastikan semua keadaan selamat, itu sahaja, *you look after*. Saya rasa pihak polis harus sokong Bersih. *You want to gather, gather*. Itu hak *you*. *You* rakyat Malaysia.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan. Apakah Yang Berhormat menyedari, ia menjadi bahan ketawa di luar negara di mana perbelanjaan digunakan oleh kerajaan untuk apa, untuk melindungi satu padang untuk elakkan daripada orang ramai berhimpun dan duduk bantah di sana. Membelanjakan RM1.8 juta dan menggunakan *tear gas* untuk tujuan apa? Melindungi satu padang. Ini jadi satu bahan ketawa, padahal kita ada hak asasi manusia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, kita mahu jadi negara *world best democracy*, ada program transformasi tetapi kita tengok cakap tak serupa bikin. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Ini sudah jatuhkan imej negara dan ada wakil *United Nations Experts* ada membuat kenyataan, meminta Kerajaan Malaysia menghentikan *harassment* terhadap Datuk Ambiga dan organisasinya, dan patut tarik balik kes tuntutan ganti rugi sivil terhadap Datuk Ambiga dan wakil-wakil yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Ini saya naikkan balik, *you* antara terbaik Ahli Parlimen daripada pembangkang memberi ruang kepada kita untuk berhujah.

Saya mendengar tadi Yang Berhormat Telok Intan nak minta penjelasan daripada urutan hujah Yang Berhormat Batu Gajah. Masalahnya Yang Berhormat Batu Gajah, dia belum lagi dalam kerajaan walaupun dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang, parti beliau yang menjadi pemerintah. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Telok Intan. Di Pulau Pinang, apabila ada demonstrasi dibuat di jabatan, di mana-mana yang mahu dibuat, Ketua Menteri Pulau Pinang pun mengeluh, dia tidak boleh buat kerja. Hari-hari demonstrasi. *No*, ini soal tentang pentadbiran. Itu sebabnya Yang Berhormat Batu Gajah nanti, kalau dia sudah jadi menteri, dia sudah jadi Perdana Menteri, baru dia tahu betapa susahnyanya untuk mentadbir kerajaan, jika kebebasan itu diberikan secara total begitu Yang Berhormat Telok Intan. Ini masalahnya. Jadi tadi kalau kata provokasi, hendak diketawakan Yang Berhormat Batu Gajah saya kira, yang diketawakan ialah pembangkang, bukan kerajaan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Di Pulau Pinang walaupun Ketua Menteri Pulau Pinang sejak 8 Mac 2008 sehingga hari ini, hari-hari orang UMNO kacau dia tetapi anehnya dia punya prestasi dan dia punya *performance, the best*. Hari-hari orang kacau, dia punya prestasi, dia punya *performance is the best manage*

state. Laporan Auditor General sudah cakap, very well manage. Jadi apa masalahnya saya tidak tahu. I think we should give credit to the Chief Minister of Penang for performing so well under so much of pressured, everyday. Everyday they are there, office, there, here. Kalau dia tidak diberi tekanan, I think he will do better, 100 times better for the people of Penang and Malaysia, dengan izin. I salute to the Chief Minister of Penang.

Seterusnya dengan soalan Yang Berhormat Batu Gajah. Betul, pelik sangat. Polis beribu-ribu, belanja berjuta-juta untuk apa? Tidak mahu benarkan orang Malaysia, rakyat Malaysia berkumpul di padang. Apa benda ini, apa masalahnya? Siapa lawan siapa? Tidak ada lawan cuma provokasi polis itu ini, takut, *culture of fear, political fear. That's all.* Takut sama Bersih, itu sahaja. Sekarang sampai nak saman Datuk Ambiga pula. Samanlah. Kalau lebih baik tarik balik, kalau tidak biar mahkamah tentukan sahaja. *Let the court decide.*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyudahi perbahasan saya atas topik ini..., lagi satu serangan ke atas *Bar Council*, dan pagi tadi saya telah dengar Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri memberi jawapan beliau - *perfect, screen play, story direction – PDRM. It's perfect movie script. Everything is so nice and Barisan, and the polis come out smiling like a 'rose', so nice.* Akan tetapi *on the ground, what was happen?* Selepas Bersih, *rating Prime Minister drop.* Itu menunjukkan apa? *Survey* itu dibuat oleh orang-orang yang bebas dan bukan kita yang buat *survey* itu. Jadi saya rasa untuk menghabiskan perbahasan saya, saya katakan, kita kena sokong *Bar Council*, Majlis Peguam yang mereka betul. Kalau tidak betul, kita ketuk... Ya?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, waktu itu di mana, waktu demonstrasi di mana? Di Starbuck, di kedai kopi Yang Berhormat?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya ada di Jalan Tun Perak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minum kopi Starbuck?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *No.* Sebab Yang Berhormat Kota Belud membangkitkan isu ini. Pada hari Bersih itu, saya dengan anak-anak saya telah pergi ke sana. Kalau seperti yang *you* katakan, *we plan to be violent*, kenapa saya bawa anak saya bersama, kenapa? *If we think, you think we want to be violent, why should I took my children along? You bawa adik, saya bawa anak saya, Form 1. She's only in Form 1.* Selepas Bersih 3.0, dia tanya *"Pa, when is Bersih 4.0?"*. *My daughter.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, *you are* salah di sisi PAA 2011 itu. Tidak boleh bawa budak-budak semasa demonstrasi. *See, you* tidak baca.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak salah, *we don't plan to be violent. You may did violent, your Police Department may did violent. They provoke the people.*

Jadi *last point.* Jadi Majlis Peguam, kita kena sokong. Apa sebab kita kena sokong Majlis Peguam? Pada masa era mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir dengan izin, *he tried to dismantle every institution of the country, every democratic institutions of the country,*

every pillar of the democratic institution except he tried to touch Bar Council, dia gagal. Bar Council stood firm on many issues, so we must respect and salute them but if they are wrong, we must tell they are wrong. Itu pendirian saya Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

4.19 ptg.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan keizinan kepada saya untuk turut berbahas dalam pembentangan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah atas pemergian ibu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Jamil Khir pagi tadi. Moga Allah mengampuni dan meletakkan Allahyarhamah dalam golongan orang-orang yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada rang undang-undang ini untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 untuk memberi kebebasan atau liberalisasi kepada peguam asing menjalankan khidmat guaman di Malaysia.

■ 1610

Saya tertarik dalam beberapa aspek berkaitan dengan kuasa ataupun bidang kuasa yang diberikan kepada Majlis Peguam. Banyak yang telah diperkatakan berkaitan dengan Majlis Peguam ini. Saya mengambil sikap Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan Majlis Peguam memainkan peranan di dalam diberi kuasa dalam bidang kuasa berkaitan dengan pindaan ini kredibiliti dan integriti Majlis Peguam perlu dinilai. Saya antara orang yang akan awal-awal membantah peranan yang diberi kepada Majlis Peguam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjadi Ahli *Malaysian Bar* selama 23 tahun dan malahan saya pernah duduk di dalam *Exco Bar Council*.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu peranan utama Majlis Peguam atau *Malaysian Bar* ini diletakkan di bawah seksyen 42(1)(a) Akta Profesion Guaman atau undang-undang ini dinyatakan di sini dalam bahasa Inggerisnya;

- “(1) *The purpose of the Malaysian Bar shall be;*
 (a) *to uphold the cause of justice without regards to its own interests or that of its members, uninfluenced by fear of favour.*”

Di perenggan 42(1), sub seksyen 42(1)(l) antaranya, “*to promote good relations and social intercourse...*”, *social intercourse* bukan *sexual intercourse*. “*...To promote good relations...*” sebab ada *Bar Council* yang cuba hendak *promote* gaya seks bebas ini. Mungkin dia salah baca 42(1)(l) ini. Seksyen 42(1)(l) sebut;

“To promote good relations and social intercourse amongst members and between members and other persons concerned in the administration of law and justice in Malaysia”.

Pokok pangkal dia Majlis Peguam mesti bertindak *without fear or favor*. Isu dia Tuan Yang di-Pertua, bukan isu sama ada *Bar Council* ini tidak bertindak, bertindak *without fear and favour*. Isunya ialah isu *consistency*. Oleh sebab itu dalam Islam, sangat penting Nabi SAW sangat pertekankan... [*Membaca sepotong hadis*] Beriman kepada Allah satu hal hendak istiqamah itu bukan senang, bukan senang. Dalam isu *Bar Council* ini soal *inconsistency* atau tidak, bertindak tidak konsisten dalam beberapa isu.

Saya hormati..., contoh Yang Berhormat Bukit Gelugor, *very* konsisten, sangat konsisten. Dahulu, kini dan mungkin selamanya dia kata, *“You want Islam, over my dead body”*. Masa dia sendirikah, dia dengan Pakatankah, dia dalam barisan alternatifkah, dia konsisten. Saya *respect* walaupun saya tidak setuju. *“You want Islam, over my dead body”* Saya tidak setuju tetapi saya *respect* sebab dia konsisten.

Walaupun ada orang dahulu kata, Yang Berhormat Bukit Gelugor ini musuh utama tetapi sekarang sudah buat *statement*, sanggup mati untuk Yang Berhormat Bukit Gelugor. Itu tidak konsisten namanya tetapi Yang Berhormat Bukit Gelugor dia konsisten. Masalah dengan *Bar Council* ini dia tidak konsisten. Bila ada isu yang kena mengena dengan kerajaan cepat tetapi bila isu yang ada kaitan dengan pembangkang lambat ataupun tidak buat *statement* langsung pun walaupun ada kaitan dengan undang-undang.

Contoh isu pembohongan 16 September, mana suara *Bar Council*? Sepatah haram pun tidak dengar. Dia tahu prinsip demokrasi, mana boleh pancing, beli, suruh orang lompat ikut. Yang Berhormat Batu dengan Elizabeth Wong terhegeh-hegeh pergi Taiwan, hendak cari orang. Mana suara *Bar Council*?...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sekejap sahaja. Tidak bercakap sedangkan saya setuju Yang Berhormat Bukit Gelugor sekali lagi konsisten. Bila pembohongan 16 September terbongkar Yang Berhormat Bukit Gelugor satu-satunya peguam dan Ahli Parlimen yang bangkit menyuarakan pendapat dia yang *very* konsisten. Dia kata apa, dia kata Yang Berhormat Permatang Pauh patut bertaubat, patut letak jawatan. *You are not fit to be a leader* sebab cuba hendak beli Ahli Parlimen Barisan Nasional. *That's very consistent*. Saya *respect*. Kita setuju tidak setuju itu satu hal tetapi dia konsisten. Mana suara *Bar Council*? Ini isu prinsip demokrasi, prinsip perundangan, prinsip Perlembagaan hormati keputusan pilihan

raya yang terang-terang Yang Berhormat Permatang Pauh tidak hormat, bohong lagi. Mana suara *Bar Council*?

Kalau dia konsisten dia akan tegur, dia tidak tegur. Kenapa peguam kanan macam Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh tegur tetapi *Bar Council* ambil sikap menjadi syaitan bisu, tidak cakap apa-apa. Ini yang kita pertikaikan. Sama seperti Tuan Yang di-Pertua mana suara *Bar Council* dalam isu pembohongan Kampung Buah Pala. Ditabur janji pada penduduk Kampung Buah Pala semasa kempen pilihan raya. Ini hari undi minggu depan geran keluar. Ini hari dapat kerajaan minggu depan traktor dia hantar, mana? Tidak pertahankan langsung. Tidak sebut pun, tidak nasihatkan penduduk Kampung Buah Pala. *You can take this matter to court. We will protect interest* seperti yang disebut di bawah seksyen 42(1)(l), tidak ada. Ini kerana memberi persepsi bahawa sebab itu kerajaan pembangkang, kerajaan DAP.

Bila Kerajaan Barisan Nasional buat dia berkokok bukan main lagi tetapi bila kerajaan DAP buat senyap jadi syaitan bisu. Ini yang rakyat pertikaikan kenapa *double standard*? Sama dengan bila Kerajaan Selangor yang ada sekarang menggunakan Akta Pengambilan Tanah merampas perumahan rakyat di PPR Jelatek Kampung Datuk Keramat. Rakyat pertikai tidak mahu pindah sebab ada benda belum selesai. Tidak, dia guna Akta Pengambilan Tanah dia keluarkan notis rampas, pergi ugut akhirnya rakyat terpaksa keluar. Mana suara *Bar Council*? Tidak ada suara *Bar Council*. Sunyi sepi jadi syaitan bisu, mengapa? Ini kerana memberi persepsi sebab itu kerajaan yang mereka sokong, kerajaan daripada Pakatan. Ini yang menjadi persoalan sehingga rakyat mempertikaikan kredibiliti dan integriti *Bar Council*.

Contoh Tuan Yang di-Pertua, bila isu timbul berkaitan dengan kegiatan dakwah oleh Damansara Utama Methodist Church, dari bulan puasa menjemput orang Islam. Konon cerita jemput orang Islam buka puasa di gereja dia yang akhirnya terbukti ada kegiatan dakwah. Mana suara *Bar Council*? Tidak ada suara *Bar Council*. Terang-terang ianya bertentangan dengan Perlembagaan, bertentangan dengan undang-undang mana suara *Bar Council*?... [Disampuk] Saya tidak mahu cakap PAS ini saya sudah menyampah. *Bar Council*. PAS ini sekarang sudah jadi penuh dengan parasit kita tidak mahu cakap sudah tidak ada harga diri sudah. Ini *Bar Council*?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sedikit Yang Berhormat?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu lagi poin saya hendak sentuh saya hendak bagi contoh-contoh. Kenapa kita rakyat Malaysia pertikaikan *Bar Council*? Kalau *you* hendak *fight without a fear of favor you must be fair to everybody*. Kalau *you* kata ada *state interference, state interference* Barisan Nasional *you* kena tegur *state interference* oleh Pakatan pun *you* kena tegur. Tidak ada. Kenapa tidak ada? Kalau Kristian diganggu, *you* tegur orang Islam, Islam diganggu *you* kena tegur orang Kristian. Tidak ada. Kenapa tidak ada? Persepsinya ialah *Bar Council* ini bertindak *double standard*, ikut kepentingan dia sedangkan akta itu terang-terang tulis, "*To uphold the court of justice without regard to its own interest.*" Ini

apa, apa kepentingan mereka? Hanya kerana ianya dibuat oleh orang Melayu, orang Islam atau Barisan Nasional. Kalau sebelah sana, jadi syaitan bisu, senyap terus, tidak bercakap apa sepatah pun. Yang Berhormat Kinabatangan...

■1630

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana *double standard* itulah saya berdiri dua kali. Saya tertarik dan terpenggil iaitu Yang Berhormat sedar bahawa *Bar Council* ini merupakan pemegang amanah, pemegang kepercayaan untuk memberi keadilan sejagat kepada rakyat negara ini. Akan tetapi, dengan *double standard* mereka, rakyat menganggap bahawa *Bar Council* ini seperti harapan pagar, pagar makan padi.

Apabila isu melibatkan Kerajaan Barisan Nasional, dia gunakan jalan raya sebagai jalan penyelesaian. Dia buat macam-macam sehingga buat resolusi yang haram, sehingga hari ini dipertikaikan di mahkamah. Akan tetapi seperti Yang Berhormat katakan tadi apabila melibatkan isu pembangkang, dia jadi syaitan bisu. Jadi, apa sebenarnya kewujudan *Bar Council* ini, di mana kebenaran dan keadilan yang hendak ditegakkan. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin ada satu platform yang baru untuk kita berikan kepada peguam-peguam yang beramanah untuk menjaga kebajikan dan keadilan sejagat. Bukan seperti *Bar Council* pada hari ini melibatkan diri seolah-olah menjadi satu alat pembangkang untuk menghentam kerajaan yang ada pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya pada saya Tuan Yang di-Pertua, *Bar Council* ini bukan penyokong pembangkang. Dia sudah jadi komponen pembangkang sekarang ini. Parti keempat dalam pembangkang. Lebih sibuk dengan politik, hal ehwal kebajikan ahli sendiri tidak terjaga, banyak lagi *lawyer* ada masalah, tidak jaga pun. Yang dia sibuk dengan politik kepartian. Kita tidak ada masalah kalau dia hendak terlibat dengan politik tetapi bertandinglah pilihan raya.

Lee Chee Wee, Presiden *Bar Council*, dok gatal sangat hendak berpolitik. Saya cabar lawan di Kulim Bandar Baharu dalam pilihan raya akan datang. Kita tengok siapa yang rakyat terima atau tidak terima. Ini berselindung di sebalik *Bar Council*. Berselindung di sebalik Institusi Majlis Peguam. Kalau berani, masuk politik, biar rakyat yang tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Masalah dengan *Bar Council* ini dia ambil pendirian, dia *consult* kita pun tidak. Tuan Yang di-Pertua, Ahli *Malaysian Bar*, peguam yang berdaftar dengan *Malaysian Bar*, dengan Mahkamah Tinggi sebagai peguam lebih 14,000. Sebanyak 40% daripadanya adalah beragama Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjuk bagaimana sikap *double standard* *Bar Council* ini. Kita tengok dalam contoh isu kes murtad Azlina Jailani atau Lina Joy.

Masa itu saya Ahli Exco *Bar Council*. Sebagai peguam saya mewakili badan NGO Islam dalam kes Azlina Jailani atau Lina Joy murtad. Tidak ada mesyuarat, tidak ada

perbincangan. Saya pergi, saya sebut saya sebagai peguam. Saya tidak sebut saya Exco Majlis Peguam, saya sebut saya adalah peguam yang berdaftar, *lawyer represent client* saya, Angkatan Belia Islam Malaysia masa itu. Kita pertikaikan murtad Lina Joy. Tahu-tahu bangun Malik Imtias dan kawan-kawannya, bangun kata, kami mewakili *Malaysian Bar*, kami mewakili *Bar Council* menyokong murtad Lina Joy.

Saya bangun dalam mahkamah, saya katakan bila pula kau dilantik? Saya Ahli Exco Majlis Peguam, tidak tahu pun yang dia dilantik. Tahu-tahu Majlis Peguam, *Bar Council* buat pendirian. Entah siapa yang dia *consult*, bila dia bermesyuarat, kita tidak tahu. Buat keputusan menyokong Lina Joy untuk murtad. Ia memberi kesan kepada 40%, lebih 6,000 peguam beragama Islam diletakkan dalam keadaan serba salah. Kita tidak ada pilihan. Itu yang berbalik kepada Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Kami peguam tidak ada pilihan. *It is mandatory membership*. Kami kena jadi *member*. Kalau ada pilihan, sudah lama kita tinggalkan *Malaysian Bar* ini, tetapi tidak ada pilihan. *It is made mandatory by the law*.

Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu sebagai peguam. Dijadikan mandatori kerana undang-undang memaksa kami. Ini hendak bercakap soal demokrasi, tetapi *lawyer* tidak ada pilihan. Kita kena terima walaupun kita tahu ini busuk, badan yang berbau busuk, penuh dengan pekung tetapi kita sudah tidak boleh buat apa-apa. Ini kerana undang-undang memaksa semua peguam mesti jadi ahli *Malaysian Bar*. Saya kira sudah tiba masa kalau kita beria-beria hendak bercakap pasal demokrasi, beri demokrasi hak memilih. Kalau kita betul-betul ada hak memilih, beri peguam hak memilih untuk menjadi ahli mana-mana badan guaman... [*Tepuk*] Sepatutnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam kes Lina Joy. Bila *Bar Council* yang pada masa itu telah di *hijack* oleh golongan *human right activist* ini, buat keputusan tanpa *consultation*, tanpa mesyuarat menyatakan mereka menyokong Lina Joy menjadi murtad. Bawa pergi mahkamah, hantar pula wakil peguam. Ia meletakkan kami *lawyer* yang beragama Islam serba salah. Orang kata, "Eh, apa engkau ini, *lawyer* tapi engkau punya Majlis sokong orang murtad, ini apa cerita ini?". Jadi, kita diletakkan dalam keadaan serba salah. Inilah masalahnya dengan *Bar Council*. Memberi persepsi seolah-olah bila hal berkaitan dengan Islam, dia akan ke hadapan, dia akan tenyeh kita dahulu.

Contoh Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam isu Damansara Utama Methodist Church. Isu itu terang-terang melanggar undang-undang, terang-terang melanggar Perlembagaan tetapi *Bar Council* tidak ambil sikap menegur Damansara Utama Methodist Church. "Hey, kamu Damansara Utama Methodist Church, kamu melanggar undang-undang ini. Artikel 11(4) jelas kamu tidak boleh diaayah agama kamu kepada orang Islam. Enakmen-enakmen jenayah syariah, seksyen 298 (a), Kanun Keseksaan. Kamu tidak boleh diaayah agama kamu, kamu buat." Tegur! Ada resolusi daripada *Bar Council*? Tidak ada. Dia

pergi pertahankan pula Damansara Utama Methodist Church, dia pergi maki Jabatan Agama Islam Selangor yang menjalankan tugas mengikut undang-undang.

Sama macam kes Lina Joy. Dalam kes Lina Joy terang-terang gereja, Church of Our Lady Fatima, Brickfields terang-terang langgar undang-undang. Keluarkan sijil *baptisme*, memurtadkan Lina Joy. Jelas bercanggah dengan Artikel 11(4), jelas bercanggah dengan Enakmen Jenayah Syariah, jelas bercanggah dengan 298(a), Kanun Keseksaan. Apa sikap *Bar Council*? Bukan sahaja dia tidak tegur Church of Our Lady Fatima, dia bukan sahaja tidak tegur aktivis-aktivis, NGO-NGO Kristian, dia pergi hantar wakil Majlis Peguam. Duduk dalam mahkamah untuk mempertahankan kesalahan yang sudah berlaku.

Ini Tuan Yang di-Pertua, sama macam bila *Bar Council* mengambil pendirian untuk menyokong dan mempelopori Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang ditentang habis-habisan oleh umat Islam. Ketua Pemuda PAS Pulau Pinang sampai kena hukum oleh mahkamah kerana membantah Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang cuba dipelopori oleh *Bar Council* yang diketuai oleh Ambiga. Sama dengan isu Forum Masuk Islam yang dipengerusikan, dianjurkan oleh *Bar Council* dipengerusikan oleh Ambiga. Masa itu Yang Berhormat Kubang Kerian duduk sebelah saya, isytihar jihad. Isytihar, ini musuh Islam, hendak lawan. Itu Yang Berhormat Kubang Kerian duduk sebelah saya, sama-sama. Mana pergi? Tidak ada. Saya tidak mahu cakap pasal mereka ini tetapi *Bar Council*.

Saya hendak tunjukkan sikap *Bar Council* selama ini jelas *bias, double standard, partisan*. Ini yang kita persoalkan. Sebab itu saya katakan tadi, *Bar Council* ini bukan lagi penyokong, tali barut pembangkang, ia sudah jadi komponen keempat kepada pembangkang. Sudah jadi parti pembangkang dahpun. Tinggal hendak bubar sahaja Majlis Peguam, pergi masuklah pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, ini bawa saya kepada isu yang disebut banyak oleh rakan-rakan saya termasuk oleh Yang Berhormat Telok Intan, Subang dan lain-lain. Isu berkaitan dengan rusuhan 28 April. Kenapa *Bar Council* mengambil peranan yang dia buat sekarang? Saya sudah sebut tadi objektif utama Majlis Peguam ialah untuk *uphold the course of justice without regards to its own interest or all that of members, uninfluenced by fear or favour*. Tuan Yang di-Pertua, senario dia mudah. Kalah betul kata Yang Berhormat Telok Intan dengan Subang tadi *respect the court, respect the law*, kepala hotak dia.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Majistret Kuala Lumpur setelah perbicaraan mengeluarkan perintah melarang perhimpunan di kawasan-kawasan tertentu dalam Kuala Lumpur. *Now, as a lawyer what you do?* Apa *Bar Council* buat? Sepatutnya dia nasihatkan Ambiga, *what you are doing is wrong, what you are doing is against the law, what you are doing is against the court order*. Itu sepatutnya *Bar Council* buat. Itu yang disebut oleh seksyen 42. Akta Profesion Guaman, tidak. Dia tidak buat itu. Terang-terang Ambiga langgar perintah

mahkamah, setelah perbicaraan. Mahkamah dengar keterangan, mahkamah buat keputusan, mahkamah keluarkan perintah bahawa kawasan ini dilarang. Tidak boleh ada perhimpunan di sini, dia langgar. Maknanya sebelum *Bar Council* turun sebagai pemerhati pun dia sudah tahu mereka itu melanggar undang-undang.

Peranan *Bar Council* patut menasihatkan rakyat, *educate*, didik rakyat hormati mahkamah, hormati keputusan mahkamah. *You* tidak setuju *you go to court*. Kalau *you* tidak setuju dengan perintah mahkamah, *you* ambil tindakan undang-undang. Kalau *Bar Council* gatal sangat hendak pergi lawan, tidak apa. *Bar Council* pergi fail petisyen dekat mahkamah cabar keputusan Majistret itu. Tunggu sampai mahkamah buat keputusan, tidak *knowing very well with full knowledge that the act on the 28th of April is against the law, against the court order*. Yet, *Bar Council* choosed to remain silent. Dia jadi syaitan bisu tidak cakap apa-apa. Tahu-tahu dia hantar wakil buat pemerhati. Contohnya macam ini, *you* sudah tahu orang itu hendak mencuri, *you* pergi hantar pemerhati. Kita tengok macam mana dia curi. Dalam TV ada berlaku pencuri kena pukul *you* buat laporan tidak adil yang pencuri sudah dipukul, yang pencuri itu mencuri?... [Ketawa]

Orang yang membuat perhimpunan itu Ambiga yang membuat perhimpunan itu, Ambiga yang mengetuai perhimpunan ini, orang yang telah melanggar undang-undang. *What are you trying to tell the people?* Apa mesej isyarat *you* hendak beri kepada rakyat? Oh, okey tidak apa *you* langgar undang-undang, *you* langgar perintah mahkamah, kita akan *protect*. *Is that the message that you want to send?* Tidak betul, ini bukan peranan *Bar Council*. Akan tetapi hendak menjadi barua kepada Pembangkang, dia sanggup. Yang ini yang kita tidak setuju. Patut dia main peranan non partisan. "*Ambiga you are our ex-President, yes, we respect but you are going against the court order. Please stop, we are going to court. We advice you to go to court challenge the majistrate order*". *Why can't you do that, why can't you do that?* Tidak, hendak *provoke* juga, sebab itu saya kata *Bar Council* bukan lagi barua kepada Pembangkang, sudah menjadi komponen Pembangkang sudah pun.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kalau *Bar Council* ini ikut betul-betul seksyen 42 ini, "*...without fear or favor...*", "*...without any interest...*", dia akan buat mesyuarat tergepar untuk cela, untuk kutuk Ambiga bekas Presiden dia. *Why do you go against the court order? Why do you go against the law?* Itu patut dia punya usul, tidak. Usul dia bila hendak maki polis, hendak kutuk polis. Yang orang langgar undang-undang terang-terang, yang orang betul-betul langgar perintah mahkamah, *you keep quiet*. Ini hendak kata *Bar Council* yang neutral. Tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu faham seperti kata negarawan ulung India, Mahatma Gandhi, "*Every action will cause a reaction.*" atau, "Setiap tindakan ada tindak balas." *You* berperangai tanpa tamadun, *you* berperangai di luar batasan kemanusiaan, *you expect people to respect you?* Oh, tadi buat kenyataan kalau tidak puas hati pergi mahkamahlah. Kalau tidak puas hati pergi lawanlah, *challenge di court*lah. Sekarang mahkamah sudah keluarkan perintah

kawasan ini dilarang daripada perhimpunan, *you* pergi juga. *You* sudah tunjukkan yang *you* pun tidak hormatkan keputusan mahkamah, *you* suruh orang pergi *court*. Ini apa punya cakap. Auta, tonggang-terbalik...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Kulim, satu perkataan sahaja.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Kulim Bandar Baharu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja Kulim. Kulim ialah seorang peguam yang hebat, jadi sepanjang hujah Kulim ini saya lihat banyak menghentam *Bar Council*. Adakah Kulim Bandar Baharu tidak takut, tidak bimbang mungkin *Bar Council* akan memotong nama Kulim Bandar Baharu daripada senarai? Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*] Yang Berhormat, Kota Belud sedikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya minta pandangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Pada April 28 tahun ini apabila demonstrasi rusuhan itu dibuat, ianya berlaku di beberapa kawasan, di beberapa bandar di seluruh Malaysia. Di Kota Kinabalu dia buat, saya rasa di Kuching juga dan di bandar-bandar yang lain. Akan tetapi hendak minta pandangan Yang Berhormat, mungkinkah kerana tidak ada Ambiga di Kota Kinabalu, tidak ada Anwar Ibrahim ataupun Yang Berhormat Permatang Pauh di Kota Kinabalu, tidak ada Yang Berhormat Gombak di Kota Kinabalu, maka rusuhan tidak berlaku di Kota Kinabalu, tidak berlaku di Kuching, tidak berlaku di tempat-tempat yang lain. Apakah ini menunjukkan bahawa di Kuala Lumpur itu kerana kebiadaban Datuk Ambiga itu dan juga dua orang ini Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gombak, maka rusuhan berlaku di Kuala Lumpur dan tidak di pusat-pusat bandar yang lain. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, kita menjawab kekanda Jasin. Bila kita pilih untuk berjuang atas kebenaran tidak ada apa yang menakutkan kita lagi sudah... [*Tepuk*] Bila kita berjuang atas kepentingan politik, gila hendak pergi Putrajaya dan kita takut. Kita takut hilang kerusi, kita takut hilang jawatan, sampai kita kata kalau aku tinggalkan parti, aku akan talak bini aku tiga. Kita akan buat macam itu. Sebab kita ini tidak ada prinsip. Kalau kita pegang pada prinsip perjuangan kita tidak takut apa-apa sudah. Yang kita takut Allah Taala. Kita bercakap tentang kebenaran di sini. Ini soal dia sekarang. Ini soal prinsip perjuangan. Perjuangan dibayar dengan pengorbanan itu sahaja. As *simple as that* tetapi ada orang pekak, bisu, buta, sombong, dan sebagainya itu, dapatlah apa yang kita tengok hari ini... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua saya sebut, saya sebut, *every action will cause reaction*. *You* bertindak di luar tamadun kemanusiaan, *you* kacau orang

perniagaan, kita mahu pergi Dataran Merdeka kita punya suka, kepala bapak engkau. Engkau ingat apa Dataran Merdeka itu kau punya seorang? Apa kita rakyat Malaysia lain tidak berhak untuk duduk di Dataran Merdeka? Tidak adakah orang lain berhak guna Dataran merdeka bawa keluarga untuk bersuka-ria, untuk berehat, beriadah untuk bersama-sama dengan keluarga menggunakan Dataran Merdeka, hanya berapa kerat sahaja mereka yang hendak sangat gunakan Dataran Merdeka, halang rakyat lain daripada menikmati Dataran Merdeka? Apakah hak mereka melangkaui majoriti. Ini yang menjadi masalah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak beri jalan. Ini parasit saya tidak beri jalan, buang masa sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau tidak beri jalan pun saya minta Dewan yang mulia ini menghormati bahasa, supaya jangan disebut-sebut, sudah tiga kali saya dengar, "kepala bapak" ini.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak suka, tidak suka keluar! Tidak suka keluar!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apa Tuan Yang di-Pertua dengar ataupun bagaimana?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak suka pergi minum kopi di luar, duduk diam-diam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: "Kepala bapak", "haram jadah" ini sudah menjadi biasa di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak sebut "haram jadah", yang sebut "haram jadah", Kuala Selangor.

Seorang Ahli: Jangan jadi orang yang kurang ajar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita tolong *restrain* sedikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalau, kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat jangan tujukan kepada siapa-siapa...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jangan, saya tidak tujukan kepada siapa-siapa pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkataan itu kalau boleh elakkan, jangan guna.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua saya tidak tuju kepada siapa-siapa pun, dan saya tidak gunakan perkataan "haram jadah". Kuala Selangor

guna perkataan “haram jadah”. Itu, itu perangai dia. Saya hendak buat macam mana. Tidak boleh buat apa-apa. Jadi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang guna itu Perdana Menteri, kau hendak ikut sama..

Dato’ Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Orang kalau sanggup talak bini sampai tiga, sudahlah... [*Ketawa*] Bertamadunkah orang yang sanggup talak bini tiga untuk jaga jawatan, tidak adalah.

Tuan Yang di-Pertua saya sebut tadi setiap tindakan ada tindak balas. *You* halang, *you* halang rakyat daripada menikmati Dataran Merdeka, *you* halang peniaga daripada menjalankan perniagaan yang sah. *You expect* apa, orang hormat *you*? *You expect* apa, orang suka dekat *you*? Tidak ada tindak balas?...

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kulim Bandar Baharu, Himpunan Hijau PAS di Kedah Darul Aman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato’ Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak beri jalan.

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Peniaga untung! *Masya-Allah*, peniaga untung. Seorang pun tidak rugi. Semua minta diadakan pada setiap bulan.

Dato’ Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini lagi satu tengok! Hendak cakap fasal tamadun, tetapi dia sendiri tidak bertamadun. Cakap fasal sivik, sendiri tidak bersivik. Inilah...

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak ada yang rugi. Semua minta diadakan pada setiap bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kena minta jalan Yang Berhormat.

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak bagi. Dia takut. Dia orang tidak meniaga, macam mana hendak untung?

Dato’ Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia hendak bercakap pasal tamadun, sendiri tidak bertamadun. Inilah tunjuk bukti Tuan Yang di-Pertua, cakap tidak serupa bikin. Suruh orang bertamadun, dia sendiri tidak ikut peraturan.

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ada 100 ribu orang, seorang pun tidak luka.

Dato’ Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Nampak ini. Bila dia buat okey, hendak suruh orang bertamadun, dia sendiri tidak bertamadun. Hendak suruh orang ikut peraturan, dia sendiri tidak ikut peraturan. Cakap tidak serupa bikin, kongkalikung!

■1650

Dato’ Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, Kota Belud sikit...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kota Belud sila. Macam ini bersopan santun minta, tidak ada masalah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. 10 minit, tarik nafas, ini tengah seronok dengar hujah Yang Berhormat, kita bagi dia rehat sekejap. Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, saya baca laporan *Bar Council* itu pada Bersih 2.0 dan 3.0. Pada Laporan Bersih 2.0 yang dibuat oleh *Bar Council* ini, salah satu perkara yang dikatakan berlaku pada demonstrasi Bersih 2.0 ialah perniagaan untung seperti mana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi itu daripada Kuala Kedah kata, untung. Dalam laporan itu Tuan Yang di-Pertua, ditunjukkan gambar orang jual ais krim, bagaimana ramainya orang yang berdemonstrasi beli ais krim dalam satu vendor, ditunjuk dalam gambar itu. Dalam gambar itu dikatakan inilah bukti bahawa pada hari itu, peniaga-peniaga mendapat pelanggan yang begitu ramai. Ini dalam laporan Bersih 2.0. Apa pandangan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebab itu saya sebut tadi, cakap tidak serupa bikin, ini masalahnya. Politik cakap tidak serupa bikin. Tadi kita dengar cubaan untuk menjadikan isu ini sebagai isu rasis, isu agama, kononnya jual burger daging lembu depan rumah Ambiga, cuba diputar belitkan. Saya cukup yakin, lepas ini cuba tengok media mereka, dia akan putar belit, pusing dia kata tidak menghormati agama Hindu, tidak menghormati agama.

Saya hendak tanya bila mereka buat bunga malai keliling gambar Perdana Menteri, itu tidak hormat agama Hindu? Jelas-jelas mereka menghina agama Hindu letak bunga malai keliling gambar Perdana Menteri seolah-olah gambaran Perdana Menteri mati, itu tidak menghina agama Hindu? Mana suara *Bar Council*, mana suara Hindu-hindu yang ada? Tidak ada, tidak bercakap. Mana suara Yang Berhormat Telok Intan? Itu agama dia. Letak bunga malai kepada gambar orang Islam, itu tidak menghina agama Hindu? Mana dia suara? Tidak ada cakap sepatah haram pun, tidak cakap. Ini masalahnya bila cakap tidak serupa bikin, *double standard*, 'kongkalikung'.

Saya tadi teringin hendak bangun juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Subang dengan Yang Berhormat Telok Intan kalau dia hendak bawa ini sebagai isu agama, saya betul-betul hendak tanya Ambiga ini agama apa? Ambiga ini betul Hindu kah, Kristian kah? Saya tidak tahu. Apa yang saya tahu, mungkin saya salah, tapi yang saya tahu agama Kristian kah, Hindu kah, dia tidak benarkan seks bebas ini, jantan main jantan, pedang lawan pedang... [Ketawa] Saya rasa agama Hindu tidak benarkan, agama Kristian tidak benarkan tapi Ambiga setuju. Jadi apa agama dia? Saya tidak tahu. Jadi saya mungkin minta pengesahan daripada rakan-rakan saya, apa agama Ambiga ini?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan dia sekarang ini, persoalan yang saya sebut *double standard* ini, Ambiga bukan sahaja pelopor kepada isu sensitif yang menyentuh umat Islam seperti Suruhanjaya Antara Agama, buat forum masuk Islam dan lain-lain...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [*Berjalan mengambil tempat di dalam Dewan*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Subang sudah masuk, suruh dia jawab.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Subang, saya mahu tanya sama *you*, Ambiga ini apa agamanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, Ambiga ini dikenali sebagai orang yang cuba mencetuskan provokasi. Contoh dalam isu himpunan haram yang kedua lepas, dia buat kenyataan dia kata dia hendak jumpa Yang di-Pertuan Agong sebab hendak beritahu Yang di-Pertuan Agong yang dia hendak batalkan himpunan itu. Apa jadi? Dia jumpa Yang di-Pertuan Agong, dia keluar balik, dia putar belit, lepas itu dia buat juga. Terang-terang dia tipu Yang di-Pertuan Agong. Orang macam ini kita hendak hormat? Negara asing hendak bagi dia anugerah, itu dia orang punya pasal, tapi kita rakyat Malaysia kenal dia, kita tahu siapa dia, dengan latar belakang rekod dia selama ini, jelas sikap dia.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pada saya, Ambiga kah, *Bar Council* kah, mereka ini tidak faham bahasa diplomasi, mereka tidak faham bahasa berhemah, mereka tidak faham bahasa bersopan santun. Yang mereka faham, "*ha, itu*", sebab itu ada rakyat pilih, "*ha, ambil, ini bahasa yang kau faham*". Sebab tiap-tiap tindakan mesti ada tindak balas. Kamu tidak reti hormat undang-undang, kamu tidak reti hendak menghormati perlembagaan, kamu *expect* orang untuk hormati kamu? Isu dia bukan isu mereka buat himpunan itu depan rumah seorang perempuan, tapi mereka buat perhimpunan depan rumah orang yang tidak hormat undang-undang, tidak hormat perlembagaan, tidak kira perempuan, tidak kira lelaki, pondan pun kita akan lawan. Ini prinsip kita.

Kita bukan macam Yang Berhormat Batu, tidak setuju dengan polis, pergi gigit. Mana ada Parlimen dalam dunia bagi penjenayah jadi Ahli Parlimen? Ada? Kita ada. Sepatutnya berterima kasihlah dengan Tuan Yang di-Pertua kerana tidak benarkan kita bawa usul. Ini tak, tak reti berterima kasih, jenis tak reti berterima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang kenyataan Yang Berhormat Puchong semalam yang mempersoalkan tentang integriti Peguam Negara, integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan, sampai panggil Yang Amat Berhormat Pekan *coward*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, kamu hendak cakap soal Integriti, cerminlah diri sendiri dahulu.

Kamu tengoklah contoh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kamu hendak bercakap mengenai Perdana Menteri, kamu tengok Yang Berhormat Bukit Gelugor, bapak kamu sendiri. Pada 22 Oktober 1997, dia orangnya yang membongkar tentang kegiatan liwat Yang Berhormat Permatang Pauh dalam Dewan ini. Hari ini dia jadi *lawyer* kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, orang yang dia sendiri bongkarkan tentang kegiatan liwat itu. Ada integriti kah itu?

Tuan Yang di-Pertua, ada integriti kah orang macam Yang Berhormat Ipoh Timur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: ...Yang pada tahun 1990-an mempertikaikan Yang Berhormat Permatang Pauh dalam isu krisis kewangan yang berlaku, menyalahkan Yang Berhormat Permatang Pauh, sampai dia buat kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh menyelewengkan fakta, *misleading the House*? Itu kenyataan Yang Berhormat Ipoh Timur dalam *Hansard*. Ada integriti kah itu? Ada integriti kah kerajaan DAP hendak bercakap tentang hak asasi, hak bersuara demokrasi bila Naib Presiden dia sendiri tidak setuju dengan dia buat kenyataan, apa jadi? Ada integriti kah itu? Kita hendak bercakap tentang integriti orang, tengoklah diri sendiri dahulu. Jangan kita tepuk air di talam, terpercik muka sendiri. Ini masalah dia. Bila bercakap pasal orang, pandai.

Saya tahu mereka cuba bawa isu Scorpene ini hendak kaitkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan isu Altantuya, *simple as that*. Saya dah banyak kali sebut di sini, saya peguam yang terlibat kes Altantuya, saya *handle* kes itu, saya mewakili tertuduh itu, saya masa itu peguam Yang Berhormat Permatang Pauh. Kalaulah masa itu ada bukti walaupun sebesar zarah pembabitan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah pasti saya akan guna, tetapi tidak ada, malahan saya dimarah, "*Kenapa tidak ada, you buat, reka*". Mana boleh, kita tidak boleh. Integriti peguam kita kena jaga, sebab itu saya pilih – kita kena ada prinsip.

Tengok Yang Berhormat Beruas ini, tidak suka raja, lawan raja, "Dato'" hendak. Berilah balik, kenapa tidak bagi balik? Itu Yang Berhormat bukit Gantang, bagilah balik anugerah itu, lepas itu hendak maki Raja, kau punya pasallah, kalau rakyat terima, terima. 'Dato' Seri' hendak, anugerah Raja hendak, pergi sana sini berkokok, saya Dato' Seri Menteri Besar, Dato' Seri itu anugerah Raja. Orang macam ini kita hendak letakkan kepercayaan? Orang macam ini kita hendak letakkan harapan? Hendak *claim* integriti, hendak *claim* kredibiliti dalam Dewan yang mulia ini, jauh panggang daripada api Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya sebut mereka cuba kaitkan tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan isu Scorpene kerana cuba hendak kaitkan dengan Altantuya. Saya dah banyak kali sebut, tidak ada kena mengena langsung. Kalau ada, masa itu lagi saya dah gunakan. Saya tidak gunakan sebab tidak ada. Oh konon ada surat sumpah, *statutory declaration* kata gini-gini, laporan tah dari mana pun tidak tahu.

Akan tetapi bila kena batang hidung dia sendiri, contoh, *statutory declaration*, surat akuan bersumpah Datuk Murad, terang *detail* dia tulis mana pergi duit, akaun macam mana, bayar kepada siapa, ada dengar suara daripada *Bar Council* kah? Tidak ada. Jadi syaitan bisu lagi.

■1700

Contoh Yang Berhormat Lembah Pantai tegur, konon hari itu ada perhimpunan, bertelagah perhimpunan Barisan Nasional dengan perhimpunan dia di Lembah Pantai. Bila

orang tanya apa bukti, dia kata ada video. Eh! Yang video Yang Berhormat Permatang Pauh engkau tidak mengaku pula. Yang video ini kau beria sibuk pula. *[Ketawa]* Ini yang orang kata *double standard*. Bila kena batang hidung sendiri, bagaimana dengan surat akaun sumpah Rahimi? Pegawai khas Yang Berhormat Permatang Pauh yang mendedahkan bagaimana dia diperdaya, suruh buat surat sumpah cuba mengaitkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kes Saiful. Bagaimana surat sumpah Rashid Rosidi? Ini pembantu khas Yang Berhormat Permatang Pauh. Diperdaya, disuruh dan dipaksa buat surat sumpah mengaitkan Perdana Menteri dalam kes Saiful. Bagaimana dengan surat sumpah terbaru Datuk Nallakarupan? *Detail* dia cerita. Dengan *exhibit* video lagi. Mana pergi suara mereka? Tidak ada pun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bercakap tentang integriti, kita hendak bercakap tentang kredibiliti, kewibawaan, cermin diri sendiri dululah. Ini hendak bercakap perhimpunan 28 April itu perhimpunan yang bersih, dibenarkan undang-undang, guna Akta Perhimpunan Aman. *Lawyer* apa ini? Akta Perhimpunan Aman belum digazet pun lagi. Belum jadi undang-undang lagi. Tidak boleh pakai lagi. Kita sebagai *lawyer*, kita tahu. Akan tetapi mereka guna. Berlapik dan berlandaskan kepada akta yang belum digazet lagi. Belum dikuatkuasakan lagi sebagai alasan untuk menghalalkan tindakan yang haram. Tidak boleh. Akan tetapi kita dengar dalam Dewan ini akta yang belum digazet pun mereka hendak guna untuk *justify* tindakan haram yang telah mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) untuk meliberalisasikan sektor khidmat guaman ini adalah untuk membenarkan peguam-peguam asing datang menjalankan khidmat guaman dalam negara kita. Kekhuatiran saya satu, Yang Berhormat Kota Belud. Saya kkuatir peguam-peguam asing ini kalau datang ke Malaysia dan tengok *lawyer* kita, terperanjat dia. Ini macam *you* punya *Bar Council*. Jadi saya pun tidak tahu hendak bagi atau tidak bagi. Peguam asing kalau datang tengok *is this your Bar Council?* Terlampau sibuk dengan politik kepartian. Hal kebajikan ahli sendiri tidak jaga. Hal urusan pendidikan perundangan tidak jaga, sibuk dengan hal-hal kepartian. Malahan salah seorang daripada sahabat saya daripada New Zealand, seorang *lawyer*, dia kata *your Bar Council, they are more politician than the politician*. Dia lebih politik daripada orang politik.

Tidak malukah kita dengar kenyataan macam ini? Ini soal integriti. Kita hendak beri *Bar Council* yang macam ini kuasa dan bidang kuasa di bawah pindaan undang-undang ini? Saya rasa kita silap nanti. Kita melakukan satu kesilapan yang besar sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan beberapa perkara untuk memastikan prinsip-prinsip demokrasi dihormati, untuk memastikan kita Malaysia menuju ke arah negara maju setaraf dengan negara maju lain seperti Amerika, Britain dan Australia ceritanya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara ini, *Bar Council* dia dipelbagaikan. Ada *Middle Temple*, ada *Lincoln's Inn*, ada *Inner Temple*. Masing-masing peguam boleh pilih mana bar

yang dia hendak pergi. Di Amerika, tiap-tiap negeri ada *Bar Council* sendiri. Dia yang *regulate*, dia yang disiplinkan, dia yang menyelia peguam-peguam. Jadi, saya hendak usulkan, Tuan Yang di-Pertua. Demi untuk memperkasa dan menambah baik. Bukan *Bar Council*, kita tidak perlu *Bar Council* ini. Kita hendak menambah baik dan memperkasa sektor khidmat guaman, profesion guaman undang-undang ini. Untuk memperkasa dan menambah baik sektor dan perkhidmatan guaman undang-undang ini selari dengan prinsip-prinsip demokrasi, hak asasi. Selari dengan tema kita hendak pergi ke negara maju.

Pertama, saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya semua jawatankuasa peguam negeri-negeri dipertingkatkan menjadi seperti Jawatankuasa Peguam Negeri Sabah dan Jawatankuasa Peguam Negeri Sarawak. Mereka badan-badan autonomi. Mereka autonomi daripada *Bar Council*. Mereka tidak terikat pun dengan *Bar Council*. Ahli-ahli Bar Sabah, ahli Bar Sarawak, mereka tidak perlu ikut telunjuk *Bar Council* di Semenanjung ini. Mereka bebas sebab mereka ada majlis sendiri. Saya cadangkan untuk memperkasa dan menambah baik khidmat guaman, sektor guaman ini, kita jadikan tiap-tiap jawatankuasa peguam negeri sama taraf dan Jawatankuasa Peguam Negeri Sabah dan Jawatankuasa Peguam Negeri Sarawak dengan kuasa autonomi, dengan kuasa mereka untuk menyelia, mendisiplinkan, mendaftar, mengawal selia dan menerima pembayaran pendaftaran.

Sekarang ini kita tidak ada pilihan. Semua orang yang hendak jadi peguam, mandatori *membership* wajib kena bayar. Tuan Yang di-Pertua, ada 14,000 orang *lawyer*. Kalau seorang bayar RM1,000 untuk setahun, tidak kaya *Bar Council*? Itu yang naik tocamp sebab kita tidak ada pilihan. Kamu bercakap tentang demokrasi. Kamu bercakap tentang hak asasi. Kamu bercakap tentang hak memilih, *right of choice*. Akan tetapi apabila datang kepada fundamental institusi, institusi fundamental seperti *bar*, Majlis Peguam, Badan Peguam, tidak ada hak memilih. Kena jadi ahli *Bar Council*, kena jadi Ahli *Malaysian Bar*.

Jadi, saya cadangkan supaya tiap-tiap negeri diberi kuasa autonomi hanya dengan perlu meminda sedikit sahaja dalam Akta Profesion Undang-undang ini untuk menjadikan tiap-tiap jawatankuasa peguam negeri dengan nama baru, Majlis Peguam Negeri masing-masing dan terpulang kepada *lawyer* itu. Saya hendak jadi Ahli Majlis Peguam Selangor, saya hendak jadi Ahli Majlis Peguam Kedah, saya hendak jadi Ahli Majlis Peguam Wilayah atau saya hendak jadi Ahli Majlis Peguam Johor kah, suka saya. Ikut mana yang saya hendak praktis. Di mana saya hendak pergi. Itu pertama.

Tuan Yang di-Pertua, ini dilakukan di Australia, dilakukan di Britain, dilakukan di Amerika. Mereka ada badan guaman tersendiri. Masing-masing di negeri masing-masing. Jadi, tidak ada sebab kita tidak boleh buat sedemikian di Malaysia. Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan untuk penambahbaikan dan meningkatkan mutu khidmat guaman ini, untuk memartabatkan khidmat guaman ini. Saya cadangkan supaya khidmat guaman ini dipecahkan seperti yang dibuat di Britain iaitu *barrister* ada badan dia, *solicitor* ada badan dia. *Advocate*

and solicitor dipecahkan. *Advocate* diselia oleh Majlis-majlis Peguam Negeri tadi. Yang mana hendak pergi mahkamah, kita ada badan-badan seliaan sendiri di peringkat negeri masing-masing seperti yang dibuat di Amerika, di Britain dan lain-lain. Majlis Peguam untuk menyelia peguam-peguam yang hendak pergi ke mahkamah *advocate*. Di Britain dikenali sebagai *barrister*.

Di waktu yang sama, kita perlu menyelia peguam cara-peguam cara ini, peguam atau pegawai undang-undang bank contohnya, pegawai undang-undang syarikat contohnya, pegawai undang-undang banyak peringkat. Saya rasa mereka ini juga perlu diselia dan diletakkan di bawah badan-badan tertentu. Di sini pentingnya Akademi Undang-undang. Akademi Undang-undang ini dikhususkan untuk peguam cara atau mereka yang tidak berdaftar sebagai peguam bela yang hendak pergi ke mahkamah.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya dimansuhkan badan induk Majlis Peguam, bukan *Malaysian Bar*. Ia ada dua badan di situ. Majlis Peguam – badan exco, pengurusannya. Dia ada *Malaysian Bar*. Yang saya cadangkan ialah kita mansuhkan badan induk *Bar Council* itu, Majlis Peguam sebab kita sudah tubuhkan tadi Majlis Peguam Negeri-negeri dan kita pecahkan profesion guaman ini kepada dua. *advocate* satu, *solicitor* satu. Saya cadangkan kita mansuhkan badan induk Majlis Peguam, kita *maintain* badan induk *Malaysian Bar* sebagai badan payung semua badan-badan guaman tadi tanpa perlu kepada keahlian mandatori *Malaysian Bar*. Ini secara langsung akan menyebabkan semua peguam ada badan masing-masing yang dia boleh pilih. *The right of choice* ada pada dia tetapi di bawah seliaan badan payung yang dipanggil *Malaysian Bar*.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, kita bercakap tentang demokrasi. Demokrasi ialah hak memilih. Rakyat Malaysia patut diberikan ruang untuk memilih khidmat guaman yang terbaik dan dalam era globalisasi ini, era global sekarang ini, kita tidak ada pilihan. Kita perlu membenarkan ruang pintu kita, negara kita dibuka kepada profesion-profesion lain. Bukan sahaja peguam tetapi *engineer*, jurutera, arkitek dan lain-lain profesion-profesion ini.

■1710

Jadi rakyat Malaysia akan dapat yang *the best*, yang terbaik cuma seperti cadangan daripada Yang Berhormat Pengerang dan beberapa rakan lain tadi, kita harapkan supaya walaupun kita buka sektor ini kepada guaman asing tetapi mesti ada kawal selia daripada segi input peguam-peguam tempatan. Mungkin kita perlu adakan peraturan peguam-peguam asing ini perlu *engage* peguam-peguam tempatan, ataupun mereka mesti ada *strategic partnership* dengan peguam-peguam tempatan untuk membolehkan peguam-peguam tempatan memperoleh kepakaran yang mereka ada sebab saya cukup yakin *lawyers* asing yang datang ini pun bukan yang 'cikai' anak ini, yang nak datang ini mesti yang pakar-pakar. Kalau dia 'cikai', dia tak datang sebab dia tak akan dapat kerja itu.

Jadi saya harap perkara sebegitu boleh dilakukan untuk akhirnya bukan nak memperkasakan atau memartabatkan *Bar Council*, yang ini patut mansuhkan sahaja tetapi untuk memperkasa dan memartabatkan khidmat guaman dalam negara kita. Dengan alasan-alasan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

5.11 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Untuk membincangkan satu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976.

Peguam adalah satu profesion yang sangat dihormati. Sebagai orang awam, saya rasa saya pun ada hak untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membincangkan akta ini dan golongan ini adalah dipandang cukup mulia sekali dan dianggap sebagai *champion* atau sebagai pejuang yang telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin hak rakyat yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan sekali gus mereka ini memastikan negara kita mempunyai nilai *civil society* yang baik. Peguam sebenarnya adalah *the one who mastered the law*, dengan izin tetapi mereka bukanlah *above the law*. Ini kerana akhir-akhir ini kita dapat lihat dalam kita mengharungi dunia yang semakin mencabar hari ini, kita dapati bahawa banyak peguam yang sememangnya dianggap tergolong daripada golongan-golongan orang yang cerdik pandai yang telah terjebak dengan jenayah-jenayah antarabangsa hanya kerana ketamakan untuk meraih keuntungan dan kekayaan yang cepat.

Masyarakat juga sebelum ini pernah digemparkan di mana peguam telah mendapatkan pengiktirafan dengan cara yang tidak profesional di mana seorang penilai untuk pemeriksaan mendapatkan lesen CLP yang sepatutnya seorang yang berwibawa iaitu bekas Timbalan Dekan Fakulti sebuah jabatan undang-undang institusi telah gelap mata dengan sogokan sejumlah wang untuk memberikan keputusan lulus peperiksaan kepada beberapa orang peguam bagi graduan undang-undang dari luar negara yang tidak diiktiraf di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita juga masih belum lupa lagi apa yang terjadi di negara Singapura satu ketika dahulu di mana keruntuhan sebuah bank yang besar iaitu Barings Bank yang telah disebabkan oleh seorang eksekutif yang diberikan kepercayaan iaitu yang bernama Nick Leeson yang bersekongkol dengan beberapa firma guaman antarabangsa dan akhirnya Barings Bank ini runtuh. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa peguam-peguam ini bukanlah orang yang sepatutnya yang kita harapkan bukanlah *above the law*.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak mendengar tentang cerita *Bar Council* tadi. Hanya saya nak bangkitkan satu perkara tentang Presiden *Bar Council* yang telah membangkitkan dan mempertikaikan enakmen fatwa ataupun enakmen mufti yang dianggap keterlaluan. Kita dapat

lihat sama-sama pandangan Lim Chee Wee mengenai enakmen mufti dan juga fatwa Kedah Darul Aman tahun 2008 baru-baru ini yang bersifat peribadi ataupun bersifat pendirian rasmi daripada Majlis Peguam pimpinannya. Kita nak tahu sama ada ini adalah pendirian *Bar Council* ataupun pendirian secara peribadinya. Ia sekali lagi memperlihatkan tindakan badan ini yang suka mencampuri urusan dalam bidang yang di luar peranan sebenarnya mereka. Kalau sebelum ini Majlis Peguam sering mencampuri urusan politik sehingga sukar untuk kita membezakan kenyataannya dengan pendirian parti pembangkang.

Tindakannya kali ini dilihat agak keterlaluan kerana membabitkan urusan agama Islam. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataannya minggu lalu ini yang sangat mengguris hati, Majlis Peguam berpendapat kononnya seksyen 22(A) enakmen itu, yang menyebut walau apa pun undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan fatwa yang akan diputuskan oleh mufti atau jawatankuasa fatwa sama ada diwartakan atau tidak hendaklah dipatuhi dan tidak boleh dicabar, dirayu, disemak, dinafi atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah Sivil ataupun Syariah. Ini cukup jelas sekali tetapi Lim Chee Wee sebagai Presiden *Bar Council* telah membuat kenyataan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana ia seolah-olah menyingkirkan bidang kuasa mahkamah.

Pandangan Majlis Peguam ini sudah tentu dibuat berdasarkan tafsirannya terhadap undang-undang dan Perlembagaan serta prinsip kebebasan bersuara yang menjadi kononnya pegangan mereka selama ini. Bagaimanapun mereka lupa atau memang jahil mengenai Islam apa lagi berhubung prinsip dan juga proses mengeluarkan fatwa serta kelayakan mereka yang terbabit dalam muzakarah sebelum satu ketetapan dikeluarkan. Mereka juga mungkin tidak tahu bahawa sesuatu fatwa masih boleh dikaji lagi. Akan tetapi melalui muzakarah semula dengan jawatankuasa fatwa dan dalam masa yang sama, bagi kebanyakan orang Islam walaupun setipis mana keimanan kita, hukum agama adalah mutlak dan mengatasi undang-undang ciptaan manusia, walaupun hakikatnya ramai orang Islam yang melanggar hukum agama tidak bermakna mereka merelakan pihak lain apa lagi bukan Islam mencampuri urusan agama mereka. Satu perkara yang mesti kita ingat bahawa agama rasmi Persekutuan di Malaysia adalah agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan hari ini kita berdepan pula dengan isu-isu di mana peguam yang menjadi ahli persatuan Guaman Malaysia telah akhir-akhir ini telah banyak terlibat dengan isu berpartisan di mana ramai di antara mereka telah secara tidak langsung mengabaikan prinsip-prinsip paling asas dunia perundangan itu sendiri. Jadi kita dapat lihat dalam masa yang sama mereka adalah peguam yang mengamalkan peguam, peguam yang *practicing* tetapi dalam masa yang sama mereka juga adalah ahli politik yang mencampuri bukan sahaja urusan kerajaan bahkan membuat berbagai-bagai kenyataan yang boleh kita persoalkan.

Sebelum ini saya nak sebut di sini, kita dapat lihat saya berangan betul tengok peguam-peguam ini dan cukup menghormati bukan sahaja dia daripada kalangan orang-orang yang hebat tetapi kita lihat daripada lambangnya iaitu satu neraca yang dipegang oleh wanita yang ditutup matanya melambangkan peguam tidak sepatutnya berpihak kepada mana-mana orang melainkan dengan tulus menjalankan tugas dan memastikan mereka yang dihadapkan ke mahkamah mendapat keadilan yang paling wajar berdasarkan kepada undang-undang yang ada. Dalam masa yang sama, kita dapat lihat walaupun mereka kononnya memperjuangkan satu-satu kebenaran tetapi dalam masa yang sama mereka boleh menukar pendirian kerana kepentingan parti.

■1720

Kita dapat lihat dalam Dewan ini sendiri, peguam yang dalam masa yang sama adalah juga ahli politik yang suatu ketika dahulu konon untuk menegakkan kebenaran, membongkar perkara-perkara yang memalukan tetapi apabila orang tersebut telah menganggotai kumpulan mereka, mereka bela pula. Mereka yang menjadi konon jaguh, konon mahu menegakkan kebenaran dan keadilan tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh melupakan apa yang mereka sebut. Bagaimanakah rakyat boleh menilai ketelusan atau pun kebolehan seseorang peguam yang boleh bertukar-tukar pendapat atau pendirian kerana kepentingan peribadi.

Seterusnya, saya pergi kepada yang terakhir iaitu perkongsian antarabangsa firma guaman adalah amalan kita di negara ini boleh dilihat sebagai satu cara untuk kita menjana pendapatan kerana pada hari ini dunia lebih bersifat, dengan izin, *transcend transcontinental information* di mana maklumat dan aktiviti lebih berbentuk global. Pada masa yang sama kita *receptive* kepada transformasi yang digagaskan oleh kerajaan ataupun pemerintah pada hari ini. Kita membuka ruang dengan luasnya supaya kita dilihat sebagai negara yang lebih berjaya dan berdaya saing dengan negara-negara lain yang lebih maju. Akan tetapi dalam masa yang sama apabila penglibatan daripada firma guaman asing ini membuat apa juga kesalahan, denda yang dikenakan kalau kita lihat daripada perkara 40C begitu ringan sekali. Hanyalah RM100,000 sahaja. Mereka ini sepatutnya bukan sahaja diberikan peluang atau pun kebebasan untuk beramal dalam negara kita tetapi mereka mestilah, kalau boleh, dikenakan pelbagai syarat. Apa juga kesalahan yang dibuat, mereka bukan sahaja mesti dibicarakan dalam negara dan tidak dibenarkan untuk meninggalkan negara ini apabila telah melakukan apa-apa kesalahan. Ini kerana adalah menjadi satu perkara yang cukup susah untuk *sue* atau pun mengambil tindakan kepada mana-mana pesalah yang telah meninggalkan negara dan lebih mudah untuk kita mengambil tindakan di negara yang mereka duduki.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua iaitu saya hendak ulas tentang satu kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Subang tadi yang menyatakan kononnya seorang Ahli Yang Berhormat ADUN dari Sungai Rambai, dalam kawasan Parlimen saya, telah dituduh 'kencingkan' gambar Ambiga. Saya membantah kenyataan ini dan bagus kalau Yang

Berhormat Subang membuat kenyataan di luar dan buktikan kesahihan. Walaupun perkara ini hanya satu berita yang disiarkan dalam *website*, tidak semestinya perkara ini dibawa ke Parlimen, tempat yang mulia ini. Ini adalah satu pembohongan yang cukup nyata. Seorang Ahli Yang Berhormat, yang mempunyai integriti, kalau 'kencingkan', maknanya Yang Berhormat...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Mungkin dia. Saya tidak tahulah. Saya hendak sebut pun saya tidak berani kerana apabila kita kencing, maknanya kita buat di khalayak ramai ataupun di tempat tertutup? Hendak buka habis atau buka sedikit....? *[Ketawa]* Kita hendak tanya. Jadi, tidak sepatutnya seorang Ahli Yang Berhormat sewenang-wenangnya membuat tuduhan kepada seorang Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya membantah tuduhan ini dan minta kalau boleh, kalau Yang Berhormat itu boleh membuktikan perkara ini bagus supaya kita jangan sewenang-wenangnya membuat apa juga tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan satu perkara. Sekarang kita dapat lihat bahawa firma-firma asing diberikan kebenaran untuk beramal. Jadi, mereka akan bersaing dengan firma-firma guaman dalam negara kerana kebolehan mereka bukan sahaja mereka dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dengan begitu fasih sekali. Maka, firma guaman tempatan akan terus ketinggalan. Jadi, di manakah sebenarnya keadilan kepada rakyat biasa yang mahu mendapatkan keadilan kerana sudah tentu firma guaman antarabangsa ini akan mengenakan satu pembayaran atau fi yang memang cukup membebankan.

Akhirnya, sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa beliau akan mencadangkan kepada Kabinet untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Undang-undang Malaysia atau Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang Malaysia yang bebas. Jadi, saya hendak bertanya apakah perbezaan di antara Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan di manakah arah tuju setelah suruhanjaya undang-undang yang dicadangkan untuk diwujudkan?

Keduanya, apakah pendirian kerajaan berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Undang-undang yang dicadangkan sekarang. Akhirnya, mengapakah Jawatankuasa Penggubalan Undang-undang Parlimen dihapuskan?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

5.26 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan untuk saya bersama-sama untuk membahaskan suatu akta untuk meminda akta profesion guaman ini.

Telah banyak yang diperkatakan oleh rakan-rakan apabila melihat beberapa aspek tentang keperluan untuk kita melihat bahawa pindaan ini akan mengizinkan berlakunya beberapa perkara penting. Yang paling banyak dibahaskan adalah tentang syarikat-syarikat ataupun individu-individu yang tersohor namanya di peringkat antarabangsa diizinkan untuk *practice*, dengan izin, ataupun mengamalkan profesion guaman mereka dalam negara kita. Disebut dengan jelas dalam roh ataupun semangat pindaan itu ianya mungkin bermula dengan keperluan. Apabila kepesatan sistem perbankan Islam yang telah menjadi salah satu daripada keperluan dan Malaysia sebagai satu destinasi penting dalam urusan niaga yang melibatkan perbankan Islam ini, maka ada keperluan yang wujudnya kes-kes ataupun isu-isu yang melibatkan transaksi ataupun yang melibatkan pelanggan-pelanggan dari negara-negara luar, khususnya daripada negara Arab. Ini sudah barang pasti akan menimbulkan isu baru di mana kita melihat keperluan untuk kehadiran peguam-peguam, khususnya daripada negara Arab yang akan mengambil tempat apabila berlakunya kes-kes yang melibatkan, khususnya sistem kewangan Islam.

Itu adalah di antara saya kira perkiraan untuk akta ini dipinda tetapi sebelum daripada itu bagi saya juga bersetuju perkara-perkara yang menyentuh tentang isu undang-undang, isu mahkamah tidak boleh dipisahkan daripada keterlibatan mereka yang memilih peguam sebagai profesion mereka. Maka, dalam hal ini kita tidak boleh lari daripada apa yang menjadi asas kepada institusi yang penting ini di mana profesion guaman ini adalah merupakan salah satu profesion yang menyumbang dan memberikan satu implikasi besar terhadap perjalanan undang-undang. Ada yang mentafsirkan peguam adalah merupakan *master* atau orang yang paling mahir tentang undang-undang tetapi saya lebih suka menyatakan bahawa mereka yang terlibat dalam profesion guaman ini adalah merupakan mereka yang mentafsir undang-undang itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sambung esok.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Ya, terima kasih.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Tapak Pelupusan Sampah Bukit Bakri**

5.30 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan sampah di Bukit Bakri, Muar, Johor sudah lama berada di sekitar kawasan perumahan hingga menyebabkan masyarakat sekitar kawasan ini terpaksa berhadapan dengan persekitaran bau busuk, jalan rosak dan pencemaran alam sekitar. Selain itu, lokasi tapak pelupusan sampah ini tidak sesuai ekoran berhampiran dengan tanah perkuburan masyarakat Cina.

Semenjak dari tahun 2007, pelbagai janji ditaburi kepada rakyat. Pada 2009, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar telah berjanji akan memindahkan tapak pelupusan sampah ke kawasan Pagoh manakala pada tahun 2010 Menteri Besar Johor sendiri mengakui tanah seluas 150 ekar telah tersedia di Pagoh dengan kos pembinaan mencecah RM23 juta. Beliau turut berjanji tapak pelupusan sampah akan ditutup menjelang tahun 2011. Namun, janji hanya tinggal janji. Projek pemindahan tapak pelupusan sampah ini masih lagi tidak menampakkan perkembangan. Inikah yang dinamakan janji ditepati?

Rakyat semakin hampa walaupun kerajaan mengumumkan tapak pelupusan sampah ini telah ditutup hampir 55% pada tahun 2010. Namun peningkatan penggunaan tapak pelupusan ini daripada 250 tan sehari sehingga ke 400 tan sehari. Di sebalik pengumuman tersebut dan kadar penambahan penduduk daerah Muar hanya sekadar 2% sahaja. Bagaimanakah kenaikan sehingga 40% ini boleh terjadi? Adakah projek pemindahan tapak pelupusan sampah ini dan pemuliharaan semula tanah tersebut dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9?

Tuan Yang di-Pertua, Kolam Renang Muar sememangnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Sememangnya merupakan satu tapak yang sesuai untuk anak muda dan keluarga melakukan aktiviti rekreasi serta melakukan latihan sukan renang. Satu masa dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, nota saya tidak ada yang itu Yang Berhormat. Sehingga soalan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dalam ucapan saya, saya faks kepada Setiausaha Parlimen memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan sudah habis.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, memang saya ada. Saya faks dia terima dua ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang dihantar ke Parlimen cuma sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, memang sama kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak termasuk. Setakat ini ucapan Yang Berhormat untuk ini setakat hingga Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang tertera dalam catatan. Itu yang dihantar ke Parlimen kerana selepas ini Yang Berhormat Menteri akan menjawab...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masa pun tidak sampai Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Tidak payah campur Yang Berhormat. Yang Berhormat, Menteri akan menjawab...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Asasnya dia ada dalam topik yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat dia cuma menjawab perkara-perkara yang dihantar secara bertulis. Kita tidak boleh *suspend* undang-undang lagi hari ini fasal ini. Tidak boleh Yang Berhormat. Nota saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biarlah dia baca sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Nota yang dihantar adalah setakat sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya tidak benarkan lagi kerana Yang Berhormat Menteri akan menjawab berasaskan kepada nota yang setakat Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tetapi semasa saya hantar dia memang cakap terima dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena *check* balik dengan Parlimen. Sampai Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya tidak benarkan Yang

Berhormat kerana usul Yang Berhormat harus seperti yang dihantar ke Parlimen. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri. Setakat itu ya.

5.35 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak mengenai cadangan yang diberikan kepada Yang Berhormat itu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bakri di atas perkara yang dibangkitkan dalam ucapan penangguhan beliau. Memang saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Teks yang saya terima pun dihantar oleh Parlimen pun sampai para yang *last* sekali ialah adakah projek pemindahan tapak pelupusan sampah ini dan pemuliharaan semula tanah tersebut dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Itu sahaja.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sememangnya peka dan sedia maklum mengenai keadaan di tapak pelupusan sisa pepejal di Bakri ini. Saya sendiri juga telah pun banyak kali turun ke tapak ini untuk melawat dan memantau kemajuan pelaksanaan projek ini dan saya akur bahawa keadaan di tapak pelupusan ini sememangnya menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk di sekeliling. Oleh yang demikian, demi kepentingan rakyat kerajaan telah pun mencari pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah ini. Setelah menimbang alternatif yang ada kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menutup selamat tapak ini secara beransur-ansur iaitu kira-kira tujuh hektar tapak ini akan ditutup selamat. Manakala tujuh hektar lagi yang berada di bahagian belakang tapak ini akan digunakan buat sementara waktu sehingga tapak baru di Pagoh dibangunkan. Dijangka tapak sementara ini berupaya digunakan untuk tempoh selang dua tahun lagi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan prihatin terhadap keadaan di tapak pelupusan di Bukit Bakri ini namun segala pembangunan yang dilakukan tetap perlu mengikut lunas-lunas perundangan yang ditetapkan. Misalnya mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pembinaan tapak pelupusan di Pagoh perlu terlebih dahulu melakukan laporan terperinci kajian impak alam sekitar (DEIA). Sebagai makluman laporan terperinci kajian impak alam sekitar telah pun diluluskan pada April 2011 dan reka bentuk tapak pelupusan sisa pepejal di Pagoh juga telah pun dimuktamadkan.

Selain itu, sementara menunggu tapak pelupusan baru siap dibina, kerajaan telah pun mengambil langkah proaktif untuk menaik taraf dan menutup selamat tapak pelupusan sisa pepejal di Bakri dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini bagi mengawal pencemaran bau dan persekitaran yang tidak selesa. Setakat ini kemajuan kerja di tapak telah pun mencapai 80% dan kerja-kerja ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya sebelum hujung tahun ini. Antara usaha naik taraf di tapak pelupusan Bakri yang dilakukan termasuklah pembinaan benteng tanah dan air paip *leachate* agar *leachate* dari tapak pelupusan ini dialirkan ke kolam

takungan untuk rawatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua projek ini telah pun dilaksanakan secara berfasa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah disambung ke Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk memastikan projek-projek ini dapat disempurnakan dengan berkesan seperti mana yang telah dijanjikan kepada rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Fatwa Pengharaman Bersih 3.0 Bertentangan Dengan Konsep Amar Maaruf Nahi Mungkar

5.39 ptg.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat Menteri dia atas kematian bondanya pada petang tadi. Mudah-mudahan Allah SWT merahmati bonda Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Fatwa Pengharaman Perhimpunan Aman Bersih 3.0 bertentangan dengan Konsep Amar Maaruf Nahi Mungkar. Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang kepada perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam agama hendaklah dibahaskan di kalangan mereka yang berkeahlian dalam bidang berkaitan untuk mengelakkan salah faham kepada masyarakat umum.

■1740

Oleh sebab itu ulama yang jujur kepada hukum agama dan yang memelihara kemurnian hukum Islam serta menjaga martabat dan maruah umat Islam akan memberikan pendapat tanpa takut ancaman kepada diri atau mengambil kira kepentingan mana-mana kelompok.

Apabila muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia hari ini memutuskan haram untuk umat Islam menyertai perhimpunan atau demonstrasi yang bertujuan tidak baik melanggar undang-undang serta mencetuskan huru-hara dan kekacauan dalam negara, fatwa ini telah menimbulkan pelbagai reaksi serta komentar daripada pelbagai lapisan masyarakat. Persoalannya adakah Majlis Fatwa Kebangsaan mengambil pandangan daripada pelbagai pihak yang terlibat seperti Menteri Dalam Negeri yang menyatakan perhimpunan ini tidak mengancam keselamatan negara, Polis Diraja Malaysia, para peguam yang terlibat, pihak penganjur, Pengerusi ataupun Pengerusi bersama, media yang membuat laporan, parti-parti politik yang terlibat mengarahkan ahli berhimpun, badan-badan bukan kerajaan, individu-individu tertentu ataupun pihak Suhakam dalam konteks kebebasan hak asasi manusia?

Tuan Yang di-Pertua, amar makruf nahi mungkar adalah penyuaran kebenaran yang dijamin sebagai hak kebebasan bersuara. Dalam konteks masa kini, dia dapat dilaksanakan

dengan pelbagai cara sebagaimana yang disebut oleh Syeikh Wahbah Zuhaili, salah seorang ulama tersohor di Syria, menerusi ucapan lisan dan tulisan, lukisan dan rakaman, persuratkhabaran dan demonstrasi. Dalam kaitan ini, mengkritik adalah sebahagian daripada amar makruf nahi mungkar termasuk mengkritik pemerintah. Malah, membangkang juga sebahagian daripada amar makruf nahi mungkar jika dilakukan atas dasar melawan kemungkaran dalam pengertian menolak kesalahan, melawan kebatilan, menegakkan kebenaran dan merealisasikan maslahat ummah dalam batasan-batasan syarak. *[Membaca sepotong hadis]*

Mengenai demonstrasi pula, Al-Qardawi menyatakan, seperti orang lain, kaum Muslimin juga berhak mengadakan perarakan dan demonstrasi untuk menyuarakan tuntutan-tuntutan mereka yang sah dan untuk menyampaikan permintaan-permintaan mereka kepada pihak berkuasa dan para pembuat dasar dengan suara yang dapat didengar dan harus didengar dan tidak boleh diabaikan. Suara individu mungkin tidak didengar, tetapi suara ramai terlalu nyaring untuk diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan asal demonstrasi 'Duduk dan Bantah' pada 28 April 2012 adalah perhimpunan aman yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia dan bertujuan untuk menuntut satu pilihan raya yang adil dan bersih. Insiden rusuhan bermula setelah berlaku provokasi daripada pihak keselamatan. Inilah di antara persoalan yang masih berlegar dalam isu ini.

Oleh itu, fatwa yang diberikan biarlah bebas daripada pengaruh mana-mana pihak supaya mempunyai nilai dan kredibiliti serta kekuatan yang tersendiri. Fatwa adalah ilmu dan amanah dan kerana itu ia harus diputuskan dengan teliti, berhati-hati dan penuh rasa tanggungjawab. Jangan sampai mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.44 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kedah yang telah membangkitkan isu fatwa dalam usul ucapan penangguhan yang bertajuk 'Fatwa Pengharaman Perhimpunan Aman Bersih 3.0 Bertentangan Dengan Konsep Amar Maaruf Nahi Mungkar' seperti yang telah dibentangkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menjelaskan bahawa fatwa berkaitan perhimpunan Bersih 3.0 tidak pernah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Sebaliknya, ia merupakan nasihat daripada ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa

Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 4 hingga 6 Mei 2012. Perkara ini telah dipersetujui oleh semua ahli muzakarah supaya nasihat mengenai penglibatan umat Islam yang bertindak sebagai perusuh jalanan yang telah membawa kerosakan dan musibah kepada negara dikeluarkan melalui satu kenyataan media.

Antara isi kandungan kenyataan media tersebut adalah menyebut... *[Membaca petikan]*

“Ahli-ahli muzakarah memandang serius terhadap tindakan sebahagian masyarakat termasuk umat Islam yang bertindak sebagai perusuh jalanan sepertimana yang berlaku dalam demonstrasi Bersih 3.0 baru-baru ini yang telah membawa kepada kerosakan dan musibah kepada negara. Sebagai umat Islam, seharusnya kita mensyukuri keamanan, kemakmuran dan perpaduan yang telah dinikmati dan diwarisi sejak sekian lama. Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tunjang pegangan kita umat Islam di Malaysia sejak sekian lama wajib kita pelihara dan pertahankan daripada apa jua anasir negatif kerana pegangan inilah yang menjadi perisai diri umat Islam daripada terjebak dengan perlakuan yang ditegah dan dimurkai Allah dan rasulnya.

Tindakan merusuh membawa kacau bilau dan merosakkan harta benda awam adalah satu perbuatan yang ditegah oleh Islam dan menderhaka kepada Ulil Amri. Sebagai umat Islam, kita wajib mentaati Ulil Amri selagi mana mereka tidak membawa kita kepada kemusnahan. Oleh itu, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, banyak saluran perbincangan yang lebih bermanfaat boleh dilaksanakan tanpa perlu menggadai keamanan. Mereka yang terlibat dalam demonstrasi tersebut khususnya umat Islam perlu sedar dan insaf bahawa tindakan yang telah mereka lakukan tersebut bukan daripada ajaran Islam kerana Islam tidak pernah menyuruh umatnya bertindak secara tidak hak dengan mengancam nyawa sesama manusia, menimbulkan huru-hara dan merosakkan negara demi mencapai sesuatu agenda.”

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa ahli-ahli muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan adalah dilantik di atas perkenan Majlis Raja-Raja. Justeru, mereka tidak ada kepentingan politik melainkan untuk kepentingan agama dan ummah. Oleh yang demikian, nasihat oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah bebas daripada pengaruh mana-mana pihak dan tidak terikat dengan kepentingan individu mahupun organisasi, malah dilakukan dengan penuh ketelitian berdasarkan sumber hukum Islam tanpa timbul perasaan takut mahupun berpihak kepada sesiapa.

Sesungguhnya mengadakan demonstrasi bukanlah jalan yang wajar dalam usaha dakwah nahi mungkar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah. Dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, banyak saluran boleh

digunakan bagi menyatakan atau menyampaikan sebarang pandangan dan pendapat sama ada melalui debat, persidangan, seminar, malah rakyat sendiri diberi kebebasan memilih pemimpin dan kerajaan setiap lima tahun sekali dalam pilihan raya umum tanpa perlu menggadai keamanan negara.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Rabu, 13 Jun 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.48 petang.